Rhea, Z. M. (2004). The Preservation and Maintenance of the Knowledge of Indigenous Peoples and Local Communities: The Role of Education. AARE Conference, Melbourne. 1-15

Roslan, N. A. (2021). The Understanding of Meruyan and Help Seeking Behaviour among a Melanau Community of Sarawak: The Implication for Social Work Practices. *Thesis for Master of Social Sciences (Social Work)*: University of Malaysia Sarawak.

Ruddle, K., Johnson, D., Townsend, P. K., & Rees, J. D. (1978). *PALM SAGO: A Tropical Starch from Marginal Lands*. Canberra: Australian National University Press.

Sait, E. K. L., Mersat, N. I., Wong, S. K. (2018). Preliminary observations on indigenous knowledge and the uses of natural resources in Banting and Padawan. *Akademika 88*(3), 33-42

Saunders, M. (2012). Choosing research participants. In Symons G and Creswell, J. (eds.) The Practice of Qualitative Organizational Research: Core Methods and Current Challenges. Sage: London.

Senanayake, S. G. J. N. (2006). Indigenous Knowledge as a key to sustainable development. *Journal of Agricultural Sciences- Sri Lanka 2*(1), 87-94

Sheblee, Z. (2014). *Sago – more than a reliable food source*. The Star. Retrieved from https://www.thestar.com.my/news/community/2014/09/04/sago-more-than-areliablefood-source-an-ingredient-vital-to-the-melanau-way-of-life

Sillitoe, P. (2006). Introduction: Indigenous Knowledge in development. *Anthropology in Action, 13*(3). 1–12

Siyu, H. (2018). MUKAH (P213) A smart city in the making. *Sarawak Tribunes News*. Retrieved from https://www.newsarawaktribune.com.my/mukah-p213-a-smart-city in-the-making/

Tran, P., Takeuchi, Y., & Shaw, R. (2009). *Chapter 4: Indigenous Knowledge in river basin management, In: Indigenous Knowledge and Disaster Risk Reduction*. New York: Nova Science Publishers, Inc.

Ulluwishewa, R. (1993). Indigenous Knowledge, National IK Resource Centers and Sustainable Development, Indigenous Knowledge and Development Monitor, 1(3), pp. 11-13.

UNESCO. (2009). *Learning and Knowing in Indigenous Societies Today*. UNESCO: Paris, 128pp.

UNESCO. (n.d.). What is Intangible Cultural Heritage? Retrieved from https://ich.unesco.org/en/what-is-intangible-heritage-00003.

Van Maanen, J. (1983). The fact of fiction in organizational ethnography. *Qualitative methodology, 2*, 37-56.

Yaakub, A. N., Ahmad, I. S. Z., & Mohamad, N. H. (2023). Challenges in enhancing sustainable sago palm cultivation in the Mukah Division of Sarawak, Malaysia. *Journal of Namibian Studies, 34S2*(2023), 119-134. https://doi.org/10.59670/jns.v34i. 1696

Zakaria, M., & Mohd. M. A. (2010). *Traditional Malay Medicinal Plants*. Subang Jaya, Selangor: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Zarina, I., Ibrahim, M., Nordin, A., Abdullah, I., Salleh, N., & Ghani, M. (2014). Kepercayaan Etnik Melanau Dari Sudut Pandang Islam: Suatu Analisa. *e-Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK2014)*.https://www.researchgate.net/publication/275529137_KEPERCAAAN_ETNIK_MELANAU_DARI_SUDUT_PANDANG_ISLAM_SUATU_ANALISA

APPENDICES

Appendix A: Journal Publications

1. Arshad, M. F., Ya'aakub, A. N., Salleh, M. S., & Ishak, S. Z. A. (2023). The Uses of *Balau* Among the Melanau Community Especially in the Traditional Healing Rituals. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(2), 1-15. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2103
2. Ya'akub, A. N., Naim, H. M., Ishak, S. Z. A., Daud, A. I. A., & Arshad, M. F. (2023). Youth participation in the Sago industry: A Malaysia case study. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space, 19*(1), 227-240. https://doi.org/10.17576/geo-2023-1901-17

Appendix B: In-Depth Interview Form

PRESERVING AND EXPLORING TRANSITION OF INDIGENIOUS KNOWLEDGE ON TRADITIONAL HEALING RITUAL AMONG MELANAU COMMUNITY IN MUKAH DIVISION OF SARAWAK

BORANG TEMU BUAL

Nama Informan : _____

Tarikh Temubual : _____

Tempat Temubual : 1. Mukah [ ]

Kampung _____

2. Dalat [ ]

Kampung _____

3. Oya [ ]

Kampung _____

BAHAGIAN A	: LATAR BELAKANG INFORMAN

1: Nama Informan : _____

2. Jantina : 1. Lelaki [ ]
2. Perempuan [ ]

3. Agama : 1. Islam [ ]
2. Christian [ ]
3. Pagan [ ]

4. Umur : _____ Tahun

5. Taraf Perkahwinan : 1. Berkahwin [ ]
2. Bujang [ ]
3. Balu/Duda/Janda [ ]

6. Taraf Pendidikan : 1. Tidak pernah bersekolah [ ]
2. Sekolah rendah [ ]
3. Sekolah menengah rendah [ ]
4. Sekolah menengah atas [ ]
5. Maktab/Institut [ ]
6. Universiti [ ]

7. Pekerjaan Utama : _____

8. Pekerjaan Sampingan : 1. Tiada [ ]
2. Ada (nyatakan) : _____

BAHAGIAN B **(OBJEKTIF 1)**	**:** ***To identify the importance of preserving indigenous knowledge on traditional healing ritual among Melanau community.***

To achieve the first objective, a total of 7 In-depth interviews will be conducted - involving **7 Melanau Traditional Healing Practitioner.** Research Question 1: To what extent indigenous knowledge on healing rituals among the Melanau community will persist?

1. Boleh saya tahu sudah berapa lama anda menjadi pengamal perubatan tradisional?
2. Boleh anda senaraikan jenis-jenis ritual perubatan tradisional masyarakat Melanau yang anda tahu?
3. Boleh terangkan cara-cara atau langkah yang anda lakukan bagi setiap jenis ritual perubatan tradisional yang anda tahu?
4. Boleh anda kongsikan jenis penyakit dan cara mengubati penyakit yang biasa anda hadapi?
5. Boleh saya tahu daripada mana anda belajar cara perubatan tradisional?
6. Adakah terdapat perbezaan cara penyembuhan yang digunakan oleh anda pada zaman generasi dahulu dan zaman sekarang?
7. Boleh saya tahu bagaimanakah permintaan atau sambutan daripada masyarakat Melanau dalam mengunakan khidmat anda sepanjang anda sebagai pengamal perubatan tradisional?
8. Adakah ritual perubatan tradisional Melanau yang dilakukan berbeza mengikut Daerah yang di diami oleh masyarakat Melanau? Atau pengamal perubatan tradisional mempunyai cara tersendiri bagi menyembuhkan penyakit?
9. Apakah kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau? Bagaimankah cara anda untuk mengekalkan ilmu perubatan tradisional ini?

BAHAGIAN C **(OBJEKTIF 2)**	**:** ***To analyze the transition of indigenous knowledge on traditional healing ritual among the Melanau community.***

To achieve the second objective, a total of 18 In-depth interviews - involving **18 individual involving youths, adults and elderly.** Research Question 2: How have indigenous knowledge practices among Melanau people dealt with globalization?

1. Boleh anda kongsikan apa yang ada tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?
2. Pada pendapat anda adakah perubatan tradisional Melanau ini masih lagi relevan?
3. Apakah jenis ritual perubatan tradisional Melanau yang masih digunakan sama sahaja daripada zaman generasi dahulu dan zaman sekarang?
4. Adakah anda pernah mendapatkan perkhidmatan pengamal perubatan tradisional bagi membantu menyembuhkan penyakit anda? Jika ya boleh beritahu jenis penyakit yang dihadapi oleh anda?
5. Sekiranya anda sakit, siapa yang akan anda rujuk terlebih dahulu, adakah pengamal perubatan tradisional atau Doktor perubatan? Boleh terangkan mengapa anda memilih untuk rujuk individu itu?
6. Adakah di antara ahli keluarga anda yang masih mengamal perubatan tradisional ini?
7. Boleh anda kongsikan perbezaan dalam sistem perubatan tradisional dan perubatan moden yang anda tahu?
8. Apakah pandangan, cabaran dan harapan anda mengenai kepentingan perubatan tradisional kepada masyarakat Melanau?

BAHAGIAN D **(OBJEKTIF 3)**	**:** ***To examine the function of sago (balaw) and the changes in its importance in Melanau community and traditional healing ritual.***

To achieve the third objective, a total of 7 In-depth interviews - involving **7 individual involving Melanau Traditional Healing Practitioner and elderly.** Research Question 3: Has the value and function of sago (balau) in relation to traditional healing ritual change in Melanau community?

1. Adakah balau/rumbia ini sangat penting kepada masyarakat Melanau? Jika ya kenapa?
2. Boleh berikan fungsi kegunaan balau/rumbia bagi masyarakat Melanau yang anda tahu?
3. Adakah balau/rumbia ini penting dalam perubatan tradisional?
4. Bagaimankan balau/rumbia digunakan dalam perubatan tradisional?
5. Apakah fungsi utama balau/rumbia dalam ritual perubatan tadisional masyarakat Melanau?
6. Selain dalam bidang perubatan tradisional, apakah kegunaan lain balau/rumbia oleh masyarakat Melanau?
7. Adakah fungsi balau/rumbia semakin bertambah pada masa kini berbanding dulu?
8. Boleh anda kongsikan apakah produk yang boleh dihasilkan daripada balau/rumbia ini?
9. Adakah terdapat hubungan yang rapat antara balau/rumbia dengan aturan cara hidup masyarakat Melanau?

Appendix C: In-depth Interview Transcript

1. **In-depth Interview Transcript with Melanau Traditional Healer**

Pak Ya - Melanau Traditional Healer (Belum Sculpture)

Nama: Ya bin Galau

Umur: 74 Tahun

Kampung: Kg Sg Ud Dalat

Tarikh dan masa: 27/12/2021 (10.00am)

Faiz: Boleh saya tahu nama penuh pakcik?

Pak Ya: Nama saya Ya bin Galau, saya lahir tahun 1948. Saya beragama Islam.

Faiz: Boleh saya tahu sudah berapa lama pak cik jadi tukang berubat?

Pak Ya: bermula dari umur 14 tahun.

Faiz: macam pak cik berubat menggunakan belum sahaja kan? Lain-lain tiadakan?

Pak Ya: Iya menggunakan belum sahaja.

Faiz: Bomoh ada disini?

Pak Ya: Sekarang bomoh disana ada, bomoh dulu-dulu tiada.

Faiz: Boleh pak cik ceritakan berubat menggunakan belum?

Pak Ya: Macam dia sakit apa, kita sembur jampi dia punya nama, itu belum apa belum kuaw sebut nama kuaw, buaw pengamo sebut buaw pengamo. Selepas itu kalau dia bawa baju pesakit itu tak perlu nama pesakit itu, akan sembur jampi kat baju pesakit itu. Sembur dengan kapur, sirih, pinang.

Faiz: Jadi contoh kalau saya sakit datang jumpa pakcik terus?

Pak Ya: Iya, pakai baju kamu lah. Bagi baju kamu, selepas itu baju diberi kepada kamu boleh pakai kamu lagi, selepas 3 hari baru dapat cuci. Macam itulah orang sakit kena belum.

Faiz: So kalau datang pak cik akan buat ukirkan belum itu ikut jenis penyakit ke? Sakit apa ikut jenis dia lah?

Pak Ya: Iya, pantang dia ada seperti belacan, cili, udang, barang sudah masak jangan panaskan lagi tak boleh dua kali. Kalau nasi tak habis boleh makan sejuk macam itu sahajalah.

Faiz: Berapa lama kena pantang?

Pak Ya: Tidak lama, 3 hari sahaja. Hari keempat sudah boleh suka hati makan apa sahaja. Banyak bangsa sakit kena belum itu, bukan satu bangsa.

Faiz: Semua ada lah, Melayu, cina semua adalah?

Pak Ya: Iya ada, Islam, Christian, cina apa semua ada. Kalau hospital tak dapat sembuh semua pergi sinilah. Cara hospital kena cuba, cara kampung kena cuba.

Faiz: Macam dulu dan sekarang masih ramai ke orang datang? Dulu lagi ramai ke sekarang atau sama sahaja?

Pak Ya: Tapi tidak tiap hari juga, musim ada, ada musim tidak ada. Kalau tidak ada sakit tidak juga. Kalau diaorang sakit pergi bomoh dulu, baru bomoh suruh pergi sini. Pergi bomoh tengok apa sakit dia bomoh tahulah kena belum itu, kena belum ini. Saya buat sahaja dan tolong sembur.

Faiz: Dia pertama datang nanti pak cik buat patung itulah? Selepas itu patung dijampilah? Selepas itu patung itu buang ke?

Pak Ya: Iya, kena buang. Orang sakit tidak dapat buang itu, macam kakak dia ke abang dia ke atau saudara dia sendiri dalam rumah kena buangkan.

Faiz: Dia kena buang kat mana?

Pak Ya: Buang disemak, tempat yang tidak ada orang.

Faiz: Ada berapa jenis patung yang ada? Atau semua penyakit ada?

Pak Ya: Macam-macam penyakit ada, kalau kamu sakit kepala apa dia bomoh tengok itu, bomoh panggil pergi sini itu pak cik buat.

Faiz: Sekarang bomoh itu kat mana rumah dia?

Pak Ya: Ada di tepi balairaya sana, Amin dia punya nama.

Faiz: Oh, ada tiga tempat dia sembur. Kepala, badan dan kaki, belakang tak perlu. Selepas itu sebut nama patung dan orang yang sakit.

Pak Ya: Iya.menunjukkan koleksi belum (file Faiz Intex22). Kalau orang jauh saya sebut nama.

Faiz: Oh, orang jauh pun boleh juga?

Pak Ya: Iya boleh. Kalau orang kat Kuching pon boleh.

Faiz: Tapi ini guna untuk hiasan sahaja kan? Kalau yang untuk berubat pakai sagu punya kan?

Pak Ya: Iya. Kalau ubat guna lain, pakai rumbia.

Faiz: Ini untuk hiasalah kedai ke rumah ke?

Pak Ya: Iya, tempat muzium Kuching sana ada juga. Belum ada 244 jenis penyakit.

Faiz: Dari mana pak cik belajar ini?

Pak Ya: Dari ayah saya.

Faiz: Memang dari dulu sampai sekarang sama sahajala, tidak ada yang berubah? Ukiran semua sama jelah?

Pak Ya: Iya semua sama.

Faiz: Macam orang Melanau banyak datang? Ke orang luar lagi banyak?

Pak Ya: Melanau lagi banyak. Iban ada, Cina ada, tapi tidak tiap hari.

Faiz: Macam cara orang berubat dakan ni di Mukah dan Dalat lain ke?

Pak Ya: Sama sahaja. Mukah selalu beli dari sini.

Faiz: Lepas ini siapa mewarisi?

Pak Ya: Anak sayalah, kalau dia nak. Kalau tak tidak ada lah. Banyak dapat order dari Singapore, Amerika, Philipines.

Faiz: Balau dan rumbia ini penting ka untuk masyarakat Melanau?

Pak Ya: Rumbia memang penting boleh guna untuk ubat selain makanan.

Faiz: Selain buat belum ini, rumbia boleh guba buat apa lagi untuk berubat?

Pak Ya: Balau memang untuk buat belum sahaja untuk berubat.

Faiz: Apa harapan pak cik untuk perubatan tradisional menggunakan belum ini?

Pak Ya: Harapan saya untuk ada pewaris perubatan ini tetapi tidak ada paksaan, kalau ada, ada kalau tidak ada tak apa.

Faiz: Selain digunakan untuk ubat belum juga digubakan untuk hiasan jelah?

Pak Ya: Iya, Hiasan jelah.

Faiz: Kalau pakai rumbia berapa lama boleh tahan?

Pak Ya: Tidak lama, 5-6 hari sudah rosak itu.

Faiz: Berapa lama En untuk ukir satu patung yang dibuat hiasan ini?

Pak Ya: 3hari satu ukiran ini kalau pakai kayulah, kalau pakai dahan mulong sekejap sahaja.

Faiz: Sudah berapa En sebagai pengamal perubatan ini?

Pak Ya: Sudah lama sudah, mula dari umur berbelas-belas tahun sejak remaja lagi.

Faiz: Kalau di sini dipanggil apa perubatan ini? Kalau di Mukah dipanggil Dakan kan?

Pak Ya: Disini panggil Belum, iya di Mukah Dakan. Orang Mukah pun ada datang sini untuk beli yang lamin dana itu.

Faiz: Dapat ilmu ni dari orang tua ke atau dari mana?

Pak Ya: Dari bapa saya, saya mewarisi dari bapa saya.

Faiz: Dari dulu sampai sekarang memang ukiran dia sama sahajalah?

Pak Ya: Iya, sama sahaja.

Faiz: Maca mana permintaan macam dulu dan sekarang makin banyak ke berkurang?

Pak Ya: Tidak menentu juga tapi dalam satu hari mesti ada 2 atau 3 orang yang datanglah.

Faiz: Datang dari Kawasan mana ya?

Pak Ya: Lain-lain Kawasan pun ada, medong ka, dari sibu pun ada, Iban pon ada, Cina pun ada.

Faiz: Semua bangsa ada lah, Cina, Melayu semua ada lah?

Pak Ya: Iya semua ada, sebab tidak ada orang lain tahu buat belum ini selain tempat saya.

Faiz: Macam ini memang guna balau sahajalah kayu lain tak boleh?

Pak Ya: Iya, balau sahaja kalau untuk buat ubat, kalau hiasan boleh pakai kayu lain. Sebab untuk perhiasan pakai kayu boleh tahan lama, kalau pakai balau tak boleh tahan lama.

Faiz: Ilmu ini ada ke budak-budak baru datang untuk belajar?

Pak Ya: Anak saya ada, tapi dia belajar tidak lengkaplah, tak macam saya, kalau saya tiada tidak ada pelapislah. Anak saya tak berapa minatlah.

Faiz: Macam mana nak berubat menggunakan belum ini?

Pak Ya: Pertama kita ukir belum mengikut jenis penyakit, selepas itu sembur dengan sirih, pinang, kapur sambil baca mantera, sebut nama belum, selepas itu dah siap bawa baju pesakit letak atas belum. Kalau pesakit tak dapat datang dia hantar wakil bawa baju pesakit, selepas di siap jampi semua itu baju ini dibawa balik untuk pesakit pakai, diletak di dada ke badan ke. Dulu ada yang pesakit dimandikan dengan belum ini di atas kepala pesakitlah.

Faiz: Macam yang ukir belum ini bila-bila sahaja ke boleh ukir atau ada hari tertentu sahaja boleh ukir?

Pak Ya: Bila ada pesakit datang boleh terus buatlah. Ikut permintaan orang sakit apa, saya akan buatlah. 24jam servis saya, bila-bila orang boleh datang. Ada orang ketuk pintu pukul 2-3 pagi pon ada saya buatkan.

Faiz: Macam bayaran macam mana?

Pak Ya: Sedekah dari pesakit sahaja, saya tidak minta bayaran.

Faiz: Macam mana En nak turun ilmu kepada anak En?

Pak Ya: Anak saya ikut sayalah, saya buat ukir dia ikut, tapi dia belajar tidak habislah.

Faiz: Kalau ukir yang untuk hiasan ini memang untuk dijuallah?

Pak Ya: Iya untuk jual, kalau ada orang beli saya juallah.

Faiz: Oh, ini yang orang letak di kedai-kedai, muzium kan

Pak Ya: Iya, muzium-muzium pon ada, di kedai pon ada sebagai perhiasan.

Faiz: Macam ini di Dalat dan mukah berbeza ke ukiran dia?

Pak Ya: Tidak juga, orang Mukah mana tahu. orang Mukah datang ambik beli disini.

Faiz: Dari dulu di kampung ini memang En seorang lah yang ukir belum ini? Atau ada orang lain yang boleh ukir juga.

Pak Ya: Ada yang dulu-dulu sudah meninggal semua. Tapi ada seorang lagi yang masih hidup dia tinggal dekat seberang sana.

2. **In-depth Interview Transcript with Melanau Traditional Healer**

Wak Saiful - Melanau Traditional Healer (Belum Sculpture)

Nama: Saiful bin Abdullah

Umur: 62 Tahun

Kampung: Kg Sg Ud Dalat

Tarikh dan masa: 27/12/2021 (12.00pm)

Faiz: Saya perkenalkan nama saya Faiz dan kawan saya Senadi. Saya ingin interview En berkenaan perubatan tradisional menggunakan *belum*. Boleh saya tahu nama penuh En dan umur?

Wak Saiful: Nama saya Saiful bin Abdullah, berumur 62 tahun.

Faiz: Boleh saya tahu sudah berapa lama En menjadi pengamal perubatan tradisional ini?

Wak Saiful: Mula-mula saya dari kecik tetapi belum komersial lagi, dalam tahun 1996 saya sudah ada berubat orang.

Faiz: Sampai sekarang masih lagi?

Wak Saiful: Kalau ada orang masihlah. Kalau ada orang memerlukan saya okay sahaja.

Faiz: Macam Melanau kan ada perubatan tradisional banyak jenis kan? Macam En apa ya?

Wak Saiful: Saya perubatan menggunakan *belum*. Saya juga ada menggunakan ubat tradisional Melanau.

Senadi: Macam *belum* ini belajar dari ayah ke?

Wak Saiful: Bukan, saya belajar dari datuk. Datuk belah Mak saya dan sebelah nenek saya pun ada juga pandai. Datuk saya belajar dari moyang dia.

Faiz: Boleh ceritakan bagaimana perubatan menggunakan *belum* ini?

Wak Saiful: Sebelum pesakit tahu *belum*, bukan saya yang tengokkan. Orang lain berbayoh diorang tahu dia kena patung apa dia akan suruh saya buatlah.

Faiz: Dari bomoh ke?

Wak Saiful: Iya bomoh dulu tengok atau scanning dulu. Tetapi bagi pengalaman saya kalau orang betul-betul kena *belum* atau *dakan* di Mukah.

Faiz: Bomoh itu bagitahu sakit apa barulah En ukirlah?

Wak Saiful: Iya, kalau diorang salah scanning saya juga sendiri juga boleh tengok. Tengok orang sakit itu macam mana sakit dia, nanti jangan salah juga kerana kalau salah dia tidak mahu juga. Kadang-kadang orang silap, saya yang akan membetulkan lah sebab saya ini pandai buat, bukan pandai buat sahaja mesti tahu sebab-sebab kalau ada penyakit macam sakit kepala. Contoh orang sakit kepala atau demam-demam, saya tengok semua dia makan ubat duduk hospital kalau dia tidak sembuh dia orang akan jumpa bomoh untuk tengok sakit belarutan. Kalau dia betul-betul kena saya boleh lihat lagi, kalau tidak tak lah saya tidak mahu. Kalau orang sakit dalaman saya tahu juga sikit-sikitlah, sakit dalaman macam orang kuran apa-apa sikit saya tahu sikit lah. Takut nanti garam kurang ke, macam itulah kadang-kadang. Kalau ada kena belum itu saya juga dapat tengok sikit-sikitlah Cuma kemahiran tu kuranglah, ada pengalaman kalau orang betul-betul kena tak perlu pergi bomohlah saya tahu sikit-sikitlah kalau tak tidak lah.

Faiz: Selepa itu En ukir dia buat apa?

Wak Saiful: Selepas ukir kadang-kadang dia orang suruh kita terus membaca mantera dia, selepas itu nak hantar kemana kah dia kalau dia misalnya jin laut kita hantar ke lautlah. Maksud saya kita buang dalam air, tunggu air surut pergi laut lah. Kalau nak buang jangan buang naik ke atas mesti meniarap kan dia.

Faiz: Sepanjang tu ada ke pantang larang kepada pesakit?

Wak Saiful: Kalau belum biasa tidak adalah. Ada lagi satu susah sikit belum maksud kalau orang gila-gila banyak macam gila tapi dia punya nama rabong, rabong tu maksudnya sudah banyak sangat lah dalam tu rabong atas ke, rabong dalam air kah itu punya belum lah. Orang gila kena itu rabong macam-macam dah. Kalau atas dia punya rabong tidak sama dia pakai itu mulong bukannya dahan dia tapi batang dia yang hujung yang lembut bukan yang keras kalau keras susah mahu potong nanti. Kalau yang di atas rabong ini bermacam-macam, paling susah orang buat cuma saya yang tahu buat itulah saya sayang sekali tidak ada orang mahu, saya mahu juga turunkan. Tetapi syaratnya orang tak usah bayar, dia orang sendiri bawa apa yang saya suruh sendirilah. Balau sekarang susah nak cari mesti mahu kena beli.

Faiz: Bila dia berubat selepas itu buang benda itu tidak adalah pantang larang?

Wak Saiful: Tengok keadaan belum itu, belum rabong itu ada pantang dia susah itu, bawah rumah tidak boleh orang melintas masuk dalam.

Faiz: Berapa hari?

Wak Saiful: Cuma 3 hari sahaja, itu paling susah kalau orang kena. Sebab saya ada pengalaman tidak lama lah, ada 3 orang kah saya fikir yang betul kena, tetapi saya tengok dululah kalau dia betul-betul kena juga walau ada bomoh itu kadang-kadang tersilap. Sebab saya ini orang yang buat belum lebih pandai dari orang bomoh, sebab saya pandai semua orang bomoh hanya tahu nama tetapi diaorang tak pandai buat.

Faiz: Macam kampung ini ada bomoh ke?

Wak Saiful: Ada banyak sini, dua orang saya fikirlah.

Faiz: En ada kenal bomoh itu?

Wak Saiful: Kalau kampung seberang itu adalah tidak jauh dekat balai raya itu Wak amin. Satu lagi kawan saya kalau dia tidak mereng baguslah tetapi dia sekarang ada mereng sikitlah itulah susah. Dia sudah tua dari saya tetapi dia sudah ada mereng-mereng, tetapi dia bagus tapi sekarang dia sudah berlainan sudah, kalau dia pakai yang dulu lagi bagus sekarang ini dia buang yang lama ambik yang baru.

Senadi: Macam buatan orang dia tak dapat nak bantulah.

Wak Saiful: Kalau dulu saya memang ada sikitlah, macam saya mencari ikan ke udang ke tak payah saya pakai jala pakai tangan sahaja pun saya dapat. Sekarang masih lagi dapat tapi saya takut buaya banyak nanti kena baham buaya pulak nanti. Saya dengan Dukun tidak sama, saya bomoh orang Melanau panggil bayoh. Dukun itu lain, kalau dukun itu orang menuntut ilmu orang belajar, saya bukan, dari keturunan dia pindah tapi dia tidak sebarang kalau hati tidak baik dia tidak mahu juga.

Faiz: Macam belum ini ada berapa jenis?

Wak Saiful: Saya fikir ada 200 lebih, dia tidak jauh berbeza cuma dia ada nama dia lain-lain sikit.

Faiz: Dia macam ada kelompok ka, macam badan, kaki ke?

Wak Saiful: Kaki dan badan memang tidak sama. Kalau belum dari laut memang cantik lah ukirang dia. Kategori belum laut dan darat. Kalau laut yang dari atas itu lain tidak sama lagi dari atas maksud saya dari kayangan atas sana dari langit, dia ada berbeza langit dan darat. Penyakit dia berbeza.

Faiz: Apa nama dalam Bahasa Melanau orang panggil itu kalau dari laut, langit, darat ini?

Wak Saiful: Kalau dari laut, kalau ada orang sakit pinggang, perempuan yang tidak pandai beranak ada juga ada orang kata dari laut ada yang mengacau. Kalau sakit pinggang, check

dululah pergi hospital kalau tidak ada apa-apa, pergi lagi lah. Orang sini akan pergi hospital dululah check nanti takut lain-lain penyakit, kalau orang check sihat tidak ada apa-apa semua normal terpaksalah diaorang pergi bomohlah. Sebab orang sini masih ada guna lagi, sampai sekarang masih.

Faiz: Tapi kalau dulu, orang akan pergi tradisional dululah baru pergi hospital ke macam mana?

Wak Saiful: Saya kurang pastilah, tapi selalu kalau macam angin sini orang tidak mahu dia orang akan pergi dukun dululah dia akan lekas pergilah macam orang muntah-muntah itu tahu. kadang-kadang penyakit itu berak pun tidak henti, tidak dapat jalan dia itu kadang-kadang merangkak dia jalan kalau betul-betul kena angin itu, saya tengoklah kalau ada angin saya buang lekaslah, kalau dia muntah-muntah mesti pergi hospital sebab dia muntah dengan takut dia kehilangan air, garam itulah selalu saya tengoklah kalau tidak ada apa-apa biarlah macam itu.

Faiz: En tadi belajar memang anugerah sendiri lah?

Wak Saiful: Iya, memang keturunan saya bukan saya dia datang sendiri. Kalau dulu saya memancing pun saya tidak pakai umpan, orang pakai umpan. Tapi saya nampak macam ada pasang umping orang sebelah saya tengok tidak ada umpan. Itulah saya hairan saya sendiri pun tidak tahu apa ini maksud. Kalau dulu saya macam sungai Miri sana Kuala Baram, saya okay berenang ketika umur saya lagi awal 30an. Orang cakap banyak buaya tapi saya tak tahu tidak takut, sekarang takut tidak sama lagi dulu itu lain. Kalau dulu belum apa orang jalan bawah sana pun kita nampak macam mana boleh nampak malam pon tak boleh tidur, macam nampak semua walaupun pejam susah juga kalau didampingi macam itu. Tapi saya ada juga jumpa dengan Ustaz, ada ustaz yang mahu tak usahlah biar dia saja macam itu

asalkan dia jangan mengacau ada saya jumpa tapi dia tidak tetaplah walaupun saya pergi masjid ke tidak ada dia tidak apa-apa saya walau orang baca yaasin pun tidak hal tidak ada masalah bagi saya. Itulah tidak sama macam bukan semenanjung saya fikir orang saka itu memang lain.

Faiz: Macam cara penyembuhan menggunakan belum ini dari dulu sampai sekarang sama sahaja ke cara dia?

Wak Saiful: Sama sahaja, tidak ada berbeza.

Faiz: Macam sambutan dari dulu dan sekarang masih banyak ke sambutan?

Wak Saiful: Sekarang ini ada jarang sikit.

Faiz: Macam sambutan itu pun dari orang Melanau ataupun dari orang luar juga?

Wak Saiful: Orang luar kadang-kadang ada datang dari jauh, kalau orang macam kena belum itu tidak ada tempat lain lagi kat Sg Ud sahaja lagi tinggal.

Faiz: Walaupun bukan Melanau, cina, melayu apa semua ada?

Wak Saiful: Ada kadang-kadang.

Faiz: Tapi sambutan sampai sekarang tetap ada cuma berkuranglah?

Wak Saiful: Eh mana ada sekarang lagi, orang takut lagi. Kadang-kadang saya pun tidak mahu menerima, takut covid-19. Kalau sekarang orang telefon saya ada demam memang saya tidak mahu, kalau dulu orang demam memang saya buang anginlah. Sekarang mana boleh buang angin sebarangan.

Faiz: Macam ritual cara nak berubat itu mengikut daerah berbeza ke macam di Mukah dan Dalat ataupun En Saiful dan En Ya punya cara lain jugalah kan?

Wak Saiful: En Ya dia cuma pandai dukun belum sahaja. Saya ini pandai mengurut sikit-sikitlah, tapi saya dulu mula-mula memang saya pegang perempuanlah tetapi bukan perempuan muda yang tualah. Saya boleh berubat mengunakan belum dan mengurut sikitlah itu kerja saya sampai sekaranglah.

Faiz: Apa pandangan En Saiful tentang kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau?

Wak Saiful: Itu memang pentinglah. Ini tak perlu mewarisi dia tak usahlah, macam saya ini dia sendiri pandai walaupun saya tak ada anak nanti anak buah saya pun sudah tahu anak buah saya ada satu.

Faiz: Macam tadi En Saiful ada cakap ada 200 lebih belum kan?

Wak Saiful: Saya nak sebut susah tapi saya ada catit nama lah tapi tidak habis.

Faiz: Boleh saya tengok buku tu?

Wak Saiful: Ini tak banyaklah, sekarang tidak ada hal saya sudah tahu semua. Ada yang tidak dilukis sudah masuk dalam otak saya, tak perlu saya Lukis-lukis dia.

Faiz: Memang kena guna balau sahaja kan?

Wak Saiful: Iya, ikut jenis belum. Ada guna dahan, batang batang balau mengikut belum.

Faiz: Macam En Saiful tahu juga ke kepentingan Balau kaitan dia ke dengan masyarakat Melanau atau dalam perubatan tradisional ke?

Wak Saiful: Balau memang penting, paling-paling penting kalau Melanau lah. Sebab dia habis semua dapat dimakan, semua kegunaan dia banyak sampai dia kulit dia pon dapat jadi bahan api lah kalau macam kita mahu panggang tu api dia lagi bagus. Balau ini di Dalat memang jadi utamalah.

Faiz: Faktor apa yang orang tidak mahu lagi menggunakan perubatan tradisional ini?

Wak Saiful: Agama ada juga, sekarang ini kuranglah sebab kita dah peredaran zamanlah Cuma kadang-kadang sahajalah bukan macam dulu, dulu memanglah semenjak kita dalam 2 tahun ini jaranglah bukan macam dulu lagi.

Faiz: Macam dalam kampung ini semua mostly akan pergi hospital kalau tak dapat baru pergi tradisional lah kan?

Wak Saiful: Tidak semualah kadang-kadang ada orang hospital, sekarang memang orang hospitallah mana ada lagi pergi dukun, sekarang tidaklah. Cuma tengok jugalah kalau diaorang pergi ke hospital macam tidak, macam biasa orang check bagus semua itu kalau masih sakit memang diaorang akan pergi tempat macam itulah kita ini mencari ubat, kadang-kadang bomoh/dukum ini cuma ikthiar sahaja.

Faiz: Macam En Saiful agama apa?

Wak Saiful: Islam lah, itulah saya tidak mahu lagi. Dulu saya memang berbayoh, masih ada dalam sana rebana saya, tapi saya tidak mahu lagi. Cuma saya tengok-tengok macam itu sahajalah, kalau orang salah cakap macam "kitak pandai buat itu" memang saya tidak mengakulah. Saya suruh orang lain, malas mengaku, kalau orang mahu terus minta tolong apa boleh buatlah. Kalau ada orang tanya saya pandai buat itu ka, terus saya jawab tidak pandai. Tak usah kita riak itu tidak guna, mulut orang itu mesti ada beritahu orang, tak usahlah kita "saya ini pandai buat ini" buat apa tidak guna juga. Kalau kita bagus tak payah mulut manusia ini susah mahu mesti ada orang cakap itu orang pandai itu, tak usah kita sendiri "saya pandai" buat apa.

Faiz: Macam En tukang buat dakan?

Wak Saiful: Iya, saya dapat ilmu mengukir dakan dari Datuk.

Faiz: Dakan ini En hanya mengukir sahaja atau berubat sekali orang?

Wak Saiful: Kegunaan untuk ubat tidak boleh buat saja lah, kalau kita nak jadi perhiasan tidak apalah boleh jugalah. Tapi tak boleh buat sebarangan.

Faiz: Sudah berapa lama En Saiful jagi pengukir dakan ini?

Wak Saiful: Kalau dikirakan ini 13 tahun sudahlah. Dari umur 20 lebih saya sudah tahu buat.

Faiz: Boleh ceritakan sikit macam berapa jenis dakan untuk berapa jenis penyakit? Setiap penyakit berbeza ke ukiran tu?

Wak Saiful: Setiap penyakit tidak sama dia, kalau macam orang sakit kepala yang macam sakit kuat tidak sama juga dia, dia sama tapi dia Cuma sikit berbeza.

Faiz: Dari segi bentuk dia berbezalah?

Wak Saiful: Iya, kalau orang sakit perut ke tidak sama juga lain.

Faiz: Sampai sekarang ke masih ada orang mengamalkan?

Wak Saiful: Masih ada, untuk diaorang usaha sahajalah sebab diaorang selalu pergi hospital atau makan ubat tidak sembuhlah terpaksalah diaorang cari alternatiflah sebab ini Melanaukan.

Faiz: Dari dulu hingga sekarang ada jelah permintaan itu?

Wak Saiful: Sampai sekarang ada, kalau ikutkan saya tidak mahu lagi lah. Tapi kalau saya tak buat takut tradisi ini hilang. Nanti orang tanya orang Melanau nanti semua orang Melanau tidak tahu itu nanti. Saya cuma untuk pertahankan bukan bertuhankan jangan salah sangka, Cuma kita nak pertahankan.

Faiz: En ada pewaris untuk ganti, siapa-siapa ke?

Wak Saiful: Sekarang saya memang mencari, tetapi orang tidak mahu. Saya memang mahu mengajar semua tapi tidak ada yang mahu belajar. Mereka tidak mahu sebab susah untuk buat dia. Ini memang ada semulajadi juga, kalau ada kita buat silap apa ke memang dia ada berinteraksi dengan kita.

Faiz: Macam En dapat dari Datuk, ayah ada buat juga?

Wak Saiful: Bukan, saya dapat dari Datuk belah Mak saya.

Faiz: Jadi En memang menggunakan dahan rumbia?

Wak Saiful: Iya, batang rumbia pon boleh. Tengok dia punya sakit tidak sama.

Faiz: Ada hari ke untuk ukir ini atau hari ukir?

Wak Saiful: Tidaklah ikut orang sakitlah.

Faiz: Kenapa kena guna rumbia sahaja, ada sebab dia ke En?

Wak Saiful: Memang dia guna rumbia sahaja.

Faiz: Kayu tidak boleh lah?

Wak Saiful: Kayu kalau nak komersil kan dia boleh lah. Kayu untuk hiasan sahaja.

KK Sg Ud: Ikut pengalaman sayalah, mulong ini senang dapat jugalah, dia ini lembut juga senang nak ukir. Orang sakit nak cepat, mana sempat nak ukir sampai tiga hari kalau guna kayu. Orang nak berubat dia nak cepat sembuh, ini salah satu sebab jugalah. Satu lagi Melanau ini tidak boleh lari dari Mulong, untuk makanan, perubatan, punca pendapatan juga.

Faiz: Macam untuk sakit perut, ukiran En ni sama macam En Ya juga ke?

Wak Saiful: Lain, tidak sama. Contoh ini belum untuk sakit perut, kita kena buang di air, terbalikkan dia ke bawah, ambik sebatang kayu, cucukkan dia ke dalam lubang yang dibuat di patung itu. Yang terakhir kita ukir mata dia, jangan ukir mata dia dulu, sebab dia sudah melihat kita nanti. Itu saja pantang dia.

Faiz: Macam selepas ini dibaca manteralah? Yang sirih itu ada apa lagi?

Wak Saiful: Iya baca manteralah, di ada sirih, pinang, kapur itu sahaja. Nanti sebut sahaja mantera dia.

Faiz: Selepas itu bagi kat orang yang sakit itu?

Wak Saiful: Iya bagi kat orang yang sakit itu, nanti saya memang akan beritahu dia macam hantar kat mana, saya memang tahu semua. Mana dia hantar, bukan sebarang, kalau yang darat kita hantar kat darat.

Faiz: Ni nama dia apa?

Wak Saiful: Nama dia Belangan Iko, untuk sakit perut.

Faiz: Selain guna buat dakan, rumbia ini ada guna untuk lain juga ke?

Wak Saiful: Ada. Kalau macam berubat bomoh itu ada pakai juga.

Faiz: Antara fungsi utama dia adalah untuk menyembuhkanlah?

Wak Saiful: Iya, sebab balau ini banyak kegunaan dia. Semua kegunaan dia banyak bukan hanya untuk berubat, kulit balau dapat orang guna untuk memasak dulu, daun hujung dia jadi penyapu, dapat buat anyaman juga, balau ini lah paling banyak kegunaan dia.

Faiz: Penting lah balau dalam perubatan tradisional?

Wak Saiful: Memang pentinglah. Ini guna rumbia ini untuk berubat segeralah, kalau simpan buruk dia nanti. Ini dapat lama sikit dalam dua minggu sebab balau ini tua sikit sebab keras.

Faiz: En belajar dulu dari datuk, selain itu macam ada dapat dari mimpi ke?

Wak Saiful: Bukan dari mimpi saya memang warisan dari datuk, tapi dia macam ada something lah. Mesti ada bakat semulajadilah. Kalau tak ada bakat tak dapat buat inilah. Kalau kita sudah serasi memang dia tahu, kalau kita buat kalau ada yang silap atau salah tidak cukup dia punya anggota dia ada masuk dia.

Faiz: Macam mana untuk kekalkan belum ini, ada ke ajar kat orang ke?

Wak Saiful: Memang saya mahu mencari, kalau ada orang tidak ada hal bagi saya kalau orang mahu belajar, tapi kalau adik-adik saya ini memang tidak mahu. Tapi ada satu orang ini masih kecik dia baru mahu tidak dekat saya, ada bakat saya rasa sebab dia mahu belajar.

Faiz: Iya supaya benda ini ada lagilah untuk warisan.

Wak Saiful: Iyalah, bukan untuk apa untuk warisan supaya dia tidak hilang. Kalau lepas ini saya tak ada memang tidak ada lagi orang ukir saya rasa.

Faiz: Macam penyakit, bermacam-macam penyakitlah?

Wak Saiful: Memang banyak, ikut jenis penyakit dia.

Faiz: Agak-agak ada berapa jenis?

Wak Saiful: Kita ukir pelbagai-bagai ikut jenis penyakit.

Faiz: Semua penyakit boleh datang, nanti En tengok lah dia punya mana satu?

Wak Saiful: Kadang-kadang diaorang tengok orang dukun lah, selepas itu bagitahu kat saya. Kalau diorang salah bagitahu kat saya memang saya komen, sebab saya ini membuat ini lebih pandai dari diaorang, diaorang bukannya nampak juga hanya firasat sahaja bukan nampak, mana kita dapat Nampak.

3. **In-depth Interview Transcript with Melanau Traditional Healer**

Nama: Madlin binti Martin Joseph

Umur: 46 Tahun

Kampung: Kg Tellian, Mukah

Tarikh dan masa: 29/12/2021 (10.00am)

Faiz: Boleh saya tahu sudah berapa lama anda menjadi pengamal perubatan tradisional?

Madlin: Saya sudah tidak aktif sebagai pengamal perubatan traditional namun ketika saya masih kecil (lingkungan 0 tahun – 15 tahun) saya masih mengamal perubatan traditional sebelum berpindah ke Kuching untuk menyambung pelajaran saya.

Faiz: Boleh anda senaraikan jenis-jenis ritual perubatan tradisional masyarakat Melanau yang anda tahu?

Madlin: Ritual Pebayuh, ritual Pejijik, ritual Pelatau, ritual Payun

Faiz: Boleh terangkan cara-cara atau langkah yang anda lakukan bagi setiap jenis ritual perubatan tradisional yang anda tahu?

Madlin: Pebayuh menggunakan alat khas bernama Genieng, Bunga Melur, Mayang pinang, Kelapa Muda, Kemenyan, Lilin. Pejijik gunakan Kemenyan dan Lilin. Pelatau gunakan Kemenyan, Lilin dan Mangkuk berisi air. Payun gunakan Rotan, Lilin, Kain bewarna merah, dan Kemenyan.

Faiz: Boleh anda kongsikan jenis penyakit dan cara mengubati penyakit yang biasa anda hadapi?

Madlin: Batuk/ demam panas – Bahagian anggota badan yang terkesan akan diurut dek dilumurkan dengan minyak Ludar (Minyak Cap Duyung). Selepas itu, pengubat (aa pebayoh) akan ‘menyihup’ (menyedut) ‘benda asing’ tersebut dari bahagian tengkuk pesakit. Ini adalah sebagai simbolik di mana pesakit telah berjaya diubati oleh pengamal perubatan traditional. (Pengalaman peribadi)

Faiz: Boleh saya tahu daripada mana anda belajar cara perubatan tradisional?

Madlin: Saya mendapat ilmu perubatan traditional daripada arwah nenek saya yang merupakan tukang Bayoh terkenal di kampung pada suatu masa dahulu. Saya sendiri telah menyaksikan beberapa ritual yang dilakukan sendiri oleh arwah nenek saya namun saya telah dihalang oleh ayah saya untuk mengamalkan kebanyakkan dari ritual-ritual terbabit kerana keluarga saya telah menganuti agama Kristian di mana rata-rata ritual penyembuhan tradisi yang diamalkan oleh nenek saya sadalah menurut kepercayaan animisme orang-orang datelh dan dianggap salah di sisi undang-undang kepercayaan Kristian.

Faiz: Adakah terdapat perbezaan cara penyembuhan yang digunakan oleh anda pada zaman generasi dahulu dan zaman sekarang?

Madlin: Iya memang ada

Faiz: Boleh saya tahu bagaimanakah permintaan atau sambutan daripada masyarakat Melanau dalam mengunakan khidmat anda sepanjang anda sebagai pengamal perubatan tradisional?

Madlin: Saya secara peribadi, saya sudah tidak mengamalkan cara perubatan traditional. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian saya terhadap arwah nenek saya sebelum ini, arwah nenek tidak pernah lekang dikunjungi oleh pesakit yang datang dari setiap pelosok Mukah. Arwah nenek sangat dipercayai oleh penduduk setempat dalam mengubati penyakit[2] yang dihidapi oleh orang yang berkunjung ke rumah sehingga arwah nenek jarang mendapat rehat secukupnya pada malam hari.

Faiz: Adakah ritual perubatan tradisional Melanau yang dilakukan berbeza mengikut Daerah yang di diami oleh masyarakat Melanau? Atau pengamal perubatan tradisional mempunyai cara tersendiri bagi menyembuhkan penyakit?

Madlin: Sepengetahuan saya, setiap daerah Melanau mempunyai cara perubatan traditional yang unik mengikut ilmu yang diturunkan kepada pengamal perubatan tersebut. Cara perubatan juga berbeza mengikut setiap pengamal oleh kerana setiap mereka mungkin terhad kepada kemudahan yang ada di sekeliling mereka.

Faiz: Apakah kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau? Bagaimankah cara anda untuk mengekalkan ilmu perubatan tradisional ini?

Madlin: Pada pendapat saya, perubatan traditional ini penting sebagai suatu identiti kepada bangsa Melanau. Pada zaman sebelum adanya perubatan moden datang ke daerah Melanau,

perubatan traditionalah satu-satunya cara dalam penduduk setempat mengatasi penyakit atau wabak. Saya sendiri sudah tidak mengamalkan perubatan traditional namun cara saya untuk mengekalkan ilmu perubatan traditional ini adalah melalui penceritaan lisan kepada anak-anak saya akan ilmu perubatan yang saya pernah alami dan lihat pada suatu ketika dahulu.

Faiz: Adakah balau/rumbia ini sangat penting kepada masyarakat Melanau? Jika ya kenapa?

Madlin: Ya. Balau merupakan mata pencarian utama serta sumber makanan utama bagi masyarakat Melanau

Faiz: Boleh berikan fungsi kegunaan balau/rumbia bagi masyarakat Melanau yang anda tahu?

Madlin: Dari segi makanan – Dapat diolah menjadi biji sagu, tepung sagu, ulat mulong, tebaloi, tetebeh, tetupek, linut, tebaloi ikan/udang. Dari segi perubatan traditional – Batang rumbia akan diukir menjadi patung kecil dimana patung tersebut akan digunakan dalam ritual penyembuhan penyakit. Dari segi kraftangan – Babat, Upak, Tebusoung, Batik Linut. Dari segi pembinaan – Ungun (kulit rumbia) digunakan untuk lantai & dinding rumah

Faiz: Adakah balau/rumbia ini penting dalam perubatan tradisional?

Madlin: Iya.

Faiz: Bagaimanakah balau/rumbia digunakan dalam perubatan tradisional?

Madlin: Da'an balaw akan diukir menyerupai manusia dimana jenis-jenis Dakan yang diukir adalah mengikut jenis penyakit yang dihidapi oleh si pesakit.

Faiz: Apakah fungsi utama balau/rumbia dalam ritual perubatan tadisional masyarakat Melanau?

Madlin: Dakan yang diukir daripada da'an balaw berperanan penting sebagai medium penyimpanan penyakit dari si pesakit. Setelah dakan tersebut telah 'diisi' oleh penyakit daripada si pesakit, dakan tersebut akan dibuang ke sungai. Simbolik dakan hanyut di sungai menandakan bahawa penyakit yang dihidapi oleh si pesakit juga telah hanyut membolehkan si pesakit untuk sembuh.

Faiz: Selain dalam bidang perubatan tradisional, apakah kegunaan lain balau/rumbia oleh masyarakat Melanau?

Madlin: Makanan harian, makanan binatang ternakan, kraftangan dan peralatan harian dan pembinaan rumah.

Faiz: Adakah fungsi balau/rumbia semakin bertambah pada masa kini berbanding dulu?

Madlin: Pada pendapat peribadi saya, fungsi balau tetap sama seperti dahulu namun semakin kurang dari segi kegunaannya disebabkan oleh teknologi moden pada zaman kini yang lebih berkesan berbanding balaw untuk kegunaan seharian.

Faiz: Boleh anda kongsikan apakah produk yang boleh dihasilkan daripada balau/rumbia ini?

Madlin: Selain yang dinyatakan tadi, antara produk yang dihasilkan dari balaw ialah Sapaw lebok (Bumbung rumah), penyapu daun – daripada daun rumbia. Bubu, penyapu lidi – daripada lidi rumbia. Babat untuk menjemur ikan kering – Kulit da'an rumbia. Kayu api untuk memasak – Kulit rumbia (Ungun)

Faiz: Adakah terdapat hubungan yang rapat antara balau/rumbia dengan aturan cara hidup masyarakat Melanau?

Madlin: Ya. Balau boleh didapati disekitar kampung tempat diamnya masyarakat Melanau. Balau yang mempunyai pelbagai fungsi adalah satu kurniaan rezeki kepada penduduk setempat.

4. **In-depth Interview Transcript with Local Leader and Melanau Traditional Healer**

Penghulu Oya dan Pengamal Perubatan Tradisional Oya

Nama: Penghulu Pawi Ramli (58 Tahun), Suhai bin Ali (64 Tahun) (Tukang Urut)

Umur: 58 Tahun

Kampung: Kg Oya.

Tarikh dan masa: 28/12/2021 (8.00am)

Faiz: Terima kasih penghulu sudi menerima kunjungan kami pada pagi ini. Macam penghulu jaga berapa buah kampung?

Penghulu Pawi: Saya jaga 4 buah kampung di Kawasan oya, kg kuala tengah, kg boom, kg hilir, kg senau, dan ada 4 orang ketua kaum jugalah dibawah saya.

Faiz: Masyarakat disini majoritinya agama apa?

Penghulu Pawi: Disini majoritinya Islam, ada juga agama lain tapi tidak menetap disinilah dan cina ada sikitlah disini.

Faiz: Etnik disini memang Melanau lah kan penghulu?

Penghulu Pawi: Iya etnik disini ialah Melanau, cuma ada pencampuran melayu kahwin dengan Melanau lah, Melanau islam lah.

Faiz: Aktiviti ekonomi yang utama untuk masyarakat Melanau disini ialah apa Penghulu?

Penghulu Pawi: Aktiviti ekonomi utama disini ialah sebagai nelayan laut, dan nelayan pantai, itulah aktiviti utama dan ada sedikit juga berkebun. Berkebun seperti sawit dan kelapa.

Faiz: Anak-anak muda disini banyak bekerja di bandar-bandar ke?

Penghulu Pawi: Anak-anak muda belia banyak bekerja di kampung ini sahaja, kecuali yang bekerja dengan kerajaan itu sahaja bekerja diluar, kalau yang tak bekerja memang mereka akan kerja di kampung jadi nelayan dan lain-lainlah. Kampung kami ini pun macam kerja di ladang ada, dia tidak akan keluar, yang keluar tempat lain itu kerja dengan kerajaanlah.

Faiz: Dari segi sekolah ada berapa di kg ini penghulu?

Penghulu Pawi: Kalau sekolah menengah ada satu di Oya, sekolah rendah ada 4 dan satu sekolah cina lah.

Faiz: Jumlah penduduk atau jumlah keluarga di Oya ini berapa penghulu?

Penghulu Pawi: Jumlah penduduk di Oya ini dalam 6 ribu orang.

Faiz: Balai polis ada ke dan kemudahan awam lain?

Penghulu Pawi: Balai polis ada satu, klinik kesihatan ada satu, kalau hospital kena pergi Dalat. Bomba tiada di sini kami hanya tubuhkan bomba komuniti setiap kampung sahaja, semua peralatan kami ada seperti boat. Kami juga pernah membantu orang lemas, kerana di Oya ini sudah 4 orang mati dibaham buaya.

Faiz: Apa lagi projek pembangunan yang nak dibuat di Oya ini penghulu?

Penghulu Pawi: Banyak yang telah dirancang di Oya ini, seperti waterfront di kampung bakong, yang paling besar sekarang bangunan galeri warisan Melanau Oya baru siap dan belum dibuka kepada orang ramai. Yang projek waterfront di pekan sabtu itu juga projek dari YB Kawasan kami juga. Di pekan sabtu kebanyakkannya peniaga wanita bini-bini nelayan itu sendiri.

Faiz: Berbalik kepada tajuk utama penghulu, Oya ini terkenal ke dengan perubatan tradisional?

Penghulu Pawi: Oya ini tak berapa sangat, yang dukun kecik-kecik ini adalah yang pandai urut-urut ini adalah. Yang herba itu semua tak ada lah. Yang buat ubat tak ada lah, yang tukang urut itu sahaja.

Faiz: Jadi kalau ada orang sakit dia akan pergi klinik teruslah kan penghulu?

Penghulu Pawi: Iya, tapi ada juga yang jumpa dukun-dukun ini sebab dukun ini orang islam lah.

Faiz: Penghulu ada ke contact dukun-dukun ini?

Penghulu Pawi: Nama dia Suhai Bin Ali, dia boleh tahan jugalah, kalau ada budak kecik menangis ke apa ke kami cari dia. Biasa kami kalau nak dapatkan khidmat dia biasanya malam.

Faiz: Macam dia ada pekerja utama ke?

Penghulu Pawi: Dia tiada pekerjaan utama juga, dia ada kebun sendirilah.

Faiz: Semalam kami di Dalat, mereka kalau sakit memang akan ke hospital dulu, kalau tak sembuh baru mereka cari tradisional ini.

Penghulu Pawi: Disini ada lain sikit contohnya ada anak kecik tiba-tiba menangis kami akan bawa panggil dia orang dulu. Kadang-kadang dia menangis sebab sakit perut kami akan panggil mereka dulu, kalau tak baik memang akan bawa pergi ke hospital.

Faiz: Oh kalau di Oya, sakit-sakit macam itu memang akan dibawa jumpa suhai ini dululah?

Penghulu Pawi: Iya, tapi ada juga yang direct hospital lah, tapi tengok penyakit jugalah kita kalau panas, sejuk, panas kita direct pergilah hospital sebab klinik kesihatan Oya ini ada 2 orang doctor. Doktor ini juga kalau dia tengok budak itu tak sembuh dia suruh kita ikthiar juga cara tradisional.

Faiz: Macam di Oya memang amalkan dari dulu ke perubatan tradisional ini?

Penghulu Pawi: Iya dari dulu memang ada, macam ada orang berbayoh dulu di sini tetapi orang berbayoh ini tidak ada lagi meninggal sudah. Sekarang tidak ada lah berubat cara berbayoh, sebab dia syirik.

Faiz: selain berbayoh ada lagi ke penghulu yang lain?

Penghulu Pawi: Yang lain tidak adalah, cuma berbayoh itu sahaja ada. Dulu ada dua orang pakar disini, seorang lelaki dan seorang perempuan. Semasa saya darjah enam (1976) masih ada selepas itu tidak ada lagi.

Faiz: Di Oya selain en suhai ada lagi ke yang pandai urut-urut dan berubat cara tradisional ini?

Penghulu Pawi: Di Oya ini ada beberapa orang yang pandai berubat cuma yang paling dikenali ialah en suhai ini sahaja. Di Oya ini juga ada seorang bidan kampung yang pandai mengurut dan mengatur kedudukan bayi dalam kandungan, nama dia Fatimah Ibrahim (78tahun).

Faiz: Dia tak mewariskan ilmu-ilmu dia kepada anak-anak atau orang muda ke?

Penghulu Pawi: Budak-budak zaman sekarang tidak yakin lagi dengan cara perubatan macam itu. Kalau orang-orang ini tiada lagi habislah dia tak ada yang mewarisi.

Faiz: Penghulu di Kawasan Oya ini kan mostly semua beragama islam, jadi bila perubatan tradisional ini kalau dalam islam jika dia melibatkan benda-benda lain kita tidak akan percayakan risau jadi syirik kan, jadi macam mana persepsi orang di sini mengenai perubatan tradisional ini?

Penghulu Pawi: Kalau saya tengok macam yang Suhai ini masih ada yang percaya, sebab macam bacaan dia menggunakan ayat-ayat Al-Quran, dia tidak membawa seperti saya cakap tadi berbayoh itu dah lain dah. Dia menggunakan semua ayat bacaan Al-Quran, itulah orang sini masih percayalah.

Faiz: Macam penghulu pernah pergi mendapatkan perkhidmatan dari Suhai ini?

Penghulu Pawi: Pernah sekali, tidak boleh dua kali kalau kamu dah urut satu kali macam hari ini sudah urut esok jangan lah sebab sakit betul, dalam 2-3 hari itu sakitlah, tapi selepas itu ada okay sikitlah. Lagi-lagi dia yang buang angin itu, boleh tahanlah dia pandai urut.

Faiz: En Suhai, kami nak tahu dari dulu sampai sekarang perubatan tradisional ini dari dulu sampai sekarang permintaan dia sama sahaja ke?

En Suhai: Pertama kali kita bantu orang ini kerana Allah, yang baik datangnya dari Allah yang tidak baik datang dari hamba. Pertama kali kita yakin dengan amalan kita, sebelum lahirnya Nabi Muhammad, petua kita pakai dulu, lahirnya Nabi Muhammad baru ada ilmu. Ilmu dan petua jangan tinggal, kalau ilmu sahaja yang dipakai, kalau ilmu yang kebal, sihir itu ada petua maka Nabi Musa ada bahagian sini, dia tahu macam mana nak kawal orang nak buat sihir sebab Nabi Musa pandai…….. pertama kali kalau kita niat nak bantu orang jangan lupa dengan ***'Bismillahi Tawakkaltu Alallah La Haula Wala Quwwata illa Billahil Aliyil Adzim"*** itu yang pertama sebab kita bertawakal kepada tuhan, apa jenis penyakit sakit pinggang ke kita kena paham macam mana sakit pinggan itu. Kita kena paham point-point dia kenapa dia sakit pinggang. Kena belajar macam mana orang terkena jin, macam mana orang terkena angin itu semua ada, maka dalam Al-Quran pun kata wujud, sebab itu kita sebut '***auzubillah minashaitan nirajeem***' aku berlindung daripada syaitan. Kalau kita sakit pinggang makan ubat macam mana pun tak ada perubahan, kalau setakat urut belakang

hingga terkopek kulit belakang tidak akan sembuh. Yang masalah sakit pinggang adalah ini……. apa yang berlaku di dunia ini adalah kehendak Allah.

Faiz: Macam en Suhai ada menawarkan perkhidmatan mengurut sahaja atau ada lain juga?

En Suhai: Iya, setiap urutan ada jenis dia mengikut penyakit dia. Sakit pinggang lain, terseliuh lain.

Faiz: Setakat ini penyakit apa yang biasa dialami oleh orang kampung?

En Suhai: Yang terkena histeria ini banyak, itu lain cara kita usahakan. Saya dua hari lepas ada kena panggil ada yang terkena histeria gangguan jin. Tiap-tiap ayat yang dibaca ada maksud dia dan harus dibaca dengan suara halus sahaja. Jangan baca ayat kursi guna suara terlalu besar, surah yaasin suara terlalu besar. Kalau kamu orang islam jarang jin islam yang ganggu kamu, kalau orang bukan islam jin islam yang akan ganggu.

Faiz: Semenjak muda ke en Suhai pandai mengubat orang ini?

En Suhai: kemahiran ini, dulu saya rajin menuntut belajar untuk membantu orang. Yang pertama kali untuk jaga diri sendiri. Saya belajar dari tempat-tempat kerja saya belajar dari orang-orang tua, saya tahu orang tua yang berisi itu, dari orang sebelah Kuching, dari orang sebelah Kedayan, dari Miri, dari situlah saya dapat belajar-belajar. Dalam ilmu perubatan tidak ada yang minta-minta bukan macam doctor, ubat berapa, injection berapa dia harus minta, ini bukan minta-minta, tidak ada yang minta bayaran, terpulang dengan kamu asalkan lepas urut kamu nyaman dan balik dari jumpa saya kamu sihat itu yang penting, ikhlas itu satu.

Faiz: Ada tak ilmu ini diwarisi oleh anak-anak muda kalau ada yang nak belajar?

En Suhai: Kalau nak belajar itu boleh, nak belajar macam mana urut, yang penting itu mahu paham, sebab dalam badan manusia semua ada alignment dia, ada point dia. Kalau kamu paham point dia, senang nak ubatkan dia.

Faiz: Setakat ini ada tak yang jumpa dengan kitak untuk belajar?

En Suhai: Tidak ada, kalau orang berminat saya ikhlas kalau anak muda nak belajar. Sebab benda ini kalau tak ada peganti tengok orang nak berubat tidak ada lagi.

Faiz: Macam yang selalu mendapatan khidmat en suhai ini dari Kawasan Oya sahaja atau dari Kawasan lain?

En Suhai: Saya ini bukan nak bangga, kamu dah tanya saya nak cerita yang dari Kuching, Bintulu semua dah sampai. Saya tak perlu buat iklan, kalau kamu dah rasa baik kamu bagitau kawan kamu.

Faiz: Macam yang selalu dapatkan rawatan ini adalah agama islam atau ada yang agama-agama lain juga?

En Suhai: Bermacam-macam agama ada datang, itulah kalau diizinkan oleh Allah terkena angin ke kita baca surah Al-Fatihah dan Ayat Kursi jangan tinggalkan. Kalau nak buang angin baca Al-fatihah, Tiga Kul dan ayat kursi.

Faiz: Kalau urut selalu pakai apa dia punya?

En Suhai: Kamu kena paham dia sakit macam mana itu, kalau dia masih juga sakit kita buangkan angin dia.

Faiz: Macam nak urut itu ada pakai minyak dan apa?

En Suhai: Pakai minyak sendiri yang buat iaitu minyak kelapa. Saya tak pakai bawang, lada. Kalau dalam badan dia ada gangguan kita bacakan air bagi dia, air embun dari syurga ada,

air embun dari jin pun ada. Saya ini kalau nak ajak orang saya ajarkan memang tidaklah, kalau ada orang minta nak belajar macam mana nak tengok point dia. Kalau nak belajar itu saya boleh bantu untuk tunjuk point sahaja.

Faiz: Macam kalau berubat ada hari atau masa tertentu ke?

En Suhai: Itu tak pilih, macam orang darurat call saya untuk tolong saya tolong. Sebelum berubat dengan saya saya akan tanya kamu dulu, kamu ada pening kepala, pening kepala macam mana itu. Saya kena tanya kamu dulu tak boleh sebarang, kalau datang sana terus urut-urut tak boleh mesti mahu interview dulu.

5. **In-depth Interview Transcript with Melanau Local Leader**

Nama: KK Dollah

Umur: 55 Tahun

Kampung: Kg Sungai Ud.

Tarikh dan masa: 27/12/2021 (8.30am)

Faiz: Selamat pagi Kk, terima kasih sebab terima kunjungan kami. Saya Faiz dan kawan saya Azril pelajar master dari UNIMAS. Kajian say aini adalah mengenai perubatan tradisional Melanau yang ada yang masih diamalkan dan tidak di amalkan, dan rumbia dalam perubatan tradisional.

Kk Dollah: Rumbia ini belah sini kami panggil mulong, rumbia ini masih berguna kepada kami sebab isi rumbia itu merupakan punca pendapatan di sinilah, banyak orang bergantung kepada rumbia sebab hasil dia agak lumayan bagi yang ada kebun. Memang tidak dinafikan kami disini bekerja berkebun mulong. Sumber pendapatan utama kami di dalat ini adalah berkebun rumbia, dulu punca pendapatan kami adalah pembalakan, sekarang pembalakan sudah kurang, mereka sudah beralih ke tempat lain, sekarang pembalakan ada tapi sudah beralih ke luar negara sampai Afrika, Brazil apa semua, memang orang dari Sarawak terutama Dalat ini pergi kesana bekerja di luar negara dengan company-company. Antara companynya ialah Shin Yang, Rimbunan Hijau banyaklah lah company dari Sarawak. Yang tinggal disini memang pekebun mulong kerana tak dapat pergi sana terutama yang tua-tua. Yang muda-muda sahaja pergi.

Faiz: Macam pengetahuan Kk mengenai sagu yang digunakan dalam perubatan ada ke?

Kk Dollah: Sagu yang digunakan dalam perubatan boleh dikatakan dahan dia dulu lah, dahan di dibuat macam patung itu kepercayaan orang dulu diukir jadi patung yang berbentuk

menyerupai wajah jembalang ataupun hantu, dia banyak jenis mengikut jenis penyakit dia. Kalau dia penyakit dalam perut lain lagilah bentuk dia. Disini ada yang masih amalkan tapi sikit-sikit sahajalah kerana kami disini beragama, dulu orang tak ada agama. Sekarang ini yang masih tidak ada agama yang amalkan. Masih ada yang pakar-pakar buat itu *belum*.

Faiz: Macam Kk memang pernah mengamalkan perubatan tradisional ke?

Kk Dollah: Mengikut sejarah saya tidak pernahlah, kalau mak bapak saya mungkin pernah masa dulu-dulu. Zaman kami ni boleh dikatakan generasi kedualah memang tidak ada lagi orang amalkan. Tapi kami nampak benda itu ada, nampak sahaja lah tapi tak paham sangat macam kami nampak benda ini patung sahaja. Parent ada cerita juga megenai patung-patung ini tapi kami tidak ambik kisah sebab kita ini boleh dikatakan **orang moden** tidak percaya benda-benda itu. Kadang dengar sahaja tetapi tidak amalkan.

Faiz: Macam saya ada baca kalau ada kematian akan ada letak anyaman rumbia di atas mayat itu.

Kk Dollah: Itu ada kami panggil dia peng, itu tradisi bagi yang tiada agama. Kalau ada orang yang tiada agama meninggal anyaman itu akan dibuat menggunakan daun rumbia yang berbentuk macam wayang kulit itu.

Faiz: Kk ada data ke di Kg Sg Ud ini orang yang tidak ada agama dan yang ada agama?

Kk Dollah: Kalau Sg Ud boleh dikatakan Christian 60%, yang Islam 20%, yang tiada agama 20% juga. Yang tiada agama ini orang yang tua-tua sahaja, tetapi anak-anak mereka semua ada agama dalam satu rumah boleh tinggal Christian, Islam sekali tidak ada masalah.

Faiz: Macam yang tadi selain dibuat untuk kematian, ahli keluarga boleh berkebun ke kalau ada kematian?

Kk Dollah: Memang masa itu ada masa pantanglah kami panggil *palei*. Kami menghormati sahaja contohnya hari ini dikuburkan kami tak boleh pergi mana-mana kerana nak menziarahi mereka bererti memberi semangat kepada mereka, tak akan kami nak pergi kebun sedangkan saudara kita ini sudah meninggal tak akan kami nak kemana-mana lenih baik kami pergi ke tempat itu. Kalau pantang dia sekarang dalam 3 ke 7 hari macam itu sahaja untuk ahli keluarga tidak ke kebun. Satu juga kepercayaan dia kalau ada kematian dia pergi juga ke kebun dia akan dengar banyak-banyak bunyi sedangkan tidak ada orang.

Faiz: Kalau macam sekarang kalau ada family sakit akan pergi ke hospital ke rujuk dengan pengamal perubatan tradisional?

Kk Dollah: Sekarang bagi yang tiada agama mungkin dia akan pergi jumpa yang tradisional dulu jumpa dukun untuk dia scan dan suruh orang ukir dia punya patunglah, hospital dia second. Kalau saya memang hospital dulu.

Faiz: Selain belum ini ada ke jenis perubatan lain yang diamalkan disini?

Kk Dollah: *Berbayoh* itu orang panggil dia bomoh itu ada juga dulu, dia akan meramal dengan gendang dia itu contohnya dia pesakit saya, saya ini bomoh saya gendang-gendang oh kamu kena serangan penyakit ini kamu perlu berubat kamu harus mandi bunga ke mandi apa ke dia meramal itu *berbayoh*. Berbayoh ini ada dua jenis, pertama dia meramal kedua nanti dia akan mengubat. Masa dia meramal dia tak boleh mengubat, contohlah ini malam dia meramal, mungkin malam esok ke malam lusa kita akan berubat lagilah untuk buang penyakit itu. Kalau cara berbayoh ini tidak sembuh juga dia akan buat cara berayun itu, dia akan membuat macam buaian itu dia akan membuang benda-benda yang tidak ada dalam badan dia, itu yang paling last kalau tak dapat berubat. Benda ini dah lama tidak ada sebab bomoh itu sudah tiada, memang tiada waris, masa kecik saya ada nampak nenek saya yang

duduk atas buaian itu pada zaman 70an. Benda ini tidak diturunkan dan diamalkan sebab dia bertentangan dengan agama, sebab benda ini dia bersekongkol dengan syaitan sebab itu agama melarang itu untuk diamalkan. Kalau sekarang ini memang akan pergi ke hospital dulu, kalau tidak berhasil memang akan balik ke benda itu cara tradisional, itulah usaha cara kedua.

Faiz: Fungsi rumbia ini kegunaan dia untuk buat makanan apa semua ada tak untuk kegunaan lain?

Kk Dollah: Banyak kegunaan itu rumbia contohnya dia punya dahan itu dia boleh buat anyaman banyaklah. Daun dia boleh buat atap rumah dulu, dulu orang Melanau banyak pakai atap daun mulong tidak ada benda sekarang pakai zink. Kalau orang yang pakai atap papa belian itu orang kayalah. Boleh dikatakan 100% digunakan lah mulong ini, kulit dia boleh buat macam-macam benda.

Faiz: Pada pandangan Kk perubatan tradisional ini akan pupus ke?

Kk Dollah: Iya akan pupuslah, saya rasa dalam 20 tahun lagi memang akan pupus, sebab tidak ada yang nak mewarisi lagi sebab ada agama dan tidak percaya lagi benda ini. Kalau Melanau ini jarang ada berketurunan ini sebab kalau meninggal bomoh itu sampai situ sahajalah. Upacara yang buaian itu macam anugerah untuk dia lah, kalau dia sudah duduk atas itu dia boleh mengubat orang sudah lepas itu.

Faiz: Apa pandangan Kk mengenai hubungan rumbia ini dengan masyarakat Melanau?

Kk Dollah: Memang boleh dikatakan kami ini musim jepun jajah dulu kalau tiada rumbia memang kami banyak kelaparan kata bapak sayalah. Memang kami ini bergantung kepada rumbia masa jepun sebab barang tidak ada terpaksalah makan rumbia. Melanau memang sagu makanan dia memang tidak lari daripada sagu. Benda ini memang kami tidak dapat

pisahkan lagi. Kalau dalam rumah sagu ini wajib ada macam beras dan gula. Kadang-kadang time kematian kami ada ambik sagu buat '*teramau'* untuk kenduri kematian.

Faiz: Macam dulu kalau kita sebut linut kita kena makan, itu pantang ke?

Kk Dollah: Tidak ada, sebab kalau benda itu tidak ada macam mana nak makan. Ada juga pantang kalau time makan linut dulu tidak boleh ketawa kuat sangat.

Faiz: Macam produk sagu selain tepung lementak itu ada buat benda lain lagi ke?

Kk Dollah: Kuih terbaloi itu ada juga, banyak kuih yang boleh dibuat dari sago.

Faiz: Kk di Kg Sg Ud ini ada berapa buah rumah?

Kk Dollah: Dalam 200 lebih buah rumah di sini. Mereka disini banyak pekebun sagu, pembalakan, nelayan kurang disini.

Faiz: Anak muda ada berminat ke nak teruskan generasi sagu ini kk?

Kk Dollah: Mereka kurang berapa minat lah, contoh sekarang mereka lebih suka bekerja di luar. Kecuali mereka yang tidak ada kerja memang akan teruskanlah.

Faiz: Sini ada berapa Kk?

Kk Dollah: Kami disini dibahagi kepada dua, Kg Sg Ud Hilir banyak Islam sana, saya Kg Sg Ud baru sahaja 2 tahun.

Faiz: Kk disini ada bantuan ke dari pihak kerajaan atau NGO untuk pekebun sagu?

Kk Dollah: Ada, subsidi penanaman baru, baik pulih daripada kerajaan. Daripada jabatan pertanian dia ada bagi chainsaw pun ada, bantuan macam baja pun ada. Daripada Datuk YB pon ada juga dia bagi sudah dua tahun dia bagi dana bantuan untuk pesatuan pekebun kecil.

6. **In-depth Interview Transcript with Melanau Cultural Expert**

Bapa Kaul (Ikon Melanau)

Nama: Edmund Salman Tuna

Umur: 62 Tahun

Kampung: Kg Tellian

Tarikh dan masa: 27/03/2022 (12.40pm)

Faiz: Selamat tengah hari wak, saya Faiz dan kawan saya Senadi. Kami dari UNIMAS sedang membuat kajian mengenai sagu dan perubatan tradisional. Sebelum itu boleh saya dapatkan nama penuh wak dulu?

En Edmund: Nama penuh saya Edmund Salman. Berumur 62tahun. Lahir dari tahun 60, 3 haribulan 2.

Faiz: Boleh saya tahu kegunaan anyaman tadi itu untuk apa?

En Edmund: Kegunaan anyaman bagi kaum Melanau hasil daripada rumbia, rumbia banyak mengeluarkan hasil tetapi belum dikaji. Untuk pengetahuan adik semua rumbia itu adalah satu-satunya kebun orang Melanau dapat mengeluarkan hasil dan memberi rezeki dan keuntungan kepada mereka, sebatang rumbia kalau ikut dikaji dari pohon hingga ke pucuknya jadi untuk pengetahuan adik-adik tentang hal rumbia memang kulitnya apabila tumbuh rumbia kulit akar dapat mengeluarkan hasil. Hasil daripada rumbia banyak kegunaan, sebelum masuk isi dia tapi hanya kulit, daun dan lidi-lidi rumbia, rumbia adalah kebun kecil orang Melanau asal dari manakah cuma saya sebagai seorang pakar rujuk rumbia memang banyak mengeluarkan hasil dari segi batang, akar rumbia, kulit rumbia, daun rumbia, lidi rumbia, pucuk rumbia, upih rumbia banyak mengeluarkan hasil sebenarnya. Pertama akar rumbia boleh dijadikan ubat seperti ubat kayap, kulit luar rumbia dapat

memberikan hasil yang baik boleh menjadikan baja kompos, proses kedua kulit rumbia boleh dijadikan perabot yang pandai mengolah dan sebelum masuk isi, kulit dahan rumbia dapat menghasilkan kraftangan seperti apa yang ada pada sekarang (anyaman bakul), yang di dalam dahan rumbia boleh dijadikan ubat dapat mengeluarkan hasil untuk dijadikan makanan hasil daripada dahan isinya dalam kulit dapat membuat kraftangan. Selepas itu, daun dia boleh mengeluarkan hasil untuk atap sebagai dinding mereka diolah kepakaran jadi lidi dia boleh membawa hasil untuk tangkapan seperti ikan laut, ikan sungai membawa hasil dia bagaimana cara mereka membentuk dan mengolah dia hasil daripada lidi. Lidi dia boleh dijadikan chopstick bagi orang Melanau, upih rumbia boleh dijadikan ubat dan boleh mengeluarkan hasil seperti mangkuk tradisional bagi tempat minum tempat semua, upih itu juga boleh sebagai ubat tradisional membuat topeng dan apa yang ada kepercayaan orang Melanau tadi upih dia. Selain dari itu pucuk dia boleh dijadikan penyapu dan mengubat penyakit boleh juga untuk aktiviti seperti tibow ada tujuan dia. Pucuk muda boleh dijadikan sayur boleh dijadikan untuk makanan sebagai seorang Melanau. Isi dalam rumbia diparut cara tradisional mengeluarkan hasil lementak membuat sagu, tepung, terbaloi dan berbagai-bagai. Tetapi hampasnya boleh dijadikan kompos untuk boleh membuat seperti kerusi. Itulah hasil daripada rumbia kalau dikaji dari akar rumbia sampai ke pucuknya rumbia adalah satu-satunya mengeluarkan hasil yang banyak. Buat masa sekarang telah didalam proses boleh menghasilkan membuat mee, pil itulah hasil daripada rumbia. sebab sekarang itulah hasil daripada rumbia kalau betul-betul kajian, dari akarnya sampai ke pucuknya rumbia mengeluarkan hasil yang banyak itulah tujuan kita sekarang ini membuat bengkel tentang hal rumbia sebab rumbia merupakan tanaman orang Melanau. Batang rumbia boleh mengeluarkan hasil ulat rumbia, itulah banyak sekali tetapi saya sebagai seorang pakar rujuk dan semenjak pengetahuan saya rumbia banyak mengeluarkan hasil-hasilnya itulah kalau

boleh rumbia itu adalah satu-satunya kebun orang Melanau mengeluarkan hasil yang banyak, keratan mulong boleh dijual mendapat hasil wang ringgit, walaupun dalam satu badan rumbia dari akar sampai ke pucuk banyak mengeluarkan hasil itulah sebab rumbia adalah makanan utama, kebun utama bagi orang Melanau, sebab dari dulu sampai sekarang kalau betul-betul kajian memang banyak hasil daripada rumbia seperti kami masa kecil-kecil kadang-kadang seperti tepung semua hasil daripada rumbia membesarkan kami. Sagu-sagu dan pelbagai mereka buat terbaloi dan pelbagai dikunyah dan diberi makan untuk membesarkan kami sebab saya sebagai anak Melanau bertanggungjawab kepada hasil daripada rumbia hasil itu memberi untuk membesarkan kami dari segi sebatang rumbia dapat kalau dijual untuk mendapatkan wang ringgit, dari wang ringgit itu untuk membeli bahan-bahan lain seperti keperluan dalam kehidupan itulah rumbia yang banyak menghasilkan keluaran dari sebatang rumbia kalau dikaji betul-betul dari akar sampai kepucuknya semuanya daripada rumbia kalau ikut tradisonal memang banyak sekali, sebatang rumbia mengeluarkan hasil yang banyak. Sebab itulah kadang-kadang orang tak paham tentang rumbia semua hanya saya memberi penerangan dan mengambarkan tetapi saya pun belum membuat kajian untuk rumbia tetapi ada juga dalam fikiran saya untuk mengkaji dari segi boleh dikatakan mendapat hasil tentang hal rumbia kita membuat buku dari akar dan pucuknya hingga ke daun dan upihnya kegunaan sebab rumbia adalah satu-satunya kebun kecil orang Melanau mengeluarkan hasil yang banyak itulah harapan kami.

Faiz: Wak kalau macam tadi yang akar rumbia boleh buat ubat itu dia buat ubat macam mana?

En Edmund: Akar rumbia boleh diubat seperti ubat kayap, kalau dikaji betul-betul hasil daripada akar itu boleh dijadikan ubat batuk, ubat pil. Kebijaksanaan kepandaian seorang mengkaji boleh dijadikan ubat. Ubat dibuat dikisar menggunakan lesung jadi dari situ dia

dapat mengkajikan dia boleh mengeluarkan sebagai ubat mereka, kepercayaan mereka bergnatung kepada rumbia.

Faiz: Sampai sekarang ke ada orang menggunakan akar sebagai ubat?

En Edmund: Iya masih, ikut kesesuaian mereka kalau boleh diubat dijadikan ubat mereka memang dia ikut factor kesesuaian darah. Rumbia memang banyak mengeluarkan hasil dari akar hingga ke kulit hingga ke kulit luar, kulit dalam, isi, upih, pucuk, lidi, daun rumbia dan dahan rumbia boleh dijadikan ubat boleh dijadikan seperti membuat atap untuk digunakan masa memerlukan. Banyak hasil daripada rumbia.

Alwin: Dari segi perubatan kan tadi dari segi akar, mungkin ada tak dari rumbia itu digunakan untuk medium perubatan, boleh kongsikan?

En Edmund: Iya, hasil daripada dahan rumbia boleh dijadikan pelbagai patung apa jenis motif patung tersebut boleh mengubatkan dari dahan rumbia ataupun pucuk yang muda dibuat patung untuk dijadikan ubat mengikut bentuk kehendak orang halus dan kepercayaan orang dulu. Patung-patung tersebut seperti *Duhig* ataupun *yieng* ataupun bergantung kepada mereka sebab dari rumbia dapat membantu mereka untuk mengubat si pesakit, kalau dia kena rasuk atau apa jua pun boleh pucuk itupun boleh dijadikan untuk membunuh orang seperti membuat patung dari pucuk rumbia itu dibuat patung saya dengki kepada kamu dicucuk dengan jarum dan semua untuk memudahkan barang tersebut menjadi buruk itulah dari rumbia banyak mengeluarkan hasil-hasilnya.

Faiz: Wak ada tak pantang larang berkenaan rumbia?

En Edmund: Pantang larang (*Palei*) berkenaan rumbia seperti kalau kita membuat patung daripada rumbia memang ada pantang larang dia kerana rumbia itu adalah satu-satunya makanan tradisional bagi orang Melanau mengeluarkan hasil yang banyak.

Faiz: Contoh palei yang wak tahu? macam nak menebang ke, semasa ada kematian ke?

En Edmund: Boleh ditebang tetapi masa waktu kematian sekiranya ahli keluarga mati tersebut tidak boleh melangkah ke pohon rumbia walaupun dah buruk tetapi tidak boleh melangkah pohon tersebut kerana mahluk didalam itu memang ada, kalau betul-betul kena. Hasil dari isi rumbia lementak boleh dijadikan ubat kalau orang makan, orang tua-tua dulu suka makan linut suka makan berbagai-bagai dari kandungan tepung dia boleh dijadikan ubat seperti ubat batuk, dia buat sagu itu akan dikisar mereka dan dimasak untuk dijadikan ubat batuk tetapi ada campuran dia lah. Kalau nak kajikan rumbia itu memang banyak mengeluarkan hasil boleh dijadikan pil buat masa sekarang, mengeluarkan laksa pon boleh, mengeluarkan makanan-makanan tradisi seperti sagu, linut dan kuih muih hasilnya daripada rumbia dia boleh mengeluarkan tepung, dari tepunglah dapat mengeluarkan hasil kita mengolahkan tepung tersebut menjadikan untuk mengeluarkan hasil seperti membuat kuih menggunkan tepung rumbia dan juga membuat terbaloi mengunakan tepung-tepung rumbia seperti terbaloi ikan, terbaloi payak, terbaloi bubuk, terbaloi kelapa dan terbaloi sei kata orang Melanau dari tepung itu sahaja tanpa campur dan dibungkus ataupun diisi dalam dijadikan untuk makanan, macam pansuh masuk dalam buluh kemudian dibakar kemudian dapat mengeluarkan hasil untuk dijadikan makanan. Dari situ kamu bawa ap aitu lauk pauk untuk dijadikan sajian untuk mereka, itulah hasil daripada tepung lementak. Tepung lementak boleh dibuat ubat seperti kayap, batuk, kalau diolah menjadi berbagai-bagai. Dalam tepung tersebut boleh mengeluarkan hasil seperti sagu terbaloi dan berbagai-bagai jenis terbaloi yang memerlukan tepung lementak seperti terbaloi kelapa itulah makanan tradisi.

Faiz: Macam yang tadi itu, anyaman yang letak bawah mayat itu?

En Edmund: Itu Jenayak, sebab dari daun rumbia boleh dijadikan surat untuk seperti buat masa sekarang kita dah pelbagai Kembangan, kepercayaan orang dulu boleh mengubat seperti jenayak boleh diletak diatas mayat dari pucuk rumbia sebagai surat mereka kepada alam kematian. Mereka pandai membuat atas bergantung kepada mimpi mereka. Kadang-kadang orang kampung yang telah diberikan anugerah kepada mereka dapat membuat seperti jenayak ataupun patung dari rumbia.

Faiz: Macam wak pandai ke buat jenayak? Sekarang ada buat lagi ke?

En Edmund: Pandai saya buat, tetapi sekarang tidak lah sebab kalau nak buat pun apa gunanya sebab kadang-kadang barang tersebut apabila dipuja dan dia akan menjadi ubat dengan tujuan untuk ubat-ubatan dengan tujuan untuk lain. Memang tidak boleh kita percaya sebab dia boleh makan orang membunuh orang untuk menyelamatkan, begitulah dari rumbia banyak hasil untuk dijadikan ubat dan boleh membunuhkan orang lain dengan hasrat yang tidak sihat. Tidak boleh sesuka hati buat jenayak ini.

Faiz; Sekarang ada ke bomoh di sini?

En Edmund: Buat masa sekarang tentang hal ukiran itu memang tidak ada habis, sebab generasi datang pon bukan tak tahu tetapi mereka tidak berminat dan juga tidak mengamalkan barang tersebut.

Faiz: Macam jenayak ini tidak ada yang mengamalkan lagilah?

En Edmund: Tidak ada sebab kita sudah memeluk agama. Jadi mengunakan apa yang didalam agama, kalau pagan mereka masil mengunakan cara tradisional.

Alwin: Boleh wak sebutkan semua kraftangan yang dihasilkan dari rumbia ini?

En Edmund: Kraftangan yang dihasilkan untuk mendapatkan hasil seperti dari lidi kita boleh buat bubu, bihai, pagar dia untuk mendapatkan hasil tangkapan seperti ikan didalam hutan.

Senadi: Contoh wak eh, kalau diludah dengan sirih dia akan hidup?

En Edmund: Dia akan hidup, disumpah dan dijampi mengikut keadaan si pesakit kalau dia kena apa ka, dari dahan itulah dia ukir-ukir dan tebuk dan di jampi oleh maka untuk dijadikan ubat.

Senadi: Kalau dia tidak dijampi?

En Edmund: Kalau dia tidak dijampi dia akan seperti membuat patung biasa jangan ditebut pusat dan mata. Kalau dibuat pusat dan dibuat mata dia akan hidup, walaupun tidak dijampi.

Faiz: Soalan berkaitan perubatan tradisional, boleh tak wak ceritakan perubatan tradisional yang wak tahu?

En Edmund: Seperti perubatan menggunakan patung yang dipanggil dakan, rabong, rabong rangit, rabong laut, kitab oleh buat burung selepas itu pelbagai bentuk ukiran mereka. Siapa yang pakar membuat apabila kena jampi, kalau tidak dijampi tidaklah, kalau dijampi betul-betul untuk mengubat seorang pesakit kena rasuk apa kah itulah mereka mengikut atas mimpi mereka bagaimana muka patung tersebut terserah kepada kebijaksaan kepakaran seorang sebab kita pelbagai anugerah tuhan bagi kepada kita cuma kita misal kata saya dianugerahkan untuk membuat seperti sekarang jadi terserah kepada saya itu sebab kepakaran bagi dianugerah oleh tuhan tetapi dengan tujuan yang baik untuk mendapatkan hasil daripada sebatang rumbia itulah hasil daripada rumbia memang banyak.

Faiz: Selain dakan, saya ada baca seperti berbayoh, boleh ceritakan ke?

En Edmund: Oh, itu tentang hal perubatan, pertama dari segi pesagam. Pesagam maksud dia saya sentuh oh saya dah tahu dah isi, tangan saya dah tahu oh ini kena rasuk kita kena buat patung, apa jenis patung dapat mengubat pesakit tersebut. Nombor dua Pesilok, dia menggunakan lilin dan dijampi, dari lilin tersebut dia kena hantu laut ke, hantu darat ke bergantung kepada penyakit dan kalau boleh penyakit diubat dan sesuai untuk penyakit tersebut. Nombor tiga Berbayoh, menggunakan gendang dan imangan yang memangil roh-roh yang dijampi dalam bentuk timangan apakah macam dia bergendang selepas itu dia minta tolong kepada mahluk-mahluk lain dapat mengubat si pesakit. Nombor empat Pejijik, dia menggunakan cara tradisional untuk membuat si pesakit itu dan pelbagai-bagai proses bergantung kepada kepakaran doctor yang mengubat pesakit, bomoh tu kira doktorlah. Dia menggunakan pelbagai mayang, daun pucuk gencil, daun tuba untuk membuang penyakit tersebut supaya ia dapat sembuh. Selepas itu Peguda, adalah cara scanning selepas scan siap masih juga penyakit tersebut payun penghabis perubatan selepas scanning. Mengikut amalan seperti masa sekarang perubatan tradisional memang banyak, bila selepas itu tidak sembuh nasib dia, walaupun usaha kita dah lebih dari itu dah nasib kita, kalau boleh diubat secara tradisional dia akan selamat kalau tidak ajal maut adalah ditangan tuhan.

Faiz: Tetapi perubatan tradisional ini masih diamalkan ke?

En Edmund: Tetapi kebanyakkan sekarang sudah pupus. Cuma orang yang tahu seperti kami boleh dikatakan pakar rujuk sebab mata kami yang dapat melihat bagaimana cara mereka melakukan dalam perubatan tersebut.

Faiz: Faktor apa sebab mereka sudah tidak mengamalkan?

En Edmund: Ini kerana factor kita sudah memeluk agama seperti Kristian, Islam dan juga bomoh-bomoh yang boleh dikatakan pakar-pakar sudah tiada lagi kerana tiada generasi yang

menyambung. Sekarang kita sudah memeluk agama memang dah pupuslah sebab kita sudah ada agama. Kalau seperti orang pagan memang mereka mengamalkan cara tradisional bagi mereka untuk menyelamat mereka dari segi perubatan, pengetahuan, pengalaman mereka dan atas bergantung kepada kepakaran mereka.

Faiz: Pandangan wak sebagai pakar rujuk, benda ini patut ke kita dokumen ke untuk generasi akan datang mengetahuinya?

En Edmund: Pandangan saya boleh kita mengekalkan, tetapi kepakaran untuk orang membuat tidak ada lagi untuk memberi kita khusus ataupun praktikal tidak ada lagi kepakaran orang dulu tidak ada lagi hanya seperti kami cerita sahaja tentang sejarah kehidupan mereka dahulu sebab sekarang boleh diamalkan tetapi kadang-kadang orang masih mengamalkan secara tradisional kadang-kadang generasi akan datang tidak meminati dan juga apalah guna buat macamtu. Tetapi kalau dilakukan orang yang kepakaran doctor-doktor seperti bomoh-bomoh ini tiada lagi orang yang pakar melakukan perubatan tersebut, sebab itu kalau boleh kita membuat barang tersebut tetapi tak ada lagi bomoh lagi, tetapi bagi generasi akan datang mungkin tidak tahu seperti kami, kami akan tahu bagaimana cara memproses perubatan tradisional dijalankan bagi untuk tantapan untuk generasi akan datang. Demi untuk mempertahankan budaya tradisional jadi saya ada buat dalam bentuk tarian. Tarian ini bagaimana orang payun, berbayoh dan pelbagai-pelbagai apa yang ada oleh kerana kami tidak dapat membuat tetapi untuk pengetahuan generasi akan datang kami buat dalam bentuk tarian. Sebab untuk pengetahuan adik-adik semua saya membuat dan berfikir untuk generasi akan datang supaya budaya kita tidak terus pupus ditelan oleh zaman walaupun perkara tersebut tidak ada lagi untuk pengetahuan generasi akan datang maka saya berhajat dan berfikir untuk membuat perkara tersebut bergantung kepada synopsis bagimana cara mereka. Dari segi cara-cara mereka melakukan cara tradisional perubatan jadi saya berfikir

elok kita buat dalam bentuk tarian untuk generasi akan datang, itulah Hasrat dan tujuan saya sebagai seorang anak Melanau dan mewakili bangsa Melanau dengan Hasrat tujuan saya telah mencipta 14 buah tarian bukannya calang-calang tetapi berpandukan pekerjaan dan kehidupan orang Melanau dari segi perubatan, budaya-budaya orang Melanau, 14 buah tarian yang saya sebagai orang pertama anak Melanau itulah saya sebagai pakar rujuk bagi mereka untuk memahami dan mengetahui dan memberi khusus ataupun praktikal kepada mereka seperti berlaku yang telah lepas Kaul. Kalau lah tidak seperti kami siapalah yang dapat sebab sekarang saya dah jadi bapa kaul 22 tahun tetapi belum ada pelapis, tetapi buat masa sekarang saya ingin mencari pelapis supaya barang tersebut tidak pupus ditelan zaman sebelum saya menutup mata saya akan memberi kepada mereka siapa yang sesuai dan boleh bertanggungjawab dan menwakili bangsa, adat Melanau itulah hajat dan tujuan saya. Buat masa sekarang saya sudah kemukakan kepada didepan YB Datuk untuk mengekalkan budaya kita, kita seharusnya bangga sebagai seorang Melanau tentang adat dan budaya kita sendiri tetapi apabila orang interview ataupun apa jua tetapi kalaulah kita tidak tahu memberi impak yang baik kepada generasi yang akan datang mungkin mereka, apa kata mereka copyright tak guna, sebab kalau boleh kita lakukan terus seperti sekarang itulah harapan dan tujuan saya untuk generasi akan datang supaya budaya bangsa kita sebagai seorang Melanau kekalkan. Saya harap Datuk-Datuk dan Yb-Yb paham apa yang saya curahkan kepada mereka untuk menjadikan itu adalah kebanggaan orang Melanau seperti kaul sekarang, kalaulah saya tidak ada nanti siapalah yang jadi ketua. Sebelum saya menutup mata saya harap sekurang-kurangnya tidaklah penuh dapat mengusai sebagai seorang bertanggungjawab kepada bangsa budaya. Harapan saya untuk generasi akan datang dan berbagai-bagai seperti permainan tradisonal, kraftangan, tarian, muzik dan pelbagai saya tidak kira walaupun saya dilantik hanya sebagai bapa kaul hanya satu hari sahaja, orang

hormat kepada saya sedangkan raja lagi tunduk kepada saya sebab apa saya menjalankan kewajipan demi untuk menjayakan dan menjaga tata budaya kita sebagai seorang, kalaulah tidak siapalah lagi. Itulah lah harapan saya untuk generasi akan datang untuk seperti kamu datang untuk bertemu ramah dengan saya nak membuat research dengan saya harusnya kita terus terangkan betul-betul kepada mereka supaya kita dari mana awak dapat dari situ okay. Kadang-kadang orang mengambil kesempatan eh copyright, pernah saya jadi begitulah cara orang Melanau dia buat-buat tak paham tetapi harusnya belajar seperti kita sekolah dari rendah sampai menenggah kalau ada rezeki kebolehan kita sendiri dapat menerima ijazah kepakaran kedoktoran begitulah, kalau kita tidak asah dari mula memang dia barang tak tajam, kita guna saja parang tetapi tidak diasah tetapi kita apabila dah menggunakan parang tersebut asah-asah supaya barang tersebut lebih tajam itulah pepatah kata.

Faiz: Wak yang 14 tarian tadi itu setiap tarian ada makna dialah?

En Edmund: Setiap tarian ada makna dia, kita sebagai seorang pencipta tarian kita tidak boleh buat sebarangan, kita berpandukan kepada pekerjaan, perubatan, kematian bagi kaum Melanau bagaimana kita buat kajian betul-betul khas untuk generasi akan datang seperti pekerjaan, orang Melanau menyak mana ada lagi pada masa sekarang. Begitu juga dengan peralatan probs-probs bagi mereka kita harus showkan kepada mereka. Menyak itu adalah pekerjaan harian orang Melanau supaya dapat mengeluarkan hasil tepung daripada kerja mereka itulah menyak, peralatan untuk menyak apa yang patut apa yang mereka gunakan untuk mendapatkan hasil daripada sebatang rumbia secara mereka memproses. Itulah saya buat dalam tarian untuk generasi akan datang. 14 tarian dibawah Seri Ritma Borneo. Tarian payun peseladai itu adalah perubatan tradisional penghabisan perubatan untuk. Payun sahaja sebab semua tarian ini digabung bagaimana dia memproses menjalankan perubatan untuk

mereka sebab kita nak terangkan semua, lakukan semua dalam upacara tarian terlalu panjang.

Alwin: Macam pelapis ni ada ke calon-calon yang tampil kedepan nak belajar dari wak?

En Edmund: Ada, tahun ini saya ada bawa dia pertama kali siapa yang ingin siapa yang tidak saya akan dan ajarkan kepada pelapis-pelapis sebab sayangnya budaya kita kalau kita tidak turun kepada pelapis macam mana habislah budaya kita. Sekarang dah ada seorang dah, seorang itu saya berharap walaupun saya tidak memberikan dia memegang apa-apa sekurang-kurangnya bagaimana cara sebagai seorang Bapa Kaul bertanggungjawab kepada apa yang patut maka saya akan curahkan dan mengajar disamping itu saya mengajar apa itu semua supaya dia dapat memahami seperti mantera-mantera, saya dah bukukan untuk mereka akan datang supaya mereka dapat memahami dan begitu juga kalau tidak dipraktikan tidak diberi khusus atau tidak diberi nafas bagaimana mereka mungkin mereka tak tahu boleh mereka jadi Bapa Kaul tapi melakukan aktiviti itulah tetapi saya bersyukur dan berterima kasih kepada Tuhan yang maha kuasa memberi harapan dan tujuan kepada saya walaupun saya tidak mempunyai gaji, sekadar ada orang yang bagi saguhati saya terima kalau tidak sebagai seorang macam saya ni sebagai Bapa Kaul menggunakan duit saya sendiri itulah, ada peruntukan yang dibagi kadang-kadang itulah saya dah curahkan kepada Datuk dan Yb selaku Bapa Kaul bukanlah senang bertanggungjawab kepada segala-segala kalau tidak kita akan apa kata mereka copyright apalah guna kita copy dari orang tetapi budaya yang kita dah ada kita pertahankan kalau boleh kekalkan dan beri kepada mereka supaya mereka dapat mengantikan sebab kita ini hidup akan mati. Sebelum saya menutup mata hasrat dan tujuan saya memang nak bagikan kepada siapa yang berminat dalam segala-segala bidang apa yang ada pada diri saya sekurang-kurang saya tidak lokek, barang-barang tersebut tak akan bawa

pergi ke alam kematian apalah guna bagus saya tinggalkan untuk generasi akan datang untuk mengekalkan budaya kita ini adalah satu-satunya budaya kita. Sekolah hanya darjah 6.

7. **In-depth Interview Transcript with Melanau Cultural Expert**

Owner Melanau Sapan Puloh Museum

Nama: Tommy Black Mark Lang

Umur: 54 Tahun

Kampung: Kg Tellian

Tarikh dan masa: 05/06/2022 (12.50pm)

Faiz: sudah lama ke En Tommy bergiat dalam warisan Melanau ini?

En Tommy: Dalam warisan Melanau ini, mula-mula saya bergiat aktif dalam tarian dan muzik Melanau. Kita ada pesatuan iaitu kumpulan badan budaya Melanau Mukah, selepas itu kita berada dibawah kementerian belia dan sukan pada ketika itu, selepas itu barulah bila belia dan sukan untuk Mukah ini dah di ambil alih di bahagian Sibu so kita bergantung tak bertali maka kita Cuma atas inisiatif kita sendiri dengan kawan-kawan kita bergiat juga walaupun kita dah terumbang ambing dekat situ demi Melanau untuk Melanau itu yang kita target selalu. Makanya, kita bergantung lepasitu dalam tahun 88, maka 25 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia diadakan didirikan tema tahun warisan budaya selepas itu setiap pelusuk tempat di Sarawak ini dibinakan dewan suarah untuk kita membuat aktiviti bersemuka semua itu, macam dewan suarah Mukah ini dia lebih kepada seni bina dia apa yang saya tahu seni bina Melanau sebab Mukah majoriti Melanau. Selepas itu lah kita terumbang ambing bergantung tak bertali maka pihak dewan suarah itu ambik kita masuk dalam itu bernaung dibawah dewan suarah. Maka dewan suarah Mukah ini memang

istimewa masa tahun 90an saya pun tak ingat gerak mesra seluruh Malaysia iaitu Tun Mahathir masa itu menjadi perdana Menteri, Gerakan wawasan ap aitu gerak mesra maka Mukah telah dipilih sebagai satu tempat khas untuk melancarkan gerak mesra seba itulah taka da di Sarawak ini seperti dewan suarah dekat Mukah ini digelar sebagai dewan suarah mesra Mukah. Kita bernaung bawah situ, lepas itu saya letak jawatan dan kita wujudkan kumpulan baru…….. Dari kecil saya minat sangat dengan barang-barang lama, sebab itulah bertitik tolak dari bend aini tadi bila kita dah jatuh bangun dalam kumpulan ini target saya adalah saya nak buat, mula saya nak buat galeri, kalau lah galeri nanti orang tourist datang manalah galeri Melanau jumpa dengan orang tua galeri itu apa susah lagi. Sebab dekat Mukah ini ada kedai shopping mall dia glory company, tak pasal-pasal itu kat pekan itu kedai glory ada, galeri dengan glory seakan-akan sama. Sebab itu lebih elok saya pakai muzium dan itu pun kalaulah saya nak buat saya ini kadang-kadang kita dah minatkan kita mesti tindak balas kat situ, kalaulah saya buat muzium Melanau saya sedar saya akan kena kecam sebab Melanau ini bukan sahaja satu kaum satu tempat itu sahaja Melanau, so kalau kita buat satu muzium Melanau Mukah ataupun muzium Melanau Sarawak mungkin dari tempat-tempat lain saya buat cakap dengan tourist itu bukan macam ini Melanau kami, bukan macam itu budaya Melanau kami disini. Itu akan menjadi tentangan nanti, sebab itulah saya fikir lebih elok saya buat satu nama khas, nama kha situ yang telah hilang. Tiba-tiba saya saya mendapat ilham kira macam anugerah jugalah sebab itu ramai juga yang kagum dengan nama muzium saya ini iaitu mini muzium Melanau Sapan Puloh. Sapan itu adalah rumah kecik tempat memproses sagu satu Ketika dahulu dan rumah sapan itu biasanya didirikan di tepi-tepi sungai dan sekarang ini rumah tersebut dah hamper pupus, ada pun mereka buat stor simpan barang, dan Adapun peralatan dalam itu tak ada lagi dan puloh itu Kg Tellian dulu dikenali sebagai Kg Puloh. Puloh itu pulau dibelakang ini sungai teloh belakang itu

dengan sungai Tellian dia bersambung bersemuka membentuk dua buah pulau maka padatnya sejarah Kg Tellian adalah di Kg Puloh disitulah terdapat tiga buah rumah tinggi Melanau, dua telah terlibat dengan perang pan bidai nama dia Bersama dengan kerajaan Brunei dan yang terkahir 1800 rumah tinggi kaum Melanau telah hangus terbakar di pulau pertama dan pulau kedua dia adalah jerunei sungai teloh. Maka disitu tadi tiba-tiba saya rasa bangga juga dengan diri saya sendiri sebelum orang bangga kat kita, kita sekurangnya hargai apa usaha kita, idea kita satu anugerah untuk kita, kita dapat nama tersebut. Sebab itu terlalu unik nama dia, sedangkan orang akan bertanyakan apa itu sapan puloh. Saya terangkan benda itu macam ini-macam ini barulah orang paham. Orang Melanau sendiri asal dia dari Kg Puloh ini mereka pun rasa bangga bagus juga Tommy ini timbulkan balik nama tersebut kalau tak generasi akan datang tak tahu.

Faiz: Sudah berapa lama dah muzium ini?

En Tommy: Muzium ini kalau bulan 7 nanti mungkin 24 aribulan 7, saya pun tak ingat, dia bermula 2012 jadi dia masuk 10 tahunlah.

Faiz: Boleh tak En Tommy senaraikan jenis-jenis ritual tadi ada berapa?

En Tommy: Perubatan ini memang banyak dia macam *Pesagam*, dia menilik sahaja. Pesagam itu dalam istilah Melanau biasa dia meraba, tapi sebenarnya bukan meraba dia kita tengok kat belakang kita bagi dengan bomoh, dia pegang belakang ini itu *pesagam* bukannya meraba. Selepas itu *Pesilok* dengan gendang ini bila ada orang *berbayoh* tadi kita yang sakit ini datanglah, kita tumpang jadi kita bawa lilin kita bagi dia supaya dia tolong tengok semangat saya, semangat kita tadi macam mana. Sebab tengok dalam lilin itu saya juga tahu serba sedikit, kalau dia itu malap sahaja bererti roh kita memang dah macam diawang-awangkan kita macam dah kena sesuatu dengan benda-benda ghaib, kalau dia terang dia

okay. Selepas itu macam perubatan tadikan jenis patung *Dakan*, kamu terkena patung inilah, kamu berubat ini. Selepas itu kalau tak itu tadi maka akan ada upacara *berbayoh,* selepas itu upacara seterusnya *pejijik, gedang mayam, berguda* barulah yang paling last itu tadi *ayun asuk naga* ataupun *payun peseladai*. Dalam *payun peseladai* itupun terbahagi lagi ada buaian naga, ada buaian rotan. Upacara ini bergantung kepada bomoh juga kadang-kadang permulaan dia akan naik buaian rotan tiga malam, malam keempat, kelima, keenam, ketujuh barulah dia naik buaian naga. Kadang-kadang sekaligus dia naik buaian papan bila dia rasa letih lenguh naik buaian ini, buaian rotan dulu bila dia dah rasa macam Lelah sangat penyakit dia dah tak dapat bangun mereka papah dia untuk naik buaian naga sebab itu bergantung cara bomoh.

Faiz: Tapi yang sekarang ini semua ini dah tak amalkan lagi kecuali yang dakan itu sahajalah?

En Tommy: Cuma ada tempat-tempat kalau saya dengan ada dekat Balingian masih ada bomoh yang amalkan upacara berbayoh, memang ada Wanita. Bomoh ini dia tak kira lelaki ke perempuan tapi susianya memang orang tualah.

Faiz: Macam ada tak perbezaan yang En Tommy tengok dari zaman dulu dengan zaman sekarang cara perubatan ini?

En Tommy: Memang perubatan ini memang sama cuma dia bergantung kepada si bomoh sebab ipok dia tadikan ada lain cara dia.

Faiz: Apakah kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau?

En Tommy: Kepentingan dia satu adalah itu adalah salah satu leluhur dari Moyang. Dan setidak-tidaknya kalau kita dah berubat secara moden kalau kita dah tak bagus tak dapat pulih maka usaha atau ikthiar kita yang akhir adalah secara kampung ataupun secara bomoh.

Itu yang baik yang elok cumanya kekangannya tadi adalah dasar agama dan keadaan bomoh itu sendiri dari hari ke hari akan pupus dan peyambung warisan tersebut memang susah sebab orang nak sekarang inikan lebih kepada perubatan moden itu seperti hospital, bukan macam tabib cina, kalau cina itu lain dia masih akan diperturunkan oleh anak-anak dia itu lain. Sebab benda tersebuat separuh moden perubatan cina. Walaupun demikian saya tengoklah penggunaan mengunakan cara bomoh ini tidak ada kadang-kadang kita ada perubatan seperti jenis-jenis herba itu yang kadang-kadang masih ada orang dulu masih percaya macam kita sakit perutkan, tempurung kelapa macam mana kita nak jenis penyakit kalau kita kulit ke apa ke masih diamalkan.

Faiz: Macam mana nak mengekalkan ilmu ini contohnya macam galeri inilah dah macam salah satu carakan? Saya dengar tarian pun ada juga?

En Tommy: Tarian memang kita telah buat dalam tarian seperti tarian seladai iaitu seolah-olah tarian ini untuk upacara terakhir sebagai kita panggil tadikan payun peseladai, kita ambik tersebut untuk kita memperkenalkan. Sedangkan tahun 88 kita jadi juara untuk tarian tersebut…… bagi saya setiap ipok setiap bomoh apa yang saya tahu sekiranya benda itu tersebut macam tarian seladai yang sebenar ini tadi kalaulah pinggan itu pecah itu petanda musibah, kalau tak pecah okay. Kalau dah musibah itu tadi memang mereka akan stop.

Faiz: Apakah pandangan dan harapan En Tommy tentang perubatan tradisional kepada masyakarat Melanau?

En Tommy: Harapan saya cuma, nak menaruh harapan sangat pun susah sebab benda tersebut juga akan pupus cuma seperti apa yang saya lakukan sekarang ini merupakan satu harapan satu kesenambungan nanti untuk budaya Melanau untuk keluarga saya generasi yang akan pelapis untuk muzium ini nanti untuk dikekalkan apalagi dibukukan. Memang

ada buku, kalau kita tengok buku ditulis oleh orang terdahulu macam orang putih itu kan, saya bukan tak percaya, kadang-kadang bila saya baca buku terbabit kadang-kadang dia bercanggah sebab bagi saya orang dulu ini memang mereka bijak pandai, mereka dulu ini Cuma research untuk satu orang dia tak research untuk satu lagi orang maksudnya kalau satu orang dia terus tulis buku itu dia tak tapis lagi bagi saya sebelum ini selain dari pengalaman saya tanya research tanya dengan orang-orang tua, orang tua A, orang tua B, orang tua C. Maka disitu kita kumpulkan kita tapis seperti filem negara kita tapis lagi jangan kita ambil bulat-bulat. Barulah kita dapat analysis lagikan macam mana cerita ini betul ke tak cerita si A, B dan C. kalau lah bercanggah bererti kita dapat berpandu pada bidalan ataupun peribahasa itu yang saya buat, kalaulah dia ketiga-tiga ini memang sama itu lebih bagus lebih elok.

dapat duit. So, that why media very important today, so I don't know hopefully *adalah.* Even our Datuk Sri Hjh Fatimah *dia ada* YouTube *dia sendiri tapi* is no viewer *baru* 30 view *jak tapi* you all know *lah diaorang tak tengok dia punya* YB and so *walaupun YB dia* famous *satu* Sarawak *tapi bila dia buat* YouTube *tak* 40-50 view *sahaja*. So, depend on *degan* opportunity, hopefully *ada macamtu* especially in sago, because *nak pilihan raya juga* TVS *ada masuk juga* sago, even our *dulu Menteri pertanian pernah masuk* sago *di* Dalat *sebab lepas itu* something happens *tahun* 2013-2014 *macamtu lah*. But it still not a boost to our sago industry so hard to say *lah,* so hopefully *lah dengan Lembaga nanti* our *nipah* and sago will grow together.

Dr. Linda: So, you are not park under Lembaga as person in charge?

En Iswandi: Most probably we will part of parcel of that Lembaga, because for sago there is no authorize *ataupun* authority *yang betul-betul* for sago. So, since we are doing our niche is sago the first place *memang kita* research on sago we diversify our to other commercial product this is part of parcel of CRAUN research. Lembaga is other DOA, DOA *memang minta* input for the *akta* most part of parcel *memang.* Even our YAB Ketua Menteri Sarawak *dia kata saya tukar* CRAUN *jadi* Lembaga so it obvious *lah* but we see on the picture how *lah*. Because *kita ni* research company *sebab* sago company it a research company niche on sago, *kalau lah kita ada* estate yang sago *dulu-dulu itu* maybe *dia* are one yang prominent.

Dr. Linda: Because oil palm for example they have a board and it very develop commodity and they know from plantation down the line they have set up this board *ataupun* structure so, we can follow through but interestingly sago is not given the same maybe the word important is not the right term how I see it contributed as you mention it the third commodity in the scheme of this productivity *tapi tak ada* infrastructure *itu yang kita nampak*.

En Iswandi: Yes, *kita* that why political is very important if we are talking about a Malaysian itself *memang kita orang* for sago industry *memang tak berapa nampaklah* even when we talk to our Menteri pun *dia* don't know what sago is. But since we are the third commodity export in Sarawak, and our CM dah recognize part of it so I think it not far away once Lembaga *pon dah* establish, if they give us few area *lagi* for development of this sago I think it will be a boost starting for new generation.

Dr. Linda: Do you have this space in the radio channel like we have TVS but people in the far plant are *tak ada* television, *jadi* the radio network like *kita ada pagi ke malam ke* just 30

minutes about sago, if doesn't have to be very-very scientific *macam* about sago every Friday *ke*.

En Iswandi: That one depends on radio and tv interest itself, but what we happen was that one month ago RTM we are part of the 21 factor in for *iklan f*or our CM *kempen* so there about 20 or 21 factor one of it is sago as the element for *kempen* for general election *yang akan datang*. That why TVS and RTM *dah datang sini*, part of is our project *rakyat* for biogas *dia memang ambik gambar*. So, they have recognized part of it 21 elements in Sarawak older generation for CM, so we pick up from there hopefully. Of course, TVS is television is specifically for Sarawak that one very biggest opportunity, I mean we have established that we don't use the opportunity yet *belum ada kalau dah ada*. But our approaches *sudah ada* viral factor *jak belum lagi*, once *dia dah masuk* I mean because ……..very simple most our politician from *semenanjung* they don't know about sago so once they know about sago even Interim *hari itu buat pun tak ada bunyi dia*, that why our CM *buat* our own Lembaga under own state *lah* so from there, *tapi ya lah* if we can provide raw material, we can provide the value added of downstream or techno education, maybe in health also pharmaceutical area so hopefully *lah.* But of course, food is one of factor very simple *mudah lah,* you see the next sago ice cream or whatever, sago ice cream *boleh buat* sago*, kita dah buat*. Sarawak famous with *kek lapis* so hopefully the next *kek lapis* will be sago *lah* even *nipah pon tak apa* its part and parcel of Lembaga *kita tumpang pun tak ada masalah* so, hopefully *lah*. Lembaga will be coming our CM dah recognize our biogas so it an opportunity *lagilah*.

Faiz: Last question, *kan* CRAUN as scientific research more on scientific what your view on indigenous knowledge, traditional knowledge?

En Iswandi: So, we can't *tolak* the factor indigenous knowledge as because it's part of parcel of our research *jugaklah* because some of our SOP in our GAP we are still using indigenous way *contoh, kita* using wharf nursery and we also use all folk name for harvesting so we can't because this *nipah* also sago is traditional way can't just simply *kita ambik dan tanam* and hopefully we are commercially good. I don't know even right now only Mukah area *yang dapat tanam* sago why *tempat lain tak dapat tanam* sago, so it a mystery to us most of it because of indigenous factor because the people here in Melanau itself *memang dah makan minum* all sago that why we try to put tackle it away from Melanau punya culture and put into something yang commercial *tanam-tanam di tempat lainlah, bukanya mesti* related to

Melanau culture itself so there one way *tapi* we are still using, because some element *memang tak dapat* exchange *yang kita susah nak* explain we have to use juga yang indigenous from there *daripada itu baru kita tahulah*. It will be hybrid *lah* even our genetic research pun show *memang* indigenous factor *yang kata betul* which is *betul lah apa yang diaorang* inform *dengan kami*. So, even *kita orang buat pun macam diaorang dah tanam tepi-tepi* wreckage area *tapi kita dah tanam* hand on *dekat* wreckage area *memang tak jadi* so we can't fight why *kenapa benda ni orang kampung tanam dapat tapi kita orang tanam tak dapat* so that part and parcel mysterious way *kita orang perlu cari lagilah* how *lah*. So, we can't t*olak* why people *dapat tanam tapi kita tak dapat tanam*, so *tidak dapat tolak la dia punya* indigenous way *tapi banyak* factor *lah yang termasuk* and so *kita* deep *banyak lagi* research can be done. So, part and parcel we learn from indigenous *lah* and we develop, even sago *kilang lementak, kilang belanga* and so we use technology *yang sedia ada yang* traditional people pakai we incorporate *kepada kilang lementak tersebut*, that how the way to do it is lah. But when we have technology but no taker especially smallholder *dengan* young generation *tak ada ambik, kacak-kacak* technology *tak ada orang guna* it just *jadi simpanan dalam* file *kita jaklah. Macam* sago cookies *kita memang sedap* but there is not taker *macam itu jak lah*. So, mind set *perlu tukar,* Sarawakian also Melanau pun have to *ambik* this industry *letak ke tempat* lain especially *luar dari* Mukah we will see how, maybe orang Bidayuh, maybe orang Mulu, maybe orang Kuching take it much better positive way. Basically, *macam itulah* when people *orang luar ambik* this one and then orang Melanau *tu saya tanam tepi jalan, tepi rumah baru dia orang sedar* okay I need to take this one because this one our ancestor punya technology *dari situ barulah orang* local *baru sedarlah*. Usually *kita dah duduk rumah kita sendiri, bila kita pergi tempat lain baik aku cari duit tempat lain baru betul-betul* survival *bila di rumah kita* very simple *hidup cukup-cukup sahaja kita* happy, so hopefully *lah* mindset *bertukar* and also media *kalau dah ada* its good for us *lah* but we are on a good track *lah sekarang dengan* Lembaga, *dengan banyak* people coming even *pagi tadi pun ramai orang datang sini*, because of Covid I think I *tak ada* time *buat benda lain* time *untuk buat* presentation *sahaja*, interesting this one very interesting is money making the third commodity in Sarawak but no taker, so hopefully *lah*.

Dr. Linda: Thank you so much for sharing your thought and experiences I am pretty sure we have a lot to swallow, to think about.

10. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Azmi Iffan Bin Manden, Muhamad Faiz Iqbal bin Alias

Umur: 20 Tahun

Kampung: Kg Balan, Dalat dan Kg Senau, Oya

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (8.50pm)

Faiz: Boleh kongsikan dengan saya apa yang anda tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?

Faiz Iqbal: Contoh dia macam urutan tradisional, yang lain contohnya macam guna tumbuh-tumbuhan dan herba macam daun bunga raya.

Faiz: Itu guna untuk ubat penyakit apa itu?

Faiz Iqbal: Biasanya daun bunga raya digunakan untuk penyakit demam. Yang lain daun peria juga ada digunakan untuk penyakit kalau sakit perut.

Faiz: Yang tukang ubat itu awak panggil apa? Bomoh ke dukun ke ataupun orang-orang tualah yang ubatkan tu?

Faiz Iqbal: Kalau yang guna tumbuhan itu kita sendiri buat sahaja, kalau yang urutan tradisional itu ada orang yang tukang urut dia.

Faiz: Urut itu untuk urut apa ya?

Faiz Iqbal: Urut itu untuk buang angin, kalau demam, muntah-muntah macam itu.

Faiz: Yang macam yang perubatan guna tumbuh-tumbuhan tadi awak pandai buat ke, atau parent awak tahu?

Faiz Iqbal: Parent saya pandai buat. Saya juga ada belajar daripada mak saya, mak saya belajar daripada atuk saya. Dia ajar dengan tunjuk terus cara nak buat itu. Untuk kekalkan ilmu ini nanti saya juga akan ajar kepada anak-anak saya.

Faiz: Boleh share ke macam mana nak buat itu?

Faiz Iqbal: Contoh kalau daun bunga raya dia nak yang pucuk itu sahaja yang hujung-hujung dia sahaja. Daun itu dia macam renyok-renyokan selepas itu letak di kepala kalau demam. Kalau daun peria dia macam kena tumbuk-tumbuk guna lesung, selepas itu tambah air dan picit sampai keluar air dari daun peria itu, selepas itu minum air itu untuk yang sakit perut macam baby, kalau baby sakit perut boleh pakai air peria itu. Biasa itu guna untuk baby lah kalau sakit perut macam tidak buang air besar ke apa ke.

Azmi: Yang saya tahulah memang ada pernah belajarlah, pertama yang pakai tumbuhan itu pucuk paku pakis, yang bulat itu tadi yang pucuk dia itu dia orang akan kunyah-kunyah selepas itu contohnya kita ada luka kena parang ke apa ke, nak stop bleeding itu mereka akan kunyah selepas itu letk di tempat luka itu selepas itu balut dan darah akan berhenti mengalirlah. Selepas itu kalau penyakit chicken pox kami guna daun tebawan, daun tebawan ini akan dibakar dan siapa yang kena chicken pox itu akan duduk berdekatan asap itu. Dan kalau yang seterusnya ialah *belum,* itu macam mistik sikit contohnya ada orang sakit pelik-pelik ke apa ke memang tak boleh ubat mereka akan ukir-ukir selepas itu saya tak pasti ada apa jampi ke, tak lama selepas itu hilang penyakit itu. Selepas itu yang belum ini ada orang buang di hutanlah ada banyaklah orang buat.

Faiz: Di kg Balan masih ada ke orang amalkan perubatan menggunakan *belum* ini?

Azmi: Iya ada, saya pernah terjumpa *belum* itu di hutan. Orang yang tiada agamalah yang selalu amalakan perubatan menggunakan belum ini. Di Kg Balan masih ada orang tua yang tiada agama yang mengamalkan.

Faiz: Pada pendapat awak perubatan Melanau tradisional ini masih lagi relevan?

Azmi: Bagi saya ikut yang herba itu sahajalah, yang macam *belum* itu sekarang dah agama Islam kan takut syirik nanti. Kalau yang herba, ubat-ubat macam itu boleh pakai, memang okaylah.

Faiz Iqbal: *Belum* itu sahaja tak patut diamalkan lagi sebab dia bertentangan dengan agama islam. Sebab orang Melanau dah ramai Islam.

Faiz: Jenis perubatan yang digunakan tadi dari zaman dulu dengan zaman sekarang sama sahaja ke cara dia?

Azmi dan Faiz Iqbal: Iya sama sahaja dari dulu sampai sekarang.

Faiz: Awak berdua pernah ke dapatkan perkhidmatan perubatan tradisional dan apa jenis perubatan tersebut?

Faiz Iqbal: Pernah, Ketika saya demam saya pergi berurut buang angin.

Faiz: Boleh sharekan macam mana berubat cara berurut itu?

Faiz Iqbal: Berurut itu dia guna minyak kelapa yang dibuat sendiri, kadang mereka akan minta barang sebagai pengeras seperti paku, jarum. Selepas itu orang tukang urut itu simpan pengeras itu.

Faiz: Sekiranya anda sakit, siapa anda rujuk terlebih dahulu, perubatan tradisional atau perubatan moden?

Faiz Iqbal: Saya akan berjumpa doctor dulu sebab tradisional ini banyak menyimpang dari agama. Saya lebih percaya doctor sebab dia lebih nampak dan selamat berbanding perkara-perkara mistik yang tak Nampak itu.

Azmi: saya akan jumpa doctor dulu, sebab tradisional ini dah kurang susah nak cari, kalau yang urut tadi itu okaylah.

Faiz: Adakah diantara ahli keluarga yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini?

Faiz Iqbal: Ada, yang menggunakan herba-herba tadi itulah sahaja.

Faiz: Boleh kongsikan apa beza system perubatan tradisional dan moden?

Azmi: Yang tradisional ini banyaklah pantang larang dia contoh kalau pergi berurut, contoh dia sakit kaki ke ada pantang larang yang dia tak boleh makan. Kalau yang moden dia tak ada pantang kan, kalau sakit dia ada ubat dia makan sahajalah.

Faiz: Pandangan anda mengenai cabaran dan harapan mengenai perubatan tradisional Melanau ini?

Faiz Iqbal: Boleh diteruskan dan dikekalkan selagi tidak bertentangan dengan agama, seperti yang guna herba tadi itu. Orang Melanau mungkin dia boleh berubat mengikut agama masing-masing.

Azmi: Sama sahaja saya dengan faiz.

11. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Brandon Kueh Chen

Umur: 19 Tahun

Kampung: Kg Penakub Cina, Mukah

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (9.30pm)

Faiz: Bolehkan awak kongsikan dengan saya mengenai perubatan tradisional Melanau?

Brandon: Antara perubatan tradisional yang saya tahu ialah *dakan*, *dakan* ialah perubatan tradisional Melanau yang masih belum mempunyai agama, masa itu mereka animism dan mereka percaya bahawa semua benda di sekiling ada roh dan kalau ada orang sakit biasanya mereka akan buat satu patung, masa mereka buat patung itu mereka akan cuba transfer memindahkan penyakit dari badan contohlah saya sakit dia akan buat satu patung untuk memindahkan penyakit saya kepada patung itu, selepas itu saya akan sembuhlah. Dan dia ada satu lagi kalau tak silap saya dia ada panggil '*petran lebai'* dia untuk kanak-kanak yang sakit perut, dia *dakan* untuk meyembuhkan sakit perut kanak-kanak sahaja. Sebenarnya dakan dia lebih kepada cerita sahaja sebab Melanau sekarang mereka sudah mempunyai agama masing-masing contohnya Christian dengan Islam, jadi mereka menyembah satu tuhan sahaja jadi mereka tidak percaya lagi dengan roh-roh sekeliling mereka lagi. Tapi perubatan tradisional yang saya pernah alami sendiri ialah urut buang angin selepas itu, dia pun ada sedikit unsur-unsur roh dalam itu, contoh kalau kamu masuk angin mereka akan rasa kamu dikacau oleh roh yang jahat ataupun kamu kena bomoh yang jahat sebab itu kamu masuk angin salah satu pandangan mereka. Jadi kalau kamu masuk angin kamu pergi urut dan kamu akan sembuhlah, saya pernah alami saya masuk angin jadi saya sakitlah, lepas itu

saya pergi urut, setiap kali mereka urut kamu akan rasa sangat sakit terutamanya di tempat ya boleh gerak joint kamu akan rasa sangat sakit dan usually masa mereka urut kamu ada angin yang akan masuk kedalam badang orang yang mengurut kamu dan dia akan keluar melalui mulut dia bunyi sendawa itu, dia transfer dan dia keluarkan, sebab badan dia sudah ada macam kuasa untuk hisap angin itu tapi tak masuk dalam badan dia tapi keluar dari badan dia.

Faiz: Yang urut itu, awak panggil dia apa, tukang urut ke, bomoh ke?

Brandon: Kami panggil dia tukang urut sahaja. Kalau bomoh biasa mereka akan refer kepada yang jahat punyalah. Kami juga ada satu tradition di mana kepala bomoh dia boleh terbang, biasanya bomoh ini dia tidak akan mati kalau dia tak bagi ilmu ini kepada anak atau waris dia. Kalau dia tak ada anak, bagi kepada anak buah dia, kalau dia tak bagi kepada orang lain dia tidak akan mati, dia akan rasa sengsara sebab masa dia dah sampai tapi dia tak mati sebab hantu itu asyik tangkap dia kalau kamu mati saya tidak ada tuan lagi. Dan juga bagi kami kitab oleh observe siapa ada satu ring around their neck, kalau biasanya cara nak bunuh mereka biasanya kita akan ambik benda kecil seperti daun ranting untuk masukkan ke dalam badan dia semasa dia keluar itu.

Faiz: Adakah awak rasa perubatan tradisional Melanau ini masih lagi relevan?

Brandon: Iya, saya rasa masih ada sekelompok kecil yang mengamalkan. Kalau saya harap dia tidak akan pupuslah, saya rasa dia masih lagi relevan untuk di amalkan sebab terutamanya urut, urut bukan sahaja mungkin dalam pandangan sekarang kita rasa dia macam mana ada hantu sekarang, tapi sebenarnya urut dia ada kebaikan dari segi perubatan seba dia boleh panaskan badan kita. Jadi kalau dakan dia pun ada kebaikan dia dari segi psikologi kita, sebab masa mereka bagitahu kamu oh penyakit kamu sudah di transfer ke

dakan ini kamu akan rasa lega. Jadi dalam medic ada satu term yang kami selalu gunakan ialah keep happy, contohnya mereka pernah buat research dalam cancer yang selalu mengeluh aduh saya dapat cancer tidak lama lagilah saya akan cepat mati. Kalau orang yang oh cancer sahaja pun, mereka fight jadi mereka ada optimistic jadi mereka akan dapat fight cancer itu. Mungkin dia bukan dapat betul-betul transferlah tapi dia boleh dari segi mental kita dia boleh bagi kita lebih aman.

Faiz: Adakah jenis perubatan yang diamalkan tadi itu cara dia dari dulu sampai sekarang sama sahaja ke?

Brandon: Saya rasa tidak sama lagi, sebab dari satu generasi ke satu generasi mungkin mereka guna benda yang tak sama contohnya, pokok ini pada zaman dulu ada di Mukah, tapi sekarang sudah tidak ada sebab urut mereka akan guna pokok saya tak pasti pokok apa, sebab sekarang ini orang lain mereka guna ubat yang lain. Mereka akan guna minyak tambah dengan ranting kayu.

Faiz: Macam bila you urut dia guna apa?

Brandon: Dia guna minyak dia wangi. Saya tak nampak apa dia buat, sebab masa dia sudah buat itu satu botol macam ini dia tuang jadi saya tak nampak dia campur apa.

Faiz: Dia ada baca-baca ke?

Brandon: Iya dia ada baca spells dia. Kita tak boleh dengarlah kalau macam kita dengar mungkin tidak guna lagi spells itu.

Faiz: Adakah awak pernah dapatkan khidmat pengamal perubatan tradisional ini?

Brandon: Iya saya pernah iaitu urut sahaja untuk buang angin.

Faiz: Selepas urut, menjadi ke?

Brandon: Iya saya rasa menjadi sebab dia dapat panaskan badan dan juga urut dari segi wanita yang megandung itu juga turut membantu. Walupun keluarga saya cina sewaktu mak saya megandung dia pernah pergi urut. Sebab Wanita megandung di akan rasa tidak sihat dan selepas urut dia dapat lebih lega.

Faiz: You punya urut macam lelaki urut lain orang ke ataupun you punya mak jumpa orang lain?

Brandon: Orang yang sama sahaja urut, biasanya sebab urut dia seorang-seorang dia macam bukan dua orang dia seorang sahaja.

Faiz: Sekiranya anda sakit, yang mana awak pergi dulu doctor atau perubatan tradisional?

Brandon: Walaupun saya medical student saya akan cuba doctor tradisional cina dulu sebab, saya rasa tradisional yang side effect dia di badan tidak berat sangat contohnya, kalau guna cina ataupun Melanau, perubatan Melanau dia guna urut dan transfer itu tapi kalau perubatan cina dia guna ubat tradisional yang diperbuat dari herba tradisional yang tidak bagi side effect yang sangat kuat kepada badan. Contohnya kalau kita pergi doctor dia akan bagi banyak-banyak ubat contohnya paracetamol atau antiseptic ke apa semua, ini sintetik maksudnya orang yang buat dia kan bagi side effect yang sangat banyak. Contohnya macam hari itu saya sakit di UNIMAS, saya sakit tekak macam semua symptom, batuk apa semua dan walaupun kena cucuk hidung di klinik walupun negatif tetapi mereka bagi syaa ubat batuk yang menyebabkan megantuk yang menyebabkab saya idur didalam kelas, itulah side effect dia sebab itu saya akan prefer tradisional dulu.

Faiz: Adakan diantara ahli keluarga yang masih mengamalkan perubatan tradisional Melanau ini?

Brandon: parent dapatkan khidmat urut sahaja, dakan kurang semenjak saya lahir saya tidak pernah nampak dakan itu macam mana.

Faiz: Boleh awak share perbezaan system perubatan tradisional dan moden?

Brandon: Perbezaan yang terbesar mereka ialah tradisional dia lebih kepada kamu sakit sebab kamu dikacau oleh roh, kalau moden dia sakit sebab apa-apa benda dalam badan dia seperti virus, bacteria dalam badan kita bukan ada benda kacau. Selepa itu tradisional biasanya, dia akan guna benda di sekeliling dia, dia tidak akan guna yang macam yang lain. Kalau moden sekarang kita akan ubat sendiri. Dan tradisional mungkin dia ada pantang larang, selepa urut tidak boleh mandi ke, tidak boleh makan apa ke. Tapi moden sekarang ini okay lah.

Faiz: Apakah your opinion berkenaan cabaran dan harapan awak mengenai perubatan tradisional kepada masyarakat Melanau?

Brandon: Saya rasa cabaran yang dihadapi oleh tradisional sekarang tidak kira cina, melayu, iban ke ialah generasi sekarang dia tak minat nak belajar lagi sebab mereka akan kata apa ini, sebab dia tak percaya lagi. Sebab sekarang semua orang lebih kepada elektronik jadi mereka akan contohnya orang dulu kalau merek nak belajar sejak kecik lagi mereka akan ikut mak bapa dia tetapi budak sekarang sudah tidak tahu, itu lah cabaran, kena cari generasi sekarang yang ada niat untuk belajar sebab kalau kamu tidak ada niat kamu ajar dia juga tidak ada guna. Harapan saya, saya rasa jangan ketinggalan zaman sekurang-kurangnya kena ada untuk generasi akan datang.

12. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Aldrin Cedric Bin Nicholas

Umur: 21 Tahun

Kampung: Kg Seberang Dalat

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (1.40pm)

Faiz: Boleh cedric kongsikan kepada saya mengenai perubatan tradisional Melanau?

Cedric: Sebenarnya dia banyaklah perubatan tradisional di Dalat secara umum. Dia ada kalau *berbayoh* ini yang kami panggil dia ada tiga tahap, tahap pertama kami panggil *bayoh*, yang kedua *berguda*, kemudian yang paling akhir dia *payun*. Kemudian disamping yang tiga itu ada tiga lagi diluar, yang pertama adalah kami panggil *pesilok*, kedua adalah *petemuk*, yang ketiga adalah *belum*. Jadi dia boleh dibahagikan kepada dua lah sebab yang tiga yang first tadi dia memerlukan *bayoh* ada upacara dia yang memerlukan khidmat *abayoh*. Yang tiga yang kedua tadi dia abayoh itu juga tapi dia tak gunakan *ganang* (gendang). Antara tiga itu, *bayoh*, *beguda*, *payun*, yang payun itu dia pakai full set alat muzik Melanau yang ada *gelineng*, *tawok*, *saneng* dan *ganang*. *Payun* itu dia actualy kan *payun* ini untuk penyakit yang dah kronik sangat dah macam first dia *berbayoh* kan dah dapat apa hantu itu cakap tak berhasil, kemudian dia *berguda* tak berhasil juga, jadi payun itu yang paling akhir. Dan biasanya *payun* ini untuk penyakit yang macam orang sakit mental dan kronik. Tapi yang menariknya dia sembuh selepas menggunkan *payun* tadi. Dan *payun* itu biasanya dibuat di dalam rumah pada zaman dahulu, contohnya rumah dia macam ini kan satu hujung itu akan ikat rotan pergi hujung sana macam buaiyan, tapi yang di Dalat dia pakai *ayun asok*, *ayun asok* ini di Mukah. Tapi di Dalat dia pakai yang rotan itu sahaja. Orang sakit itu akan duduk

di rotan itu dan orang bomoh itu akan pukul gendang dia, selepas itu yang lain main alat muzik, di tepi rotan itu akan ada anyaman kami panggil *tetilip*, *tetilip* ini dibuat dari daun nipah. Kemudia waktu itu juga mereka akan ada macam gelang besi dekat hujung dan loceng kecik dan akan ada satu anak panah lama. Loceng itu dikatakan untuk melindungi satu orang *bayoh* itu daripada hantu itu dan untuk memastikan keselamatan pesakit, sebab waktu mereka *payun* itu memang macam-macam perkara boleh jadi. Waktu hantu dengan hantu itu akan macam garang dia nampak orang *abayoh* itu tadi berlawanlah macam beradu tenagalah mereka du aini, jadi masa *payun* tadi biasanya lebih dari seorang *abayoh* yang datang sebab seorang itu akan tolong atur dan seorang lagi akan handle benda lain waktu dia *payun* itu, waktu itu dia hanya boleh waktu malam sahaja. Macam kebanyakkan ritual *payun*, *berguda* dan *berbayoh* itu semua dilakukan di waktu malam waktu matahari dah terbenam waktu gelap lah waktu itu mereka akan mula berbayoh. Jadi waktu *payun* itu tadi mereka main ganang itu kan abayoh itu akan *bersukat*, *sukat* itu macam manteralah. Tapi mantera itu tak boleh dipelajari dia akan automatic datang spontan hantu itulah yang cakap dengan dia. Tujuan payun itu adalah suruh hantu masuk ke dalam badan yang sakit itu, jadi waktu itu dia akan macam tak control badan dia lagi dia macam kena rasuklah, ada masa dia akan baring atas rotan itu, rotan yang kecil itu. Biasanya orang yang berubat *payun* inikan dia hanya ada dua sahaja outcome dia satu sama ada dia penuh sepenuhnya jadi macam orang biasa, dan kedua dia akan jadi bomoh itu sendiri ada dua kes yang saya pernah tengok, seorang itu sebab dia tak mahu hantu kacau keturunan dia kan dia sakit lah jadi sangat sakit, selepas itu sebab dia sendiri tak nak kan ada kawan dia yang bomoh juga mereka buat upacara *payun* itu jadi hantu itu tinggalkan dia tak kacau keturunan dia. Dan satu lagi ini yang terbaru lah, upacara *payun* itu kan dia jadi bomoh, hantu itu masuk kat dia dan dia boleh ubat orang. Hantu untuk macam hantu orang Melanau ini kan dia tak seperti macam

saya ada hantu saya boleh terus ubat orang, tak boleh dia mesti ada upacara payun itu, itulah waktu yang mereka akan atur nanti, tapi waktu mula-mula mereka atur itu mereka akan sangat garanglah, sangat marah macamtu sebab itu ada banyak member bomoh itu tolong dan selepas mereka abis atur itu upacara baru dia akan sebati dengan hantu itu. Tapi ada juga sampai dia dah jadi bomoh itu dia tak dapat control sebab ada seorang yang dekat dengan nenek saya dia kami panggil, abayoh ini banyak ada tiga kategori juga yang pertama itu *abayoh* biasa *abayoh singen*, kemudian ada *abayoh bica* dan *abayoh bica* ini juga ada nama dia *a pelatow*, dan untuk upacara *payun* itu tadi dia tak boleh semua bomoh perform upacara itu, dia hanya boleh *abayoh bica* itu tadi. Sebab *abayoh* memang banyak zaman dulu tapi tak semua bica, bica ini erti dia macam memang powerlah dan ada cerita yang saya dengar dia boleh tanggalkan kepala dia sendiri itulah yang dinamakan sebagai *a pelatow*. Macam *berguda* itu tadi dia pakai *tertilip* ada anyaman dia akan diletak dihadapan gendang didepan itu akan ada satu tempat untuk bakar kemenyan, dia akan panaskan gendang itu atas dia ada asap itu naik kemudian dia akan pukul dengan *tertilip* itu, dan masa dengan gendang itu kan dia ada satu minyak yang mereka pakai untuk permukaan gendang itu ada minyak mereka panggil minyak *luder*, kalau Bahasa sekarang orang panggil minyak cap air mata duyung. Dan minyak itukan dia akan sapu pada permukaan gendang, kemudian dipanaskan atas api itu. Kegunaan minyak *luder* itu tadi, kan kemenyan itu tadi untuk panggil hantu dan dipercayai hantu lagi suka minyak *luder* itu kalau ada minyak itu, dan apabila gendang itu dipanaskan bunyi itu akan lebih nyaring. Dan sebelum apa-apa upacara *bayoh*, *berguda* dan *payun* macam sayalah saya akan ambik macam benda tajam macam anak panah lama, saya akan suruh tiap ahli itu gigit kemudian saya sendiri akan gigit, itu satu untuk menjaga *abayoh* itu tadi dan keluarga pesakit macam pengeras itu tadi lah dan juga apabila dia *berbayoh* itu tadikan biasakan di adakan di dalam rumah semua duduk atas lantai tapi orang lain tak boleh

berada dekat kaki dia itu *berguda*. *Berbayoh* itu yang pakai ganang itu sahaja. Untuk yang tidak ada pesakit itu *pesilok*, *pesilok* ini ada dua jenis dia boleh *pesilok* tanpa pesakit dan *pesilok* dengan ada pesakit. Kalau *pesilok* tanpa menggunakan pesakit contohnya macam saya tiba sakit di Kuching, jadi saya akan call mak saya di rumah di Dalat, mak saya sakit maca mini boleh kamu tolong *pesilok* ka? Jadi mak saya akan ambik baju saya hantar pergi *abayoh*, jadi dia akan nyalakan lilin dia akan macam perhatikan dekat lilin itu seolah-olah lilin itu bagi terang apa yang masalah itu. Yang *pesilok* ini macam tidak ada pakai ganang. Peralatan yang digunakan semasa *pesilok* ini hanya lilin dan baju pesakit sekiranya dia tiada di situ. Sekiranya ada pesakit, dia akan datang dan duduk memberikan belakang dia kepada *abayoh*, dan *abayoh* akan tengoklah lepas itu dia akan bagitahu apa masalah dia. Tapi satu yang memang tidak akan tinggal kemenyan itu, dia akan macam seolah bau dia itu memanggil hantu itu datang. Petemuk ini biasa macam untuk orang yang kena *senaa*, *senaa* ini macam jiwa kamu ditarik oleh roh lain. *Senaa* ini dia ada banyak, *senaa baya, senaa baya tina*. *Senaa* dia macam kalau *senaa baya* ini dia akan pesakit itu kan dia akan selalu jak mahu pergi sungai walaupun tak ada benda nak buatkan dan apa dia macam tiba berdayung ka macam orang gila dan macam-macam dia akan pergi mandi tepi sungai dan lama kelamaan kalau bend aitu tak dirawat dia yang akan mati tenggelam dalam sungai, itulah yang senaa tadi itu macam buaya itu tarik kamu, dia ambik jiwa kamu macam kamu tak dapat control lagi dah, dia macam kena rasuk tapi control dari jauh dia tarik. *Petemuk* dia macam ada jam mungkin dalam pukul biasanya malam, kadang-kadang pukul 10 malam juga baru boleh start, *petemuk* itu ada yang betul-betul pakai air sahaja, air itu memang ada bacaan lah, mungkin ada yang juga pakai tanah. *Petemuk* itu macam membersihkan yang *senaa* itu tadi. *Belum* itu dia banyak jenis, dan saya pernah berubat dengan menggunakan belum, dan *belum* itu masa itu saya sakit kakilah actually itu gout tapi saya pergi *belum* itu dulu sebab hospital

dah tutup jadi saya pergi rumah orang itu dia akan pegang-pegang dan urut juga, dia akan sapu minyak di badan saya bermula dari kepala dan ada bacaan. *Belum* itu akan ada spesifik jenis dia macam kadang-kadang nenek saya punya *belum* dia panggil apa macam *belum* ribut, orang itu akan sakit kepala sahaja, nenek saya pernah kena yang itulah jadi dia dah kena itukan everyday dia akan pening kepala, everyday bangun pun akan pening, pening di aitu dari pagi, asal bangun dia automatic pening. Jadi dia pergi ke orang yang buat *belum* itu, orang yang buat *belum* ini tak semestinya abayoh sebab dia abayoh yang buat *belum* ini boleh dipelajari, cuma bayoh tu memang ada hantu sendirilah. Orang yang buat *belum* itu akan tanya nenek saya semua, kalau nenek saya itu ada nenek saya seorang dia bagi baju nenek saya dekat yang pandai *pesilok* itu tadi tapi bukan abayoh sangat dia just ada kemahiran itu sahaja, dia tengok-tengok baju itu kan tiba-tiba dia kata ini *lishou pengamo* yang buat ini, jadi dia suruh pergi yang buat *belum*, jadi orang itu buat *lishou pengamo* itu tadi dan dia akan siram air atas *belum* itu tadi, dia macam ada bacaan dia juga kalau tak silap 'kamu yang kacau saya macam ini kamu yang mengubat'. Yang buat itu dia ukir-ukir tapi kalau belum *tenabih*, belum *tenabih* itu macam belum dibacalah itu tidak ada fungsi, kalau dia dah ukir dia *tenabih* itu kan dia akan mula aktif dah, kalau dia ukir untuk pameran okaylah, kalau dah *tenabih* itu tak boleh lah sebab dia dia boleh kacau orang lain, kalau dah *tenabih* dia boleh mengubat orang kalau betul sakitnya dan dia boleh kacau orang lain juga kalau dia tak digunakan itulah yang bahaya itu kami panggil *menyigen*. Jadi waktu dia nak ukir itu kan dia akan ada bacaan saya tak ingat lagi tapi dia suruh *belum* itu buka mata. Selepas itu dia akan *tenabih*, lepas itu dia akan siram itu tadi dekat orang yang sakit itu dan selepas itu belum itu tadi akan dihanyutkan kedalam sungai, dan dia tak boleh dihanyutkan pada waktu sebarang, waktu malam dan waktu air dari hulu pergi ke hilir, sebab kepercayaan dia kalau kamu hantar belum itu pada air pasang dia alan pergi ke area ramai orang dan dia

seolah kamu nak hantar dia balik nanti dia akan datang balik, jadi dia hantar kami panggil *annum kaba* dia bergerak ke hilir, jadi dia bergerak ke hilir dia akan pergi kemana-mana tempat tak ada orang. Tempat yang dia hantar itu ada bermacam-macam, mostly sungai lah dia hanyutkan, ada satu lagi kita letak belakang rumah mungkin ada hutan ke tanah terbiar ke kita balikkan dia macam *belum* itu kan kita terbalikkan dia, dan ada juga yang hantar pergi ke tempat khas untuk kita membuang *belum*. Kalau hantu yang berasal dari dalam air dia harus dihantar ke air, kalau dia macam berasal dari udara dia kadang-kadang kena ikat di pokok yang dalam hutan itu, kalau macam yang berasal dari tanah macam tadi itu kat tempat khas itu tadila. Sebab dalam kepercayaan Melanau hantu ini dia ada dekat udara, tanah, air dan hutan, dia banyak hantu-hantu kalau tak silap ada tiga ratus jenis *belum* dan belum ini kebanyakkan orang salah anggap ramai orang cakap *belum* itu penyakit itu, actually *belum* itu gambaran hantu yang kacau yang sebabkan penyakit itu.

Faiz: Seterusnya pada pendapat cedric adakah perubatan tradisional ini masih lagi relevan?

Cedric: Ada yang masih diamalkan tapi dia senyap-senyap lagilah. *Belum* dan *pesilok* masih lagi sebab dua ini dia macam berkait. *Bayoh*, *payun berguda* tidak ada lagi lah. Kalau ikutkan sekarang dah nak pupus jugalah sebab yang pengamal itu dah meninggal dunia dan seorang lagilah yang masih tinggal memang saya kawanlah di kg sg Ud.

Faiz: Seterusnya, macam berdasarkan apa yang cedric ceritakan tadi dengan sekarang perubatan tradisional tadi adakah sama sahaja atau ada perubahan dari dulu dan sekarang?

Cedric: Kalau ikutkan memang ada yang berubah, kalau dulu berbayoh itu memang ada lah dari dulu, sekarang ini kebanyakkanlah apa yang bomoh di kampung saya mostly tipu dia cakap sekarang ini banyak yang menipu dia cakap. Sebab dulu kan kamu senang sahaja nak tengok hantu dia betul ke tak betul, macam saya pakai cross kan walau dia pukul gendang

itu kuat mana hantu itu tak akan datang. Memang macam itu orang Melanau dulu-dulu dia akan suruh buang cross tu dulu kalau tak saya tak akan berubat, sebab dia berlawan nanti sama ada hantu itu datang atau kamu buang cross itu, even macam kamu yang kuat pergi masjid, gereja kan hantu itu akan dapat detect, dia akan pukul gendang macam lama sangat tapi tak datang dia kan tunjuk kamu balik. Cuma *belum* ini kadang-kadang rupa dia tak sama sebab dia bergantung kepada orang yang buat itu, macam *belum* yang *lishou pengamo* ada yang dibuat oleh orang kampung saya sudah mati sekarang ini yang dia buat lishou pengamo lain, yang lishou pengamo yang dibuat oleh wak ya tadi itu lain, dia ikut kemahiran orang yang buat itu.

Faiz: Cedric ada ceritakan pernah mendapatkan khidmat pengamal perubatan tradisional menggunakan *belum* tadi kan, boleh ceritakan jenis penyakit itu dan macam mana sembuh ke tak?

Cedric: Kalau ikutkan diagnosis dia, dia cakap saya kena benda yang macam dari hutan, tapi dia cakap benda itu berduri dan dia attack dalam kaki saya dan kalau ikutkan dia suruh hanyutkan mungkin benda itu berasal dari air. Dan dah dia urut tempat saya gout itu memang sakit, tapi dia memang ada macam ada rasa panas saya selepas berurut dengan dia, 3 hari saya tak dapat mandi semua memang panas dia lain macam tak tahulah kenapa macam mahu demam-demam tapi tak demam. Dalam tiga hari itu kaki saya yang bengkak itu ada kurang sikitlah, mungkin ada benda itulah, tapi lepas saya pergi hospital okay sudah juga. Pantang larang dia tak boleh makan udang, benda-benda masam. Benda-benda yang maca mudang itu kan dari apa yang nenek saya ceritakan dia tak boleh dimakan oleh orang yang baru berubat sebab binatang itu kalau kamu kejar dia dalam sungai kea pa dia akan lari ke belakang, jadi kalau kamu makan makanan itu seolah-olah dia pergi balik kepada kamu. Kalau macam buah masam, bawang itu tak tahu sebab dia. Tapi ada seorang kawan saya

yang berubat dengan Wak Amin itu tidak boleh makan buah pisang, sebab dia cakap akan melambatkan peyembuhan dan aunty saya seorang dia berubat dengan amin itu juga tak boleh tepuk belakang sebab dia cakap orang tak boleh terkejut.

Faiz: Kalau cedric sakit sekarang, mana yang cedric pergi dulu hospital atau tradisional?

Cedric: Kalau saya secara personally saya akan ke hospital dahulu, sebab saya sudah ada agama sekarang dan nombor 2 saya pernah berubat sendiri dengan Wak Saiful itu tadi kan dia cakap dekat saya kalau kamu dan beragama macam ini benda itu tidak akan kacau punya dia just untuk orang yang tidak ada agama yang masih percaya dekat benda itu, dia just kacau orang yang tidak ada agama sahaja, sebab itulah saya rasa macam itu, sebab dia sendiri orang bayoh dia cakap macam itu saya pergi hospitalah. Kalau tak sembuh baru cari tradisional, nenek saya macam itu juga.

Faiz: Antara ahli keluarga ada yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini?

Cedric: Sudah tidak ada, incase semua perubatan moden tak dapat baru pergi cari yang itu.

Faiz: Cedric boleh sharekan perbezaan diantara perubatan moden dan traditional inilah?

Cedric: Kalau saya tengok apa yang paling ketara dia adalah konsep dia, kerana perubatan lama dia lebih berfokuskan kepada dunia disebalik mata macam hantu roh-roh jahat dan dia lebih menfokuskan kepada benda-benda alam ghaib lah tapi kadang-kadang betul juga. Dan kalau yang moden ini dia lebih kepada saya nampak baru saya percaya, macam demam kan sukat suhu baru nampak dan apa mcam batuk ada kahak macam itu, dan juga benda yang digunkan untuk berubat lebih kepada saintifik, kalau yang tradisional ini lebih kepada alam semulajadi macamm ada yang pakai tanah, anak panah, pisau, daun tebawan yang boleh keluarkan hantu, pakai buah kelapa. Itulah perbezaanya.

Faiz: Pandangan dengan Cabaran dan harapan cedric mengenai kepentingan perubatan tradisional Melanau ini?

Cedric: Kalau pandangan saya secara personal, kalau saya yang bukan tiada agama kan memang ada patut dia dikekalkan sebab ada penyakit yang tidak ada penjelasan sampai sekarang macam kami pangil *belugan*, macam *senaa* itu tadi memang tiada penjelasan saintifik sampai sekarang dan dia memerlukan perubatan tradisional dibuat untuk control dia dan juga kalau saya dah beragama sekali pun saya harap mungkin dia boleh didokumentasikan macam letak dalam satu buku, ataupun waktu orang buat ritual itu kita rakam dan boleh disimpan dalam archive untuk rujukan. Sebab inilah kata-kata yang popular dalam masyarakat Melanau '*Adet debei, kenah jaja'* erti dia adat tidak boleh dijual belilah. '*Miau adet, Miau lah telow*' hilang adat, hilang lah kita. Jadi dia lebih kepada untuk pengekalan indentiti lah, contoh 20 tahun yang akan datang, anak saya ke, cucu saya ke mereka akan tahu oh ada *abayoh*, ada *payun*, berbanding untuk dia hilang untuk 20 tahun akan datang.

Faiz: Di kampung cedric masih ada lagi abayoh tu?

Cedric: Tidak ada, dia sudah masuk Christian tapi hantu itu masih adalah dengan dia.

Faiz: Adakah *balau*/rumbia ini penting kepada masyarakat Melanau?

Cedric: Sangat penting, sebab dia Melanau ini mereka panggil dalam banyak-banyak pokok inikan pokok rumbia ini yang daun, dahan, sampai kulit, isi dia digunakan macam tidak ada sikit pon dibuang. Kalau rumbia ini macam daun dia boleh buat bakul, kemudian boleh buat *baken* macam bakul anyaman, dia juga boleh buat tikar kemudian yang paling famous boleh buat ataplah. Dahan dia itu jadi *belum* itulah, dan isi dia memang diproses jadi tepung *sei*, kemudian kulit dia kami panggil *raib* itu boleh jadi jalan macam kulit dia itu letak atas tanah

itulah kegunaan dia. Jadi macam every part dia smeua boleh guna kecuali akar dia sahajalah, sebab kalau orang tebang dia tak ambik sekali akar.

Faiz: Boleh kongsikan antara fungsi kegunaan balau bagi masyarakat Melanau?

Cedric: Kalau yang baru di CRAUN research memang baru dalam planning untuk buat gas butana dari *raib* balau itu. Kulit itu akan dibiarkan rebut dan dia akan melepaskan gas metana or butana, dan akan diisi dalam gas untuk digunakan memasak, supaya kita tak bergantung kepada gas petroleum, itulah antara yang terbaru. Yang lain macam dia just untuk jadi kek, kadang-kadang dia jadi apa cookies yang macam CRAUN research buat itu. Sebab dulu dia hanya ada terbaloi, linut, ulat mulong, sekarang dia ada update sikit boleh buat kuih.

Faiz: Adakah *balau*/rumbia ini penting dalam perubatan tradisional Melanau?

Cedric: Iya penting untuk perubatan belum itu. Sebab belum itu dia tak boleh diukir dari benda lain, itu yang membezakan belum masyarakat Melanau dengan Masyarakat lain sebab kalau orang iban dia ada juga tapi tidak panggil belum lah, tapi mereka pakai kayu belian, dan ada yang pakai kayu-kayu macam orang penan pakai kayu. Dan balau itu tadikan ada satu adat Melanau yang kaul itukan, adat bertupeang ertinya dia pakai topeng daripada dahan rumbia itu dia akan ambik dan dia akan sukat di muka dia, itu biasanya untuk menambahkan ipok dan apa dia berdesign macam-macam.

Faiz: Bagaimanakah rumbia digunakan dalam perubatan tradisional, selain belum ada lagi ke?

Cedric: Selain belum, untuk kematian mereka ada buat *jenaya*, satu lagi *peng*. Yang *peng* ini di tak juga macam manusia dia macam, yang tempat letak dia itu dari dahan rumbia itu dan yang itu semat dia. Dan kemudian orang Christian ada pakai lilin itukan, kalau orang

Melanau *likow* dia pakai rumbia punya batang sebagai tempat letak lilin. *Jenaya* itu diletakkan atas mayat, dia besar jugalah.

Faiz: Fungsi balau/rumbia ini dari dulu dan sekarang makin bertambah ke berkurang?

Cedric: Makin bertambahlah, sebab dulu tak ada chain saw jadi pengeluaran sagu itu sangat-sangat untuk kegunaan sendiri sahaja, dan tidak ada kilang untuk proses itu agak susah lah dulu. Tambah lagi sekarang ada CRAUN research makin bertambah lah produk daripada sagu yang dihasilkan.

Faiz: Adakah terdapat hubungan yang rapat antara balau dengan aturan cara hidup Melanau?

Cedric: Dia memang sangat berkaitlah, bah kan dia bukan sahaja untuk ekonomi tapi dia lebih kepada kepercayaan dan juga macam untuk perubatan-perubatan tadilah macam *belum*, dan ada *tupeang* itu tadi, membina rumah dan perkakasan harian. Kemudia dia sangat relevanlah dengan orang Melanau tidak boleh dipisahkan. Kalau Melanau ini dia mesti akan tahu pasal rumbia. lagi satu contohlah saya ada anak, saya selaku datuk dia akan ambil sago dan bagi dekat budak itu makan letak kat lidah dia selepas itu saya akan cakap maca mini '*Senged nikpun kaaw berelang mapun likow a, senged wak kaaw ih anik a nikow*' walaupun kamu pergi jauh merata dunia nanti ingat yang asal kamu ini adalah orang Melanau.

Faiz: Last sebagai penutup, awak ada apa-apa soalan nak tanya kepada saya?

Cedric: Kenapa kamu memilih masyarakat Melanau untuk kajian ini, sebab ada bangsa lain lagi yang popular?

Faiz: Saya tertarik kepada budaya Melanau seperti satu rumah orang Christian, orang Islam boleh duduk sekali. Di peringkat master ini saya perlu membuat thesis, saya juga ada membantu supervisor saya membuat kajian mengenai sago cultivation, jadi saya perlu membuat thesis yang berkaitan kajian supervisor saya juga.

13. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Celestia binti Rostel

Umur: 23 Tahun

Kampung: Kg Tellian Tradisi

Tarikh dan masa: 28/12/2021 (4.00pm)

Faiz: Boleh awak kongsikan apa yang tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?

Celestia: Kalau bagi saya jarang nak dengar mengenai perubatan tradisional ini kerana sudah ada hospital jadi jarang nak berubat menggunakan cara tradisional.

Faiz: Dari kecik pernah dengar mengenai perubatan tradisional Melanau?

Celestia: Pernah dengar tapi tidak mengamalkannya.

Faiz: Apa antara perubatan tradisional yang awak pernah dengar, boleh bagi contoh?

Celestia: Kalau sakit kena hujan itu ada yang ikut, kalau petang-petang terkena mata benda itu jadi kena pergi berubat.

Faiz: Pada pendapat awak perubatan tradisional ini masih lagi relevan ke?

Celestia: Bagi saya tidak relevanlah sebab saya memang tidak mengamalkannya sebab dah ada agama sendirikan.

Faiz: Pernah ke awak mendapatkan perkhidmatan perubatan tradisional?

Celestia: Saya tidak pernah, tapi abang dan adik saya pernah. Ada benda itu macam jadikan diri abang saya, dia menyamar jadi abang saya. Adik saya kawan dia kacau benda itu tapi dia yang kena.

Faiz: Semasa dia berubat itu ada tahu ke dia ada gunakan apa-apa?

Celestia: Tak tahu, sebab saya tidak ambik tahu semasa dia berubat itu. Sebab benda itu macam stress kadang-kadang, orang Nampak sebelah mata sahaja kita yang anggap benda lain.

Faiz: Kalau awak sakit mana yang awak rujuk dulu, hospital atau cara tradisional?

Celestia: Hospital lah, sebab kalau hospital dapat tahu apa penyakit kita dapat ubat walaupun tak ada ubat atleast ada orang cari ubat benda itu.

Faiz: Memang yakin lagila kalau rujuk hospital dulu?

Celestia: Memang yakin lagi pergi hospital, kalau perubatan tradisional kan ada yang langar perintah tuhan macamtu. Kadang-kadang pantang larang itukan macam itu-macam itu.

Faiz: Ada tak di kalangan ahli keluarga yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini?

Celestia: Tidak ada, macam dah jauh dah semua tak amalkan lagi perubatan tradisional. Dia ada juga fikiran yang fikir kea rah tradisional itu tapi tidak mengamalkan lah.

Faiz: Boleh kongsikan perbezaan dari segi perubatan tradisional dengan perubatan moden?

Celestia: Kalau di hospital kita tahu ada doctor check itu ini, tradisional ini pakai benda-benda yang tidak sepatutnya seperti pakai contohnya ada saya dengar ada pakai daun-daun kubur, macam pelik tapi itulah, daun yang warna merah itu.

Faiz: Boleh berikan pandangan mengenai perubatan tradisional kepada masyarakat Melanau?

Celestia: Sebenarnya boleh sahaja diletakkan sebagai hiasan dalam muzium sahaja, kalau orang bertanya kitab oleh kasitahu, tak perlu wariskan benda itu sebab kadang-kadang warisan itu pakai benda yang halus untuk wariskan kepada kita, itulah kadang-kadang

generasi sekarang tidak mahu benda itu sebab kita dah ada agama sebab itulah tak nak mewariskan. Kadang-kadang benda itu ganggu family, life, kita mesti bagi dia makan. Itulah jarang orang mewarisi benda-benda ini.

Faiz: Kalau macam patung dakan apa semua itu kalau di jaga untuk anak-anak, cucu cicit nanti okay ke?

Celestia: Bagi saya tak lah, kalau benda itu tak dibagi benda dalam itu okay sahaja, sebagai hiasan sebagai pengetahuan anak-anak generasi masa depan okay sahaja. Mewarisi secara halus itu saya tidak prefer sebab akan bagi mudarat kepada kita dan keluarga nanti, kalau mewarisi sebagai ilmu itu sahaja okay untuk warisan akan datang. sebab generasi sekarang jarang nak tahu mengenai adat dan budaya Melanau sebab dah terlampau jauh ada yang tidak tahu adat masing-masing, kalau saya pun tidak 100% paham tapi saya tidak amalkan, saya paham sahaja untuk pengetahuan, kalau ada yang tanya ke apa ke okay sahaja saya kongsikan tapi tidak amalkan. Sebagai pengetahuan sahaja okay kalau nak tahu mengenai benda itu, kalau nak mewarisi sampai benda halus nak masuk dalam tidak lah. Kadang-kadang kita tidak percaya benda itu wujud.

14. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Nur Iezra binti Ramblie

Umur: 20 Tahun

Kampung: Kg Kuala Tengah, Oya

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (1.40pm)

Faiz: Boleh Iezra kongsikan apa yang awak tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?

Iezra: Apa yang saya tahu mengenai perubatan tradisional Melanau ini, dulu waktu kecik saya pernah ada masalah macam gatal-gatal, jadi ada seorang di kampung saya dia masih hidup, macam kita tahu orang kalau nak mengamamalkan perubatan tradisional ini dia bukan semua orang dapat, dia kena macam dapatkan ilmu itu dulu. Kita orang Melanau panggil nak dapatkan ilmu itu 'tubuh', maksudnya kita ambik ilmu itu dari orang yang ada ilmu itu, maknanya kita belajar. Nak dapatkan ilmu itu dia tak boleh dapatkan macam itu sahaja, dia kena ada pengeras, kita kena ikut macam apa yang orang yang ada ilmu itu cakap, contohnya dia kata dia nak kelapa muda, selalunya macam itu. Kalau macam saya masa kecik dulu saya pernah nampak dan alami, waktu itu saya gatal-gatal, dan dia ada baca something dia masukkan air dalam mulut dia, dia kumur dan sembur.

Faiz: Apa nama jenis perubatan itu?

Iezra: Dia tak ada nama, dia macam cubaan lah. Macam kadang-kadang ikut kepercayaan dia, saya pernah dapat tahu sikit-sikit dia akan ada macam bagi mereka waktu kita sakit itu memang ada gangguan benda lain jadi hanya dia yang tahu nama benda itu. Jadi contohnya macam kalau budak kecik menangiskan kami percaya contohnya kalau budak itu menangis dia macam melilau sangat mata dia kami akan cari sebab contohnya kalau budak kecik,

contohnya bapak dia ada di situ dan bapak dia pergi jadi kami akan fikir budak kecik itu menangis disebabkan bapak dia taka da, dan apa inisiatif kami lakukan kami akan cari satu barang bapak dia terutamanya kami akan guna baju and then dekapkan di badan budak itu. Sebab kami percaya dia ada something, kami percaya juga kalau budak kecik dia akan tahu sekiranya ada family-family terdekat dia akan meninggal, dia akan memberi macam petanda dia akan macam lain-lain berapa hari itu. Selain itu, kalau macam perubatan tradisional lain contohnya macam berurut itu, berurut itu dia kena ada pengeras tau, dia tak boleh main urut, macam kat tempat kami guna minyak kelapa dari kelapa, dan urut itu kita tak boleh guna macam saya kalau demam saya akan berurut buang angin dengan nenek saya dia memang urutan tradisional, dia ada belajar something-something lah. Sekarang ini dia dah tak urut sebab dia dah tua sangat. Kalau macam dia yang urut dia nak kita sediakan paku, kalau boleh paku itu paku yang memang dah warna hitam tak nak warna silver itu, kita gigit lepas itu bagi dia gigit, maksudnya dia dah bagi kita itu kan, kita gigit-gigit supaya kita punya penyakit tidak sampai dekat dia, itu adalah satu simbolik pengeras paku itu, selepas dah urut dia tak nak kita punya sakit itu pergi dekat dia jadi paku itu adalah satu simbolik pengeras. Selepas itu kami macam ada percaya juga dalam perubatan tradisional ini kalau kita tebang pokok, kita tak boleh tebang dia setengah sahaja kita kena tebang habis, benda itu tak tahu lah nak kata percaya ke apa tapi pernah berlaku dia macam orang yang tebang pokok itu dia memang demam teruk dan kepala dia berat memang kami percaya bahawa pokok itu tak habis tebang macam itulah kepala dia tak dapat naik, jadi perubatan yang akan dilakukan adalah, cuma saya tidak pastilah sama ada air itu akan diletakkan atas pokok yang tak habis ditebang itu and then di ambik ataupun dituang atas itu, yang itu saya kurang pasti.

Faiz: Yang tadi nenek itu nama dia Fatimah Ibrahim kenal ke?

Iezra: Itulah saya punya nenek, dia bidan kampung. Di kampung sebebrang ada seorang nama dia suhai bin ali dia pandai '*menyiluk'. Menyiluk* itu adalah contohnya, kalau ada barang yang hilang dia boleh tolong suluhkan dan tahu siapa ambik.

Faiz: *Menyiluk* ini memang Melanau sahaja ke macam mana?

Iezra: Mostly bahagian saya masih ada.

Faiz: Yang Iezra cakap orang yang digelar *tubuh* itu kan, itu kalau dalam Melanau Dalat dia panggil a*bayoh* ke?

Iezra: *Tubuh* ini adalah maksud dia awak ambik ilmu itu dari orang dia proses ambik ilmu itu dari orang. Orang yang nak *tubuh* ilmu itu dari dukun. Kalau dia berjaya selesaikan masalah orang dia akan jadi dukun juga.

Faiz: Awak rasa perubatan tradisional Melanau ini masih lagi relevan dan masih diamalkan tak di kampung awak?

Iezra: Masih, cuma dia hanya akan berkurangan saya rasa sebab dia macam sekarang ini ramai dah orang yang *berbayoh* itu macam tak ada dah kecuali mereka turun ilmu itu ke salah seorang diaorang punya keluarga itu boleh.

Faiz: Ada ke orang masih *berbayoh* di kampung awak?

Iezra: Iya masih ada, berbayoh ini macam saya cakap tadi dia *tubuh* kan, kadang-kadang orang tubuh ni tak berbayoh tau, dia macam ada mahluk yang singgah dekat dia and the bila mahluk itu singgah dekat dia, dia jadi tahu berubat macam itu. Itu macam salah satu keistimewaan yang sampai dekat dia.

Faiz: Di kampung awak ada berapa orang yang pandai berbayoh ini?

Iezra: Adalah dalam 3-4 orang macam itu. *Berbayoh* ini macam saya cakap tadi dia orang ini kehilangan macam dah meninggal-meninggal jadi bila yang bawah-bawah itu tahu berubat sikit-sikit dia orang tak berapa dia orang itu *berbayoh*. *Pesilok* di Oya masih ada cuma sudah kurang diamalkan.

Faiz: Awak tengok perubatan tradisional Melanau di Oya yang di gunakan dari zaman dulu dan zaman sekarang sama ke?

Iezra: Tidak, dia akan ada berbeza sikit-sikit. Sebab ilmu setiap orang berbeza dari tempat dia *tubuh* ilmu itu pun berbeza. Dia akan ikut orang yang dia tubuh ilmu itu, jadi ada orang kadang-kadang dia ada certain-certain orang kalau dia sakit mesti akan tersebar berita dia kan, dan dari situ kita akan dengar dia ni panggil si A berubat tapi belum baik lagi, call lagi yang lain nak tengok siapa yang boleh ubatkan.

Faiz: Adakah awak pernah mendapakan perkhidmatan perubatan tradisional?

Iezra: Iya pernah, semasa kecik kerana gatal-gatal badan. Semasa besar ini taka da lagi Cuma yang buang angin tadilah kita panggil berurut. Berurut buang angin bila demam.

Faiz: Cuma kalau yang kita nak panggil yang gatal-gatal itu apa term dia eh?

Iezra: Tak ada, kata sahaja gatal-gatal badan dia akan tahu. Gatal-gatal itu selalu dia sembur, kalau nenek saya dia akan guna kunyit hidup dan ada baca surah-surah kena ikut cakap dialah berapa kali sapu, berapa kali jemur dan kalau dia kata jangan makan cili ke apa ke dia ada pantang larang juga. Orang sakit mata nenek saya boleh ubat juga dululah sekarang tak boleh lagi. Satu sebab adik beradik mak saya dah tak benarkan orang pergi rumah sebab nenek saya dah uzur, takut sebab covid kan dari situ dia pun dah tak ubatkan orang lagi dah. Cuma dia akan tolong kalau perempuan dah nak beranak sahaja, urut perempuan beranak itu sahaja dia mampu. Kalau orang urut mata dia akan gunakan macam straw lah, straw kayu dia akan

baca-baca dan dia buka mata dan tiup dua kali atau tiga kali sehari. Dia akan juga pantang jangan makan itu dan ini. Kalau nak sihat kena dengar macamtu.

Faiz: Sekiranya awak sakit siapa yang akan awak rujuk dahulu, pengamal tradisional atau doctor?

Iezra: Selalunya memang akan pergi hospital dululah, selepas tak sembuh baru akan cari cara tradisional.

Faiz: Memang dari dulu macam itu ke, atau dulu pergi rujuk nenek dulu sebab nenek pandai berubat?

Iezra: Kalau macam mula-mula sakit itu pergi hospital dulu, selepas itu baru pergi pengamal perubatan tradisional kalau tak sembuh.

Faiz: Adakah diantara ahli keluarga awak yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini, ada tak?

Iezra: Setakat ini nenek sahaja lah, tapi dia ada ajar sikit-sikitlah dia punya anak tapi tak semua benda dia ajar macamtu, yang biasa-biasa macam kalau anak kecik menangis dia tahu suruh bagi macamni-macamni. Benda yang dibaca macam surah-surah itu apa-apa semua kadang-kadang dia orang ad abaca lain-lain juga, bend aitu rahsia kita tak tahu, hanya dia dan yang di ajar itu yang tahu, dia tak boleh orang tahu.

Faiz: Boleh awak kongsikan perbezaan system perubatan tradisional dengan perubatan moden yang awak tahu.

Iezra: Kalau dari segi berubat, yang moden dia ada makan ubat, pil apa semua yang doctor bagi. Kalau macam tradisional mungkin dia guna benda lain, dan ada pantang larang dia itulah antara perbezaan dia. Kalau macam moden makan ubat, kalau macam tradisional

mungkin dia minum air-air rebusan dari daun-daun ikut apa yang disuruh oleh tukang berubat itu suruh. Kalau moden ini lebih saintifik berbanding tradisional.

Faiz: Pandangan awak mengenai cabaran dan harapan mengenai kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau, adakah patut diwarisi, dikekalkan?

Iezra: Bagi saya memang patut dikekalkan untuk dia orang turunkan ilmu kepada anak-anak muda sebab bukan apa, kadang-kadang bukan kita nak macam syirik ke apa sebab kadang-kadang memang kita tahu perubatan tradisional ini tak semua macam orang fikirkan, bagi saya bomoh itu semua tak semestinya macam dia orang guna hantu, ke tak sebab dia orang memang akan guna ayat-ayat dia macam saya kata sesetengah orang yang tahu berubat dia tahu nama yang ganggu-ganggu itu, memang boleh dikatakan sepanjang saya hidup boleh dikatakan memang mujarablah kalau dia orang yang berubat. Sebab itu memang patut dikekalkan, sebab macam tak semua perubatan hospital boleh sembuh, macam kita tahu zaman kita sekarang ini seperti santau, buatan orang masih diamalkan, jadi benda itu tidak dapat hospital ubat, nak tak nak memang akan cari tradisional juga, sebab macam kita tengok tradisional, macam hospital kan dia akan kata macam oh dah sakit-sakit macam ini pergi hospital dah kanser tahap ini, tapi punya dia sebenarnya benda lain yang dapat diubatkan tradisional macamtu. Contoh kalau orang yang macam tiba-tiba kanser hati tak pernah buat apa-apa, bila check tradisional nampak jarum, rambut, apa semua, memang kena adalah perubatan tradisional.

Sambungan soalan kepada Nenek Iezra.

Faiz: Boleh saya tahu berapa lama dah nenek awak jadi pengamal perubatan tradisional ini?

Iezra: Rasanya around selepas datuk saya meninggal, datuk saya meninggal dah 27 tahun, rasanya dalam 24 atau 25 tahun nenek saya pandai berubat. Sebab semasa atuk saya masih ada saya takt ahu yang nenek saya tahu berubat, jadi saya jangka selepas 27 tahun macamtu.

Faiz: Boleh senaraikan jenis-jenis ritual perubatan yang nenek awak tahu lakukan?

Iezra: Nenek saya pandai berurut, rawatan kalau sakit mata dan bidan kampung (urut orang mengandung), tapi nenek saya tak tahu tarik anak, dia kalau macam dia urut dia ada macam kelebihan instinct dia dapat tahu tak lama lagi ini dia cakap, kalau dia cakap tak lama memang tak lama, esok lusa benda itu memang akan jadi memang akan bersalin. Kalau macam orang kata kan eh tak nurse kata macam minggu depan lagi, dia macam dia tahu yang orang itu akan beranak juga.

Faiz: Kalau orang kena sampuk dia tahu juga ke, dan kalau kena buatan orang dia tahu juga ke?

Iezra: Kalau histeria dia tak tahu, buatan orang juga dia tak tahu. kalau maca manak-anak kecik menangis itu adalah dia macam letak baju macam saya cakap tadi.

Faiz: Boleh terangkan cara atau langkah yang nenek lakukan Ketika berubat orang?

Iezra: Kalau macam urut, macam biasa kita akan disuruh macam berkeban itu first, dan seterunya kalau perempuan dia akan bawa masuk biliklah takut ada laki, dia akan start urut dari kepala, dia akan letak minyak kelapa dalam pinggan kecik, dalam mangkuk itu nanti akan ada biji lada yang warna putih itu, lada putih itu dia gunaka macam urutkan dia akan urut baca akan dimulai dengan Bismillah, ada doa-doa dia, selepas itu masa sebelum dia berurut itu dia akan macam ini, dia baca surah dekat minyak itu dan dia akan urut start dari kepala dulu, dia urut-urut dan baca surah itu tapi tak sepanjang itu dia macam surah itu, dan dah urut itu dekat jari kita dia gunakan lada itu tadi dia buat macam ini untuk buang angin.

Selepas itu kalau kat jari kaki dia buat sama juga, dan habislah, kita akan ambik paku yang kita bawa tadi dari rumah kita gigit dan bagi kat dia dia akan gigit selepas itu nenek akan simpan. Paku itu macam pengeras supaya dia tak bawa penyakit orang itu kepada dia macam itu. Kalau ada orang minta dia buat air tawa, dia buka botol air dia baca surah-surah selepas itu dia tiup dan sepanjang demam itu minumlah air itu. Kalau yang mata itu dia cakap, dia guna macam bentuk straw tapi bukan plastic dia kayu, dia macam kayu yang dah halus di buat lubang, dia ada baca-baca surah, selalunya orang yang sakit mata yang jenis merah itu, dan dia akan tiuplah dia baca-baca surah dulu dan dia buka mata pesakit dia tiup sampai macam keluar air mata sampai lah beberapa kali. Selalunya orang yang sakit mata ini dia datang pagi dengan datang petang dua kali sehari, tak silap saya selama tiga hari berturut-turut pagi, petang. Dan kena dengar pantang larang dia, dia taka da lah pantang larang sangat dia kata jangan makan cili tiga hari ini, yang makanan bercili pedas, makan sahaja yang biasa-biasa, jangan makan yang pelik-pelik makan yang biasa-biasa sahaja. Banyak orang datang kat dia nak urut, yang mata itu tadi dengan yang gatal-gatal itu sahaja, penyakit yang kena buatan orang dia tak tahu.

Faiz: Kalau awak tahu, dari mana nenek belajar perubatan tradisional ini?

Iezra: Oh, yang itu saya tidak tahu, rasanya semua takt ahu, dia sahaja yang tahu.

Faiz: Macam cara perubatan dan peralatan yang dia gunakan untuk ubatkan orang sama sahaja kan dari dulu?

Iezra: Iya sama sahaja dari dulu dan sekarang.

Faiz: Boleh saya tahu bagaimana permintaan atau sambutan dari masyarakat Melanau sendiri dalam menggunakan khidmat dari nenek awak dari zama dulu dan sekarang?

Iezra: Sambutan memang sangat memberansangkan dulu, cuma sekarang dah tak sebab dia macam adik beradik mak saya memang dah kata kat nenek tak payahlah berubat lagi sebab nenek saya dah tak larat sangat, macam yang saya cakap kalau dia urut pun dia dah macam tak ada orang nak urut-urut badan macam itu, dia urut yang maca manak-anak dia, cucu-cucu, dia dah tak terima orang lain. Kalau yang macam yang gatal-gatal tadi sebab dia tak memerlukan tenaga dia perlukan kunyit apa semua itu, dia masih boleh buat, macam yang sakit mata tadi dia masih boleh buat, yang macam mengandung tadi urut-urut megandung dia masih boleh buat, kalau urut lepas beranak itu dia dah tak sebab kalau lepas beranak dia kena urut seluruh badan, nenek saya tak terima sebab dia tak larat dia tak boleh nak urut sangat dah. Kalau soal bayaran itu dia tak minta, seikhlas hati nak bagi apa, berapa sebab dia memang tak minta dia tolong sahaja. Kadang-kadang orang bagi hadiah dan duit, kadang-kadang bagi duit, dia terima sahaja dia tak minta apa-apa pun.

Faiz: Kalau yang macam, awak tahu orang Melanau sahaja yang datang dapatkan khidmat nenek awak atau ada bangsa lain yang datang juga?

Iezra: Mostly kalau kat bahagian sini orang Melanau sahajalah. Sebab kalau macam nenek saya masa dia masih urut lagi orang macam cikgu-cikgu dari semenanjung yang datang mengajar cari juga nenek saya.

Faiz: Apakah kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau, bagaimana cara untuk mengekalkan ilmu perubatan tradisional ini?

Iezra: Macam yang saya cakap tadi dia ada ajar sikit-sikit dekat dia punya anak. Saya pernah ikut mak pergi rumah nenek ajar tapi masa itu saya tak dibenarkan tengok, dia macam saya tengok sikit-sikit dari jauh sahaja. Macam saya cakap dia ada bacaan-bacaan dia masih yang islam punya cuma yang kadang-kadang macam yang saya cakap tadi dia ada nama-nama dia

tahu tak itulah. Hanya dia dan yang diajar itu sahaja yang tahu. Macam mak saya, saya tanya apa nenek ajar dia tak akan beritahu, dia ada bagitahu sikit-sikit macam yang ini dia ajar macam ini, dia tengok semangat anak-anak dia nak belajar apa, sebab dia orang pun nak ubatkan cucu dia kalau sakit perut nak kena baca surah apa, macam sakit perut itu macam mana urutan itu nak kena teknik dia macam mana. Saya rasa memang patut dikekalkan sebab tak semua boleh bagi doctor memang ada ken acara tradisional juga. Sebab macam saya tengok orang dari jauh-jauh pun cari pergi tempat yang jauh untuk berubat, memang nampak disitu sangat-sangat memerlukan. Setakat ini nenek ajar sampai anak-anak dia sahaja, tak ada sampai lagi dekat dia punya cucu. Selepa itu nanti dia punya anak sendiri akan decide nak teruskan bagi dekat siapa, contohnya kalau macam dia bagi kat mak saya cara ubat sakit perut, mak saya akan decide nak bagitau saya or kakak saya ke macam itu. Kalau macam satu hari nanti saya ada anak dan keluarga nak tahu cara itu mungkin saya akan pergi dekat dia tanya.

Faiz: Nenek awak ajar secara praktikal teruslah kan, tidak ada tulis dibuku macamtu?

Iezra: Tak ada rasanya, kalau dia tulis dibuku pun rasanya surah-surah apa yang nak dibaca sahaja.

15. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Norsyuhada binti soffian

Umur: 21 Tahun

Kampung: Kg Tellian Tradisi

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (11.40pm)

Faiz: Assalamualaikum dan selamat pagi, pertama sekali terima kasih kepada syuhada kerana sudi menjadi informan saya. Saya sedang menjalankan kajian mengenai perubatan tradisional Melanau di Kawasan Mukah, Dalat dan Oya. Saya ada tiga objektif, salah satu objektif saya focus kepada golongan belia sahaja dimana saya nak lihat dimana perubahan perbezaan antara golongan muda, dewasa iaitu ibu, ayah, atuk, nenek, golongan expert yang dikenali sebagai bomoh itu sendiri. Soalan pertama, boleh syuhada berkongsi apa yang syuhada tahu mengenai perubatan Melanau ini?

Syuhada: Seperti apa yang saya tahulah, perubatan tradisional Melanau ini terbahagi kepada 5 jenis, yang pertama memaku, yang kedua berbayoh, yang ketiga berguda, yang keempat payun, yang kelima dakan itu sahaja.

Faiz: Syuhada berasal dari kampung mana?

Syuhada: Saya dari kampung Tellian Tradisi.

Faiz: Boleh ceritakan sikit mengenai kampung Tellian ini saya nak tahu.

Syuhada: Tellian ini ada Tellian laut, Tellian jaya, Tellian ulu, Tellian tengah, Tellian tradisi, Tellian daya.

Faiz: Di kampung tellina tradisi dan yang lain-lain itu dah tak diamalkan ke perubatan tradisional Melanau ini?

Syuhada: Tidak tahu, tapi setakat ini pernah dengarlah berbayoh itu masih ada, sebab dia keturunan.

Faiz: Ada orang ke yang masih mengamalkan itu contohnya berbayoh itu?

Syuhada: Kalau dengar cerita orang kampung itu masih ada. Kalau sekarang tidak tahu sangat sebab tidak dengar lagi.

Faiz: Cuma tadi dakan itu pernah dengar?

Syuhada: Pernah sebab dakan ini waktu kaul memang ada guna dakan.

Faiz: Seterusnya pada pendapat syuhada sendiri sebagai golongan belia Melanau adakah perubatan tradisional ini masih relevan?

Syuhada: Pada pendapat saya kalau perubatan tradisional pada zaman sekarang ini lebih baik jangan diamalkanlah sebab ialah sebab sekarang kan contoh kalau zaman agama Islam lebih kepada perubatan moden, jadi sekarang ini semua yang golongan tua yang mengamalkan tersebut mungkin ada yang sudah meninggal jadi anak, cucu-cucu pon macam lebih kepada moden dan diaorang pon masih akan gunakan perubatan moden berbanding perubatan tradisional. Dan kalau family itu kalau family kami tidak ada sebab kampung kami itu baru diwujudkan, kami pun baru disitu jadi tidak ada terlibat dengan perubatan tradisional ini, sebab kalau ayah syu ini orang Dalat jadi kalau amalan perubatan tradisional itu tidak ada sebab mostly adalah yang Kristian tapi Islam more to ke klinik.

Faiz: Syuhada pernah dapatkan tak perkhidmatan perubatan tradisional ini? Ataupun family, selain perubatan tradisonal Melanau contohnya macam perubatan Islam pun boleh macam pergi ruqyah ke? Ataupun kalau macam perubatan menggunakan herba?

Syuhada: Tidak ada.

Faiz: Maknanya kalau sakit memang akan rujuk hospital lah? Kalau tidak sembuh macam mana?

Syuhada: Iya memang akan rujuk hospital kalau sakit. Kalau dari kecil dulu kan kalau syu demam panas, ayah syu kan pandai membuang angin, adakah itu dikira perubatan tradisional. Semasa kecil adalah ayah buangkan angin, tapi sekarang tidak ada lagilah.

Faiz: Jadi kalau sakit pergi hospital dulu, lepas itu kalau tak dapat baru guna cara tradisional seperti mengurut semua itu?

Syuhada: Iya betul, macam itulah.

Faiz: Mengapa syuhada memilih klinik berbanding perubatan tradisional?

Syuhada: Mungkin kalau tradisional ini susah didapati sebab susahlah, kalau klinik ini senang sebab kita sekarang lebih percaya kepada ubat dan senang nak pergi dan senang nak lihat perubahan kalau lepas sakit.

Faiz: Diantara ahli keluarga memang tidak ada lah yang mengamalkan perubatan tradisional in ikan?

Syuhada: Tidak ada. Tapi kalau ruqyah itu ada.

Faiz: Siapa pernah dapatakan perubatan ruqyah itu?

Syuhada: Mak saya pernah, kerana terkena gangguan. Dia dapatkan rawatan di Miri.

Faiz: Sekarang masih ke?

Syuhada: Sekarang tidak lagi sudah sembuh, tetapi mak cik saya masih dapatkan rawatan di Dalat, Mukah.

Faiz: Seterusnya pada pandangan syuhada, apakah cabaran dan harapan syuhada mengenai kepentingan perubatan tradisional ini kepada masyarakat Melanau.

Syuhada: Bagi saya memang boleh kalau kita yang macam perubatan tradisional boleh dikekalkan tapi kalau diwarisi itu tidak boleh sangat sebab, kalau di Mukah mungkin kalau agama likow itu boleh diamalkan tetapi kalau Islam itu tidak bolehlah. Tapi untuk dikekalkan boleh sebab banyak generasi Melanau yang baru itu mungkin diaorang boleh tahu informasi barulah mengenai perubatan ini dan harapan saya harap dapat dikekalkan tadi itulah.

Faiz: Yang syuhada ada sebutkan tadi yang 5 jenis itukan, maknanya itu hanya dari buku bacaan sahaja kan? Dan yang paling pernah dengan mengenai dakan sahajakan?

Syuhada: Dakan dan berbayoh sahaja.

Faiz: Yang lain-lain memang tidak pernah dengarlah?

Syuhada: Iya betul.

Faiz: Boleh share sikit ke apa yang syuhada tahu kalau berubat menggunakan dakan dan berbayoh ikut yang syuhada tahu.

Syuhada: Saya tidak tahu sangat proses perubatan menggunakan dakan dan berbayoh itu.

Faiz: Seterusnya, ada soalan lain sedikit mengenai sagu atau balau, pernah dengar?

Syuhada: Iya tahu.

Faiz: Family ada kebun balau ke/

Syuhada: Ada tanah.

Faiz: Ayah memang pengusaha kebun balau ke?

Syuhada: Tidak. dia macam beli tanah itu dan di tanah itu ada balau.

Faiz: Adakah balaua tau rumbia ini penting kepada masyarakat Melanau?

Syuhada: Pada pendapat saya dia penting sebagai makanan ruji dan sebagai ekonomi lah sebab boleh diproses dalam pelbagai bentuk seperti makanan ataupun dalam bentuk tepung, dia boleh diproses dalam pelbagai bentuklah.

Faiz: Boleh sharekan fungsi kegunaan balau bagi masyarakat Melanau?

Syuhada: Dari kita nampak dari sepohon balau yang kitab oleh guna pertamanya ialah kulit rumbia itu kitab oleh guna sebagai alas kaki kalau rumah kampung itukan kalau bagi mengelakan jalan itu licin kita boleh gunakan sebagai alas atas tanah itu dan pada zaman dahulu kalau zaman sekarang ini tidak tahu lah tapi kalau Kawasan kampung ayah syu dia memang ada satu kampung yang memang terpinggir diaorang masih gunakan yang alas kulit rumbia itu dan sebagai atap mungkin sebab ekonomi sara hidup yang rendah jadi diorang guna bahan persekitaran untuk membuat bahan rumah. Kulit itu dia buat jalan sebab permukaan kasar senang nak jalan atas itu dia macam itulah. Kalau kita Nampak dari segi isi dalam rumbia itu boleh hasilkan tepung sagu tepung lementak, dia macam bentuk yang basah dan serbuk. Kalau sekarang ini modenkan serbuk itu lebih senang berbanding yang basah dan lagipun harga untuk itu pun mahal. Dan kalau tepung sagu boleh jadi saguk, makanan dengan umailah, saguk ini berbagai jenis juga bergantung dengan tempat ada yang halus, ada yang kasar, ada yang kecik dan besar. Isi dalam rumbia itukan ada ulat mulong boleh dimakan, makruh untuk orang Islam dan harga untuk sekilo mahal.

Faiz: Kalau dari segi makanan?

Syuhada: Kalau family kita orang makan sago ball dengan umai, kalau Melanau panggil beluh potongan ikan mentah tapi diperap dengan garam potong-potong makan macam itu dan kalau makanan petang dengan air panas.

Faiz: Syuhada ada tahu mengenai balau ini digunakan dalam perubatan tradisional?

Syuhada: Tidak tahu.

Faiz: Kalau produk-produk daripada balau ini ada pernah dengar tak? Selain daripada saguk tadi. Contohnya coklat dan mi?

Syuhada: Pernah, biskut yang CAUN Research buat itu.

Faiz: Syuhada sendiri rasakan adakah terdapat hubungan yang rapat antara golongan Melanau ini dengan pokok rumbia.

Syuhada: Iya, contohnya belakang rumah saya kan sungai kecil yang menghubungkan tellina, ada yang menggunakan balau ini sebagai ekonomi untuk jual balik untuk sara hidup, ada juga yang guna balau ini untuk kebunlah untuk kegunaan sendiri.

Faiz: Syuhada ada ke family contoh kalau ada kematian ke apa ke yang ada pantang larang berkenaan balau ini?

Syuhada: Kalau Islam tak ada, kalau Kristian ada sebab menghormati si mati diorang akan gotong royong dan ada palei, satu lagi diaorang ada pantang macam family itu sahaj yang tak boleh keluar.

Faiz: Itu sahaja soalan untuk harini, ada nak tanya apa-apa kepada saya?

Syuhada: Adakah kajian ini akan dihebahkan kepada orang lain?

Faiz: Dia macam ini kalau master ini satu saya kena hasilkan thesis, dan saya akan hantar di PETARY dan di fakulti. Kalau ada siapa nak buat kajian mengenai ini cari di PETARY sahahja setelah saya publish disana dan saya juga kena publish satu artikel.

16. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Wendy anak Joseph dan Stephanie Uni binti Charles

Umur: 19 Tahun

Kampung: Mukah dan Kg Seberang, Dalat

Tarikh dan masa: 26/10/2022 (8.10pm)

Faiz: Boleh kongsikan dengan saya apa yang korang tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?

Stephanie: Perubatan tradisional Melanau dulu selalu diamalakan oleh nenek moyang, sekarang masih ada cuma tak banyak macam dululah, sebab kita punya bandar makin maju, teknologi makin tinggi, hospital juga makin banyak, jadi orang akan lebih ke perubatan moden. Kalau ikut perubatan Melanau dulu contohnya macam rawat kulit kita ada alergik apa semua, sekarang orang banyak pakai lotion yang doctor bagi tapi kalau orang dulu-dulu mereka ada satu ubat itu mereka panggil itu '*panuih payau'* iaitu satu proses untuk berubat untuk penyakit kulit. *Panuih payau* itu cara dia, *payau* itu sejenis haiwan dalam bahasa Melanau, dan kita ambik tanduk *payau* itu untuk dibakar di arang yang membara jadi *payau* itu dah di atas arang dia akan berasap, orang yang sakit itu akan duduk di sekeliling *payau* itu dan dia akan cover tubuh badan dia dengan kain, jadi asap itu akan menimpa badan dia sahaja, dengan cara itu kami percaya boleh sembuhkan penyakit kulit.

Faiz: Selain *panuih payau* ini ada lagi ke jenis perubatan yang lain?

Wendy: Ada saya pernah dengar mystic ritual orang panggil dia untuk sembuhkan penyakit tapi mereka pakai patung, patung itu mereka namakan *dakan* kalau di Mukah, di Dalat adalah *belum*. Apa yang saya tahu *dakan* ini diperbuat daripada pokok rumbia.

Faiz: Pernah tengok orang berubat menggunakan ini?

Wendy: Tidak pernah.

Stephanie: Saya pernah tengok orang berubat, sebab biasanya kami bukan 100% nak percaya lah kan tapi kami kalau dah pergi doctor tapi masih sakit kami akan pergi inisiatif itu perubatan tradisional. Kami rasa something wrong, benda hilang ke apa ke kami akan pergi orang *penyiluk*. Nama proses ini adalah *menyiluk*, menyiluk ini kalau ikut moden dia macam scanning badan kita, cara proses itu berlaku orang yang nak disiluk itu akan duduk membelakangi orang yang nak tengok itu, antara mereka akan ada lilin, orang yang akan nak tengok itu akan membaca sesuatu tapi saya tak dapat tahu apa dia baca, kalau kamu clean dia akan cakap kamu clean, kalau kamu tak clean dia akan bahagi dua lagi, satu mesti mandi bunga untuk buang yang tak clean itulah, satu lagi yang *belum* itulah. Belum itu diperbuat daripada dahan rumbia selepas itu *belum* itu pun ad acara nak dispose dia, satu biarkan dia terapung atas sungai, jadi itu petanda kamu buang benda itu sekali dengan arus air, yang kedua adalah kamu simpan belum itu kalau dia suruh buang dalam hutan, seperti kita hantar balik benda itu ke dalam hutan itulah cara dia. Kawan-kawan saya dulu kalau ternampak belum atas sungai jangan tegur.

Faiz: Pada pendapat korang, perubatan tradisional Melanau masih lagi relevan tak pada masa sekarang?

Wendy: Mungkin dekat golongan kami belia macam itu tak lah, tapi untuk nenek moyang ada yang masih amalkan dan percaya sekarang.

Stephanie: Bagi saya tidak lah percaya sangat tapi sebenarnya some perubatan tradisional ini betul-betul efektif kat badan itu. Walaupun kami ada menganut agama masing-masing, ada kepercayaan masing-masing tapi kami masih mengamalkanya. Contohnya, kami ada

buang angin, memang tiap kali mak saya sakitkan kalau tak dapat ubat itu dia memang akan pergi buang angin terus, buang angin pun ada cara masing-masing ada ubat dan minyak dia tersendiri.

Faiz: Orang yang tukang berubat itu korang gelar dia apa?

Stephanie: Kami tak panggil dia specifically *abayoh*, kami just panggil dia nama, dia biasa-biasa juga cuma dia ada kemahiran sahaja. Dia tak sampai *abayoh*, dia pun beragama islam, ada agama masing-masing. Dia cuma ada kemahiran untuk mengubat orang sahaja.

Faiz: Jenis perubatan tradisional Melanau yang digunakan tadi adakah masih sama dari zaman dahulu ataupun zaman sekarang dia ada berubah?

Stephanie: Saya pun tidak pasti sangat, saya cuma tengok nenek saya sahaja, mungkin cara dia masih sama mungkin bahan dia yang berubah saya tak pasti sangat. Saya rasa masih sama cara berubat dia apa yang perlu buat apa yang pantang larang dia masih sama.

Wendy: Iya saya rasa sama sahaja dari dulu dan sekarang cara dia.

Faiz: Pernah dapatkan khidmat perubatan tradisional? Kalau pernah, ceritakan sikit perubatan apa yang awak dapatkan.

Wendy: Saya tidak pernah.

Stephanie: Saya pernah, macam saya bagitahu tadi saya *panuih payau*, masa kecik dulu ada ikan kering saya makan ikan itu dan badan say amula gatal, saya pergi hospital tapi tidak dapat apa-apa, jadi saya cuba untuk *panuih payau*, pada masa itu saya buat malam dan adalah beberapa kali malam juga saya buat *panuih payau* itu, lama-lama itu dia dah elok sampai sekarang. Panuih payau, arang yang masih panas diletakkan dalam satu bekas dan tanduk payau itu diletakkan disitu untuk di asapkan, orang yang sakit itu akan duduk dekat payau

itu supaya asap itu menghala pergi dia untuk tutup asap itu daripada terbang mesti tutup orang sekali asap itu pakai kain, paling bagus kalau makin banyak skin yang di expose.

Faiz: Sekiranya anda sakit yang mana anda akan pergi dahulu, perubatan tradisional atau doktor?

Wendy: Kalau saya obviously akan pergi ke doctor dahululah. Macam kalau doctor tak dapat selesaikan masalah itu, dia dah buat bagi ubat masih juga sakit saya akan cari lah dengan ahli keluarga yang terdekat untuk khidmat perubatan tradisional ini.

Faiz: kenapa awak pergi jumpa doctor dulu?

Wendy: Sebab zaman moden, saya lebih percaya kepada cara yang lebih saintifik berbanding cara tradisional.

Stephanie: Kalau saya pun sama akan pergi ke moden dulu, sebab macam benda itu sudah proven scientifically jadi kita pun boleh percaya dan kalau masih tidak dapat juga saya akan ikut cara tradisonal juga sebab bukan semua tradisional itu tahyulkan, saya pun percaya cuma certain sahaja yang tak tersimpang daripada agama, jadi saya akan pergi tradisional selepas saya pergi perubatan moden.

Faiz: Ada diantara ahli keluarga yang masih mengamalkan perubatan tradisional ini?

Wendy: kalau saya tiadalah.

Stephanie: Kalau saya iya masih ada, parent saya dan dan nenek saya masih mengamalakan. Selepas perubatan moden memang ada ubat yang diberikan tetapi kalau nak cepat sembuh kami akan pergi ke tradisional punya.

Faiz: Boleh kongsikan perbezaan system perubatan tradisional dan moden yang korang tahu?

Wendy: Kalau yang moden punya, dia scientifically proven sebab mereka dah buat kaji-kaji satu-satu kalau tak Berjaya mereka ulang lagi proses itu jadi benda itu memang sudah confirm boleh digunakan oleh semua orang macam itu. Kalau tradisional ini mereka pakai herba macam itu, tapi dia tak lah 100% dapat sembuhkan orang itu, dia macam mengurangkan sahaja sakit itu pada pendapat saya.

Stephanie: Saya pun setuju dengan wendy sebab kalau moden punya sudah dikaji dan diuji dan benda itu boleh percaya. Kalau tradisional dia turun temurun kita tak tahu kalau benda itu dah diubah ke atau ditukar cara dia jadi dia punya possibility untuk sembuh pun tidak lah 100% akan sembuh, tapi dia bagus untuk diamalkan.

Faiz: Pandangan korang mengenai cabaran dan harapan mengenai peubatan tradisional kepada masyarakat Melanau?

Wendy: Cabaran dia itulah kita punya kemodenan nak bersaing dengan perubatan moden, even dalam lecture pun mereka lebih ajar cara moden, kalau mereka ajar pasal herba tradisional punya perubatan pun mereka ajar itu sebagai sejarah sahaja, mereka tidak ajar dia boleh jadi alternatif sekarang itulah cabaran dia. Harapan saya mungkin keluarga ajarlah kami golongan belia mengenai perubatan tradisional ini sebab sekarang ini tak banyak orang tahu, makin pupus.

Stephanie: Cabaran dia macam wendy cakap, banyak belia sekarang tidak percaya dengan cara tradisional mereka akan cakap benda ini tak betul, mereka percaya lagi dengan moden punya jadi benda itu sukar untuk orang yang lebih tua pass ilmu kepada mereka sebab mereka tidak terbuka hati untuk belajar benda itu. Harapan saya, saya mencadangkan kepada sesiapa yang ada family mengamalkan better mereka expose benda itu tidak lah macam dengan bangganya mereka tunjuk masih mengamalkan benda itu tetapi masih juga

mengamalkan agama masing-masing, ada cara tradisional yang memang bagus untuk diamalkan better untuk parent tunjuk dan ajak anak-anak mereka especially untuk masyarakat Melanau lah untuk buat benda itu.

17. **In-depth Interview Transcript with Melanau Youth**

Nama: Shearilin Win Anak Plawun

Umur: 24 Tahun

Kampung: Kg Tellian Ulu, Mukah

Tarikh dan masa: 09/10/2021 (10.00am)

Faiz: Boleh anda kongsikan apa yang ada tahu mengenai perubatan tradisional Melanau?

Shearilin: Perubatan traditional Melanau adalah salah satu kaedah perubatan turun-temurun yang diajar secara lisan oleh generasi terdahulu kepada anak cucu cicit mereka dalam perawatan kepada sebarang penyakit fizikal/mental/jasmani atau batin sesorang.

Faiz: Pada pendapat anda adakah perubatan tradisional Melanau ini masih lagi relevan?

Shearilin: Saya berpendapat bahawa perubatan traditional Melanau kini kurang relevan pada masa kini disebabkan oleh persaingan hebat dari cara perubatan moden yang kian berkembang saban hari.

Faiz: Apakah jenis ritual perubatan tradisional Melanau yang masih digunakan sama sahaja daripada zaman generasi dahulu dan zaman sekarang?

Shearilin: Saya kurang cakna akan sebarang perubatan traditional dahulu yang masih diamalkan sekarang. Pada pendapat saya, mungkin sudah tiada atau mungkin hanya segelintir yang masih menganut agama Pagan yang ada mengamal di mana saya tidak ada sebarang pengetahuan disebabkan saya tidak menetap di kampung.

Faiz: Adakah anda pernah mendapatkan perkhidmatan pengamal perubatan tradisional bagi membantu menyembuhkan penyakit anda? Jika ya boleh beritahu jenis penyakit yang dihadapi oleh anda?

Shearilin: Tidak pernah.

Faiz: Sekiranya anda sakit, siapa yang akan anda rujuk terlebih dahulu, adakah pengamal perubatan tradisional atau Doktor perubatan? Boleh terangkan mengapa anda memilih untuk rujuk individu itu?

Shearilin: Saya pasti akan merujuk kepada doktor perubatan moden kerana perubatan traditional sudah tidak diamalkan oleh keluarga saya. Perubatan moden juga lebih dekat dan senang dicapai daripada perubatan traditional.

Faiz: Adakah di antara ahli keluarga anda yang masih mengamal perubatan tradisional ini?

Shearilin: Tiada.

Faiz: Boleh anda kongsikan perbezaan dalam sistem perubatan tradisional dan perubatan moden yang anda tahu?

Shearilin: Perbezaan ketara yang saya boleh lihat adalah dari segi teknologi yang digunakan. Perubatan traditional banyak bergantung kepada kepercayaan turun temurun dan penggunaan alat atau barangan yang dicipta/diolah daripada bahan yang didapati dari alam sekitar kediaman si pengamal perubatan manakala bagi perubataan moden, semuanya bergantung kepada teknologi moden terkini dan ilmu sains kesihatan yang semakin pesat mengembang. Dari segi kebolehpasaran & kemampanan pula, perubatan moden jauh lebih dipercayai dan mudah difahami oleh generasi sekarang di mana rata² manusia lebih tertarik dan tertumpu akan pembangunan dan teknologi moden ke arah masa depan. Dari segi keagamaan pula, rata² generasi muda telah menganuti agama² selain agama Pagan yang merupakan tunjang kepada kaedah perubatan traditional. Perubatan traditional dipandang enteng oleh kerana larangan agama masing² yang tidak berapa selari dengan pegangan agama dahulu dimana ianya sangat berkait rapat dengan ritual² dalam perubatan traditional. Akhir sekali, bagi saya isu urbanisasi juga memainkan peranan penting dalam isu perbezaan ini kerana generasi kedua dan seterusnya biasanya jarang atau langsung tidak didedahkan dengan perubatan² traditional yang merupakan salah satu identiti asal usul mereka.

Faiz: Apakah pandangan, cabaran dan harapan anda mengenai kepentingan perubatan tradisional kepada masyarakat Melanau?

Shearilin: Halangan bahasa, kurang pendedahan dan urbanisasi yang kian rancak menyukarkan generasi muda untuk mengalami, mengenali, mendalami serta menghayati perubatan traditional. Begitu juga di sudut keagamaan di mana perubatan traditional tidaklah lagi wajar diamalkan jadi semakin banyak ritual² dan ilmu akan kaedah perubatan traditional dilupakan dan ditinggalkan oleh masyarakat Melanau. Hilangnya salah satu penanda kepada identiti bangsa Melanau seharusnya tidak dipandang ringan. Walaupun tidak dinafikan ramai sudah tidak mengamalkan perubatan traditional namun usaha² untuk memelihara dan melestarikan ilmu perubatan traditional haruslah diambil oleh pihak berwajib. Mengambil kira akan arus kemodenan pada ketika ini, rakaman lakonan semula ritual², pembukuan ilmu² yang masih diingat oleh generasi terdahulu serta kajian lapangan untuk mendalami ilmu yang semakin lapuk dimamah usia adalah antara usaha yang mungkin dapat diambil untuk memulihara ilmu perubatan traditional agar dapat ditonton oleh generasi mendatang.